

البُشْرَى

في مناقب

السيدة خديجة الكبرى رضي الله عنها

Khābar Gemībira

MANAQIB SAYYIDATINA
KHADIJAH AL-KUBRA رضي الله عنها

al-Imam al-'Allamah
As-Sayyid Muḥammad bin Alawi
al-Maliki al-Hasani

كتاب

البُشْرَى سِرِّكَه

في مناقب
السيدة خديجة الكبرى رضي الله عنها

KHABAR GEMBIRA
MANAQIB
SAYYIDATINA KHADIJAH
AL-KUBRA رحمه الله عنها

البُشْرَى

في مناقب

السيدة خديجة الكبرى رضي الله عنها

KHABAR GEMBIRA

MANAQIB

SAYYIDATINA KHADIJAH

AL-KUBRA رحمه الله عنها

بقلم

محمد بن علوي المالكي الحسني
غفر الله له ولوالديه وال المسلمين أجمعين

al-Imām al-‘Allamah

As-Sayyid Muhammad bin Alawi al-Maliki al-Hasani

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

AL-BUSHRA

Cetakan Pertama, 2015
Cetakan Kedua, 2016.
Cetakan Ketiga 2019

Edisi Digital, 2020

© Ba'Alawi Kuala Lumpur

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian daripada terbitan ini sama ada ilustrasi dan isi kandungannya dalam apa jua bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Al-Imam al-'Allamah as-Sayyid Muhammad bin Alawi al-Maliki al-Hasani

AL-BUSHRA
ISBN 955-574-970-027-4

Diterbitkan oleh:



BA'ALAWI KUALA LUMPUR
No 9, Jalan UP2A,
Prima Ukay Saujana Melawati
53100 Kuala Lumpur
Tel + 603 4162 5707
<http://www.facebook.com/Ba'Alawi KL>

Direkabentuk oleh:
Perusahaan Tukang Buku KM
8, Jalan Puteri Bangi 2A/6
Bandar Puteri Bangi
43000 Kajang, Selangor
E: ibu.pejabat@tukangbuku.com
T: +603-8928 9899

ISI KANDUNGAN

Muqaddimah	vii
البُشْرِي فِي مَنَاقِبِ السَّيِّدَةِ خَدِيجَةِ الْكَبِيرِ ﷺ	
<i>Khabar Gembira:</i>	
Manaqib Sayyidatina Khadijah al-Kubra ﷺ	1
وَفَاتُهَا	
Kewafatannya.....	70
دُعَاءٌ	
Do'a.....	72
الْكُبِيرِي	
Al-Kubra.....	89
الْآمِنِيَّة	
Al-Aminah	105
قُصْيَدَةُ التَّوَسُّل	
Qasidah Tawassul.....	119

MUQADDIMAH



Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah ﷺ yang telah memuliakan kewujudan ini, yang telah memuliakan anak cucu Adam dan mengurniakan kepada mereka keutamaan-keutamaan dan kelebihan yang jauh lebih banyak daripada yang diberikan Allah ﷺ kepada makhluk-makhluk ciptaanNya yang lain, dengan pengutusan Nabi yang paling pemurah dan semulia-mulia makhluk di kalangan mereka. Penghulu kami, Nabi Muhammad ﷺ yang teragung dan terpuji.

Salawat dan salam kita sampaikan kepada junjungan kita Nabi Muhammad ﷺ yang membawa hidayah dan rahmat kepada sekalian alam. Salawat dan salam juga kepada seluruh keluarga dan para sahabat Baginda ﷺ!

Amma ba'd.

Ketahuilah sesungguhnya kitab ini, *Al-Bushra*, telah membawakan khabar gembira kepada kita dengan melakarkan sejarah pengorbanan seorang insan yang bernama Khadijah binti Khuwailid bin Asad bin Uzar bin Qushai al-Asadiyah, Ummul Mukminin. Kitab ini sewajarnyalah diteliti dan dihayati oleh seluruh umat Islam dan diteladani segala sifat terpuji dengan tidak berbelah bagi atau ragu di dalam menegakkan syariat Islam di atas muka bumi ini. Beliau, Ummul Mukminin Sayyidah Khadijah al-Kubra ﷺ telah mengorbankan segala harta, jiwa dan raganya demi Islam yang dibawa oleh Baginda Rasul ﷺ sehingga mendapat keredhaan Allah ﷺ!

Moga dengan kitab karangan al-'Allamah Imam al-Sayyid Muhammad bin 'Alawi al-Maliki al-Hasani ﷺ ini, walaupun nampak ringkas, namun ia merangkumi segenap sudut keperibadian mulia Ummul Mukminin Sayyidah Khadijah al-Kubra ﷺ untuk kita hayati dan teladani.

Semoga Allah ﷺ memberikan kita nikmat kasih sayangNya yang paling besar, kasih sayang Nabi yang dikasihiNya dan orang-orang kudusNya! Semoga Allah ﷺ tidak mengambil kembali kehidupan kita sehingga kita telah melakukan perbuatan yang cukup baik untuk memastikan pembebasan kita di dunia kekal abadi dan sehingga hati-hati kita telah disirami dengan manifestasi indah kasihNya!

Semoga Allah ﷺ merahmati. Amin!

Ba'Alawi Kuala Lumpur

١٤٣٦ / ٢٨ Jun 2015.

بِشْرَىٰ



Dengan Nama Allah
Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani

Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah yang memuliakan kewujudan ini dengan mengutuskan Nabi yang paling pemurah dan semulia-mulia putera. Penghulu kami Nabi Muhammad ﷺ, Nabi yang teragung dan terpuji yang memiliki syafaat yang besar dan telaga yang diingini oleh semua (Telaga Kauthar). Sumber kelebihan yang nyata. Juga insan yang memiliki ibu bapa dan datuk-datuk yang suci dan mulia. Insan pilihan Allah buat alam ini dan juga penghulu anak Adam. Cahaya yang dipindahkan dari generasi ke generasi yang terkenal mulia. Kelahiran, pengutusan dan kemunculan Baginda ﷺ turut menyinari kejadian ini. Dan terbitlah mentari hidayah dan ma'rifat ke atas seluruh makhluk. Salawat dan salam ke atas penghulu sekalian penghulu, pemilik segala sifat dan rupa yang sempurna. Yang memiliki cahaya meliputi seluruh alam dan martabat yang tinggi, juga jalan yang benar dan agama yang lurus dan keturunan yang disegani dan kemegahan yang besar.

Seterusnya salawat dan salam ke atas kaum keluarga dan para sahabatnya, para isteri dan zuriatnya, serta para pengikutnya yang mengikuti agamanya. Begitu juga Sayyidatina Khadijah ﷺ yang telah dimuliakan kerana berkongsi kehidupan dan berteman dengannya. Beliaulah yang unggul dalam berkhidmat untuk Baginda ﷺ. Beliau juga menyaksikan hari pengutusannya, berdiri memberi sokongan kepada seruannya, serta menyokong dan membantunya dalam kerja dakwah.



الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي شَرَفَ هَذَا الْوُجُودُ، بِيَعْثِةٍ أَكْرَمَ نَبِيًّا وَأَعْزِرَ مَوْلُودًا، سَيِّدَنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدًا النَّبِيَّ الْمُقَدَّسُ الْمَحْمُودُ، ذِي الشَّفَاعَةِ الْعُظْمَى وَالْحُوْضَ الْمَوْرُودُ، عَنْصُرَ الْفَضَائِلِ الْمَسْهُودُ، وَكَرِيمُ الْأُمَمَاتِ وَالْأَبَاءِ وَالْجُدُودُ، نُخْبَةُ الْعَالَمِ، وَسَيِّدُ وَلَدِ آدَمَ، مَنِ انتَقَلَ فِي الْغُرَرِ الْكَرِيمَةِ نُورُهُ، وَأَضَاءَ الْكَوْنَ مِيلَادُهُ وَبِيَعْثِتُهُ وَظُهُورُهُ، وَطَلَعَتْ شَمْسُ الْهِدَايَةِ وَالْعِرْفَانِ، يَانِفِلَاقِ صُبْحِهِ عَلَى كُلِّ الْأَكْوَانِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِ السَّادَاتِ، كَامِلُ الشَّمَائِيلِ وَالصِّفَاتِ، ذِي التُّورِ الْعَمِيمِ، وَالْقَدْرِ الْعَظِيمِ، وَالصِّرَاطِ الْمُسْتَقِيمِ، وَالدِّينِ الْقَوِيمِ، وَالْحَسَبِ الصَّمِيمِ، وَالْمَجْدِ الْفَخِيمِ.

وَعَلَى آلِهِ وَصَحَابَتِهِ، وَأَزْوَاجِهِ وَدُرِّيَّتِهِ، وَتَابِعِيهِ مِنْ أَهْلِ مِلَّتِهِ. وَحَدِيجَةُ الَّتِي تَشَرَّفَتْ بِعِشْرَتِهِ وَصُحبَتِهِ، وَفَازَتْ بِخِدْمَتِهِ، وَشَهَدَتْ يَوْمَ بِعْثَتِهِ، وَقَامَتْ بِتَأْيِيْدِهِ فِي دَعْوَتِهِ، وَمُوازَرَتِهِ وَنُصْرَتِهِ.

Amma ba'd, sesungguhnya inilah cahaya kenabian dan limpahan rahmat daripada Ilahi yang telah dilalui oleh pena ini bersamanya dalam menyebut kedudukan dan kelebihan Ummul Mukminin yang telah tercatat lama dalam sejarah dunia Islam. Inilah kedudukan isteri pemimpin segala nabi dan rasul dan terpancar keunggulan akhlak insan yang sempurna. Inilah dia pemimpin umat terakhir dan terdahulu. Saya telah menghimpunkannya supaya setiap majlis dan keramaian akan diharumkan dengannya—di bandar mahupun desa. Saya telah memilihnya daripada khabar-khabar terpenting dan himpunan segala athar yang telah tercatat di dalam kitab sirah dan diari perjalanan para ulama'. Saya mengambil daripadanya setiap sesuatu yang diterima di sisi para imam huffaz yang muktabar. Syaratnya hadith yang didengarkan bukan maudhu' atau mardud. Inilah masanya untuk melaksanakan maksud tersebut, diiringi dengan bantuan Allah Maha Pemilik lagi Disembah.

Maka saya ungkapkan bahawa beliau itu ialah Sayyidatina Khadijah ﷺ binti Khuwailid bin Asad bin 'Abdul Uzar bin Qushai al-Asadiyah. Beliau bertemu pada salasilah Nabi Muhamad ﷺ pada datuknya yang bernama Qushai yang telah menghimpunkan semua kabilah Quraisy.

Ibunya ialah Fatimah binti Zaidah binti al-Asham dari Bani 'Amer bin Luay ibnu Ghilab. Maka mulianya disebabkan oleh keturunan yang suci, yang mana ia adalah keturunan kekasihNya yang termulia. Dan, sesungguhnya Allah telah memeliharanya daripada segala kekotoran jahiliyyah. Allah ﷺ telah memelihara kesuciannya dan melindunginya daripada segala kecelakaan dengan riayah dan inayah Allah yang agung. Maka beliau digelar sebagai “Puan yang Suci”.

أَمَا بَعْدُ، فَهَذِهِ نَفَحَاتٌ نَبَوِيَّةٌ، وَفُيوضَاتٌ رَبَانِيَّةٌ، جَرَى بِهَا
الْقَلْمُ فِي مَنَاقِبِ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ، وَفَضَائِلِ رَوْجَةِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ،
وَشَمَائِلِهَا الَّتِي هِيَ مِنْ أَحْسَنِ الشَّمَائِلِ، الْمُقْتَبَسَةُ مِنْ أَخْلَاقِ
ذَلِكَ الْإِنْسَانِ الْكَامِلِ، سَيِّدِ الْأَوَّلِيَّنَ وَالآخِرِيَّنَ، جَمَعْتُهَا لِكَيْ
تَتَعَظَّرْ بِهَا الْمَجَالِسُ وَالنَّوَادِيِّ، فِي الْحَوَاضِرِ وَالْبَوَادِيِّ، إِنْتَخَبْتُهَا
مِنْ عُيُونِ الْأَخْبَارِ، وَمَجَامِيعِ الْأَثَارِ، الْمُوَدَّعَةِ فِي السِّيَرِ وَالْأَسْفَارِ،
وَضَمَّنْتُهَا مِنْ ذَلِكَ كُلَّ مَا هُوَ مَقْبُولٌ، عِنْدَ الْأَئِمَّةِ الْحُفَاظِ
الْفُحُولِ، مِنْ كُلِّ قَوْلٍ مُحْمُودٍ، لَيْسَ بِمَوْضِعٍ وَلَا مَرْدُودٍ، وَهَذَا
أَوَانُ الشُّرُوعِ فِي الْمَقْصُودِ، بِعَوْنِ الْمَلِكِ الْمَعْبُودِ.

فَأَقُولُ هِيَ سَيِّدَتُنَا خَدِيجَةُ بِنْتُ خُوَيْلِدٍ بْنُ أَسَدٍ بْنِ عَبْدِ
الْعَزَّى بْنِ قُصَيِّ الْأَسَدِيَّةِ، تَجْتَمِعُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
فِي جَدِّهِ قُصَيِّ الْذِي جَمَعَ الْقَبَائِلَ الْقُرَشِيَّةَ.

وَأُمُّهَا فَاطِمَةُ بِنْتُ زَائِدَةَ بْنِ الْأَصَمِّ مِنْ بَنِي عَامِرٍ بْنِ لُؤْيٍّ
بْنِ غَالِبٍ، فَأَكْرِمَ بِهَا النَّسَبُ الظَّاهِرُ الَّذِي هُوَ نَسْبُ أَشْرَفِ
الْخَبَائِبِ، وَقَدْ حَفِظَهَا اللَّهُ تَعَالَى مِنْ أَرْجَاسِ الْجَاهِلِيَّةِ، فَأَحَاطَ
عَرْضَ هَذِهِ السَّيِّدَةِ الزَّكِيَّةِ، وَصَانَهُ مِنْ كُلِّ أَذِيَّةٍ وَبَلِيَّةٍ، بِرِعَايَتِهِ
وَعِنَائِيَّهِ الْبَاهِرَةَ، وَلِذَلِكَ كَانَتْ تُلَقَّبُ بِالسَّيِّدَةِ الظَّاهِرَةِ،

Bertuahlah wanita yang mendapat kurniaan yang mulia ini. Beliau dikenali dengan gelaran “al-Kubra” disebabkan kedudukannya yang hebat pada pandangan orang ramai. Dan beliau sememangnya berhak dan utama dalam hal tersebut.

Beliau dilahirkan 15 tahun sebelum kelahiran Rasulullah ﷺ lalu membesar di dalam sebuah rumah yang suci dan baik leluhur keturunannya. Dalam kehidupan yang sempurna lagi baik akhlaknya dan dikenali akan kepimpinannya. Beliau dididik dengan sifat mahmudah hingga jadilah Sayyidatina Khadijah ﷺ semulia-mulia wanita yang telah disempurnakan akalnya dan fizikalnya, sehingga dikenali akan kecantikan dan kepemurahannya.

Beliau seorang yang tegas dalam segenap urusannya, pentadbir dan pelaksana yang bijak mentadbir dan mengurus semua tugasannya. Beliau memiliki kecerdasan akal yang kuat dan azam yang tinggi. Beliau mempunyai pandangan yang luas dan firasat yang tepat serta kesungguhan yang tinggi. Beliau juga mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang sesuatu akibat.

Allah ﷺ memperkayakannya dengan pelbagai kenikmatan yang luas dan pembantu yang ramai. Allah ﷺ menganugerahkan untuknya harta yang banyak. Maka beliau mengupah ramai lelaki untuk menjalankan perniagaannya dengan cara yang halal. Beliau berurusan bersama mereka dengan sesuatu yang jelas secara mudharabah, iaitu orang yang berharta memberi hartanya kepada orang lain untuk menggunakan hartanya dalam perniagaan, dan beroleh keuntungan yang telah ditetapkan.

Lalu jelaslah rahsia-rahsia akhlak yang direhdai Allah ﷺ serta perihal yang baik lagi suci. Yang sampai daripada cerita kaumnya pada zaman jahiliyyah tentang kedudukan yang tinggi, sebuah kedudukan yang suci, dan kemasyhuran yang unggul.

فَمَا أَجَلَ هَذِهِ الْمِنْحَةُ الْفَاخِرَةُ، وَاشْتَهَرَ تَلْقِيْهَا بِالْكُبْرَى،
لِعِظَمِ شَأْنِهَا فِي الْمَعَااهِدِ الْأُخْرَى، وَهِيَ بِذَلِكَ أَحَقُّ وَأَحْرَى.

وَقَدْ وُلِدَتْ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَبْلَ وِلَادَتِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ وَآلِهِ بَنَحْوِ حَمْسَ عَشْرَةَ سَنَةً، فَنَشَأَتْ فِي بَيْتِ طَاهِيرٍ
طَيِّبِ الْأَعْرَاقِ، عَلَى أَكْمَلِ السَّيِّرِ الْمَحْمُودَةِ، وَأَحْسَنِ الْأَخْلَاقِ،
فَكَانَتْ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا مُتَكَامِلَةً حُسْنًا وَعَقْلًا، وَجَمَالًا
وَفَضْلًا.

حَازِمَةً رَشِيدَةً فِي جَمِيعِ أُمُورِهَا، حَسَنَةَ التَّدْبِيرِ وَالتَّصَرُّفِ
فِي جَمِيعِ شُؤُونِهَا، دَاتَ فِرَاسَةً قَوِيَّةً وَهَمَّةً عَالِيَّةً، لَهَا نَظَرٌ ثَافِبٌ،
وَمَعْرِفَةٌ دَقِيقَةٌ بِالْعَوَاقِبِ.

أَغْنَاهَا اللَّهُ تَعَالَى بِسَعَةِ النِّعَمِ، وَكَثْرَةِ الْخَدَمِ وَالْحَشَمِ، وَمَنَّ
عَلَيْهَا ذُو الْحَلَالِ، بِكَثْرَةِ الْأَمْوَالِ، فَكَانَتْ تَسْتَأْجِرُ الرِّجَالَ،
لِيُتَاجِرُوا فِي ذَلِكَ بِالْحَلَالِ، فَتُضَارِبُهُمْ عَلَيْهِ بِشَيْءٍ مَعْلُومٍ.
وَيَسْتَفِيدُ بِذَلِكَ الْجَمِيعُ عَلَى الْعُمُومِ.

وَظَهَرَتْ أَسْرَارُ تِلْكَ الْأَخْلَاقِ الْمَرْضِيَّةِ، وَالْأَوْصَافِ
الْحَسَنَةِ الزَّكِيَّةِ، فِيمَا بَلَغَتُهُ بَيْنَ قَوْمَهَا فِي الْجَاهِلِيَّةِ، مِنْ مَكَانَةٍ
عَلَيْهَا، وَرُتبَةٍ سَيِّنةٍ، وَشُهَرَةٍ قَوِيَّةٍ، فَهِيَ الدُّرَّةُ الثَّمِينَةُ،

Maka itulah mutiara yang berharga yang suci lagi tenang. Taman kebanggaan yang banyak dahannya. Pohon merendang yang memiliki cabang yang baik. Serta pohon tunggal yang masak ranum.

“Ya Allah! Taburkanlah hembusan keredhaanMu kepada danya. Dan limpahkan kepada kami segala rahsia yang Engkau simpan di sisinya. Ya Allah! Kurniakan rahmat dan kesejahteraan ke atas Suaminya, iaitu Nabi yang dipercayai, Penghulu kita Nabi Muhammad dan ke atas keluarganya dan para sahabatnya sekalian”.

Sesungguhnya Allah ﷺ telah mengehendaki “Puan yang Suci” ini supaya terkumpul padanya kemuliaan dunia dan kebanggaan akhirat. Maka sampai berita tentang Nabi Muhammad ﷺ penghulu segala rasul kepadanya. Dan beliau cuba untuk mengenalinya dengan pemerhatian yang teliti dan berkeyakinan. Maka beliau mendapati bahawa terhimpun pada Baginda ﷺ itu kurniaaNya yang nyata. Semua orang mengakui keperibadiannya dan sesungguhnya Bagindalah yang diakui dengan ketaqwaan, kesucian, serta kejujuran. Dan Baginda ﷺ itu seorang yang berkata benar dan yang dipercayai. Pemurah yang tiada seumpamanya dan tiada tandingannya.

Sayyidatina Khadijah ﷺ telah mengetahui bahawa berurusan dengan insan sebegini akan beroleh kejayaan dan berurusniaga dengannya jua insha' Allah, akan membawa keuntungan. Beliau mengambil langkah mengutus seseorang kepada Baginda ﷺ, dan membentangkan kepada Baginda ﷺ urusan perniagaannya, iaitu supaya Baginda ﷺ memperdagangkan untuknya daripada modal hartanya dan Sayyidatina Khadijah ﷺ memberikan kepada Baginda ﷺ lebih baik daripada apa yang diberi kepada pekerja-pekerjanya yang lain.

الطَّاهِرَةُ الرَّزِيْنَةُ، دَوْحَةُ الْمَجْدِ الطَّيِّبَةُ الْفُرُّوعُ، وَشَجَرَةُ الْفَرْدِ
الْيَانِعَةُ الْأَفْرَادُ وَالْمَجْمُوعُ.

اللَّهُمَّ اسْتُرْ نَفَاحَاتِ الرِّضْوَانِ عَلَيْهَا، وَأَمِدْنَا بِالْأَسْرَارِ
الَّتِي أَوْدَعْتَهَا لَدَيْهَا، وَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى زَوْجِهَا الْأَمِينِ،
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

وَقَدْ أَرَادَ اللَّهُ تَعَالَى لِهَذِهِ السَّيِّدَةِ الطَّاهِرَةِ، أَنْ تَجْمَعَ بَيْنَ
شَرْفِ الدُّنْيَا وَعِزِّ الْآخِرَةِ، فَوَصَّلَتْ إِلَيْهَا أَخْبَارُ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ.
وَأَخَذَتْ تَتَعَرَّفُ عَلَيْهَا بِتَدْبُّرٍ وَتَفْكِيرٍ وَيَقِينٍ، فَرَأَتْ أَنَّهُ الْمُجْمَعُ
عَلَى فَضْلِهِ الْمُبِينُ، وَأَنَّهُ الْمَسْهُودُ لَهُ بِأَنَّهُ التَّقِيُّ التَّقِيُّ الْأَمِينُ،
وَأَنَّهُ الصَّادِقُ الْمُصَدِّقُ، وَالْكَرِيمُ الَّذِي لَا يُلْحُقُ وَلَا يُسْبِقُ.

فَعَلِمَتْ أَنَّ مُعَامَلَةً مِثْلِ هَذَا نَاجِحةٌ، وَمُتَاجِرَةً إِنْ
شَاءَ اللَّهُ رَأِيْحَةً، فَمَا كَانَ مِنْهَا إِلَّا أَنْ بَعَثَتْ إِلَيْهِ، وَعَرَضَتْ
مَشْرُوْعَهَا التِّجَارِيَّ عَلَيْهِ، وَهُوَ أَنْ يَتَحِرَّ لَهَا فِي مَالِهَا، وَتُعْطِيهُ
أَفْضَلَ مَا تُعْطِيهُ لِعُمَالِهَا.

Baginda ﷺ pun menerima tawaran tersebut lalu keluar dari Tanah Haram ke arah negeri Syam. Ini adalah perjalanan kedua Baginda ﷺ dan tiada riwayat bahawa Baginda ﷺ bermusafir ke negeri Syam melainkan pada dua kali itu pada dua tahun yang berlainan, sepertimana yang disebutkan oleh sebahagian huffaz dan pakar rujuk yang dipercayai kata-kata mereka.

Sayyidatina Khadijah ﷺ mengutuskan bersama Baginda ﷺ pemuda bernama Maisarah dan berpesan kepadanya supaya berkhidmat kepada Baginda ﷺ dengan sebaik-baiknya. Maka Allah ﷺ melontarkan rasa cinta terhadap Nabi ﷺ di dalam hati pemuda ini sehingga kecintaan itu menguasai akal dan lubuk jiwanya. Dia berkhidmat kepada Nabi ﷺ dengan penuh tulus ikhlas. Dia menemani Baginda ﷺ sebagai sebaik-baik teman.

Dan dia melihat dengan mata kasarnya sebahagian daripada rahsia-rahsia, dan mendengar dengan telinganya sendiri sebahagian daripada berita yang pernah didengarinya. Antara perkara itu, apa yang telah diceritakan oleh rahib yang bernama Nastura. Perkara ini adalah benar, bukan khayalan atau khurafat. Si rahib berkata bahawa dia pernah melihat semulia-mulia kekasih Allah, turun berteduh di bawah pokok di sana. Siapakah gerangan si dia yang mengatasi kehebatan sinaran cahaya purnama itu? Maisarah menjawab: “Ini adalah seorang lelaki daripada keturunan yang mulia dari Tanah Haram”.

Maka si rahib yang percaya terhadap apa yang dikatakannya itu pun berkata, “Tidak pernah siapa pun duduk berteduh di bawah pokok ini melainkan dia seorang nabi atau seorang rasul.”

فَقَبِيلَ ذَلِكَ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ، وَخَرَجَ بِتِجَارَتِهَا مِنَ الْبَلَدِ الْحَرَامِ، قَاصِدًا بِلَادَ الشَّامِ، وَهَذِهِ هِيَ الرِّحْلَةُ الثَّانِيَةُ، وَلَمْ يَثْبُتْ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَافِرَ إِلَى الشَّامِ إِلَّا فِي هَاتَيْنِ الْمَرَّتَيْنِ، فِي عَامَيْنِ مُخْتَلِفَيْنِ، كَمَا ذَكَرَهُ بَعْضُ الْحُفَاظِ الْمُرْجُونَ إِلَيْهِمْ، الْمُعَوَّلُ عَلَى قَوْلِهِمْ.

وَأَرْسَلَتْ مَعَهُ مَيْسَرَةً الْغُلَامَ، وَأَوْصَتْهُ عَلَيْهِ وَأَمْرَتْهُ أَنْ يَكُونَ قَائِمًا بِخِدْمَتِهِ حَقَّ الْقِيَامِ، فَأَلْقَى اللَّهُ مَحَبَّةَ النَّبِيِّ فِي قَلْبِهِ، حَتَّى أَخَدَتْ بِعَقْلِهِ وَلُتِّهِ، وَخَدَمَهُ فَأَخْلَصَ خِدْمَتَهُ، وَصَاحِبَهُ فَأَحْسَنَ صُحْبَتَهُ.

وَرَأَى بِعَيْنِهِ شَيْئًا مِنْ أَسْرَارِهِ، وَسَمِعَ بِأَذْنِهِ مَا سَمِعَ مِنْ أَخْبَارِهِ، وَمِنْ ذَلِكَ مَا حَدَّثَهُمْ بِهِ الرَّاهِبُ نَسْطُورًا، وَهُوَ حَقُّ لَيْسَ بِخُرَافَةٍ وَلَا أُسْطُورَة، إِذْ قَالَ ذَلِكَ الرَّاهِبُ، وَقَدْ رَأَى أَشْرَفَ الْحَبَابِ، نَزَلَ تَحْتَ شَجَرَةٍ هُنَاكَ: مَنْ هَذَا الَّذِي يَفْعُقُ بَدْرَ الْأَفْلَاكِ، فَقَالَ مَيْسَرَةُ: هَذَا رَجُلٌ مِنَ الْكِرَامِ، مِنْ أَهْلِ الْبَلَدِ الْحَرَامِ.

فَقَالَ لَهُ الرَّاهِبُ وَهُوَ وَاثِقٌ مِمَّا يَقُولُ: مَا نَزَلَ تَحْتَ هَذِهِ الشَّجَرَةِ إِلَّا نَبِيٌّ أَوْ رَسُولٌ.

Kemudian beliau berkata kepada Maisarah, “Adakah matanya merah sepanjang masa?”

Maisarah berkata, “Ya.”

Lalu rahib itu berkata: “Ini adalah nabi yang terakhir. Bertuahlah orang yang membenarkan Baginda.”

Kemudian pada masa itu juga berlaku perselisihan antara penghulu segala nabi itu dan seorang lelaki yang tinggal berdekatan kawasan itu. Perselisihan itu melibatkan nilai pembelian barang dagangan. Maka lelaki itu berkata kepada Baginda ﷺ, “Bersumpahlah kamu dengan nama al-‘Uzza dan al-La’at!” Sumpah seperti ini adalah satu kebiasaan ketika itu dalam keadaan-keadaan seumpama itu. Maka penghulu segala penghulu itu menyatakan, “Demi Allah! Aku tidak bersumpah dengan nama kedua-dua berhala itu.” Dan sesungguhnya apabila saya menoleh daripada kedua-duanya, maka lelaki itu pun berkata, “Saya ikut katamu dan pandanganmu.” Kemudian dia berkata kepada Maisarah, “Demi Allah! Nabi ini telah membahagiakan kami dengan kehadirannya di pasar kami ini. Demi Allah! Inilah nabi yang ternyata sifatnya di dalam kitab-kitab di sisi agama kami.”

Selain itu, Maisarah pernah melihat satu kepulan awan memayungi Baginda ﷺ dalam tempoh yang singkat, pada waktu tengah hari. Dikatakan juga di dalam satu riwayat bahawa Maisarah melihat dua malaikat memayungi penghulu dua alam.

Dan setelah Nabi Muhammad ﷺ menyempurnakan tugasannya, dan menjual barang dagangannya, Baginda ﷺ kembali ke Makkah dan mendapat keuntungan yang banyak. Maka Sayyidatina Khadijah ﷺ berasa amat gembira dan memuji Baginda ﷺ kerana usahanya yang baik.

ثُمَّ قَالَ لِمَيْسِرَةَ: أَفِي عَيْنِيهِ حُمْرَةٌ لَا تُفَارِقُهُ؟

قَالَ: نَعَمْ.

قَالَ: هَذَا آخِرُ نَبِيٍّ فَهَنِيئًا لِمَنْ يُصَدِّقُهُ.

ثُمَّ فِي تِلْكَ الْأَثْنَاءِ، وَقَعَ بَيْنَ سَيِّدِ الْأَنْبِيَاءِ، وَرَجُلِ كَانَ فِي تِلْكَ الْأَخْيَاءِ، خِلَافٌ فِي بَعْضِ الْمُشَتَّرَاتِ، فَقَالَ لَهُ الرَّجُلُ إِحْلِفْ بِالْعَزِيزِ وَاللَّاتِ، كَمَا يَجْرِي بَيْنَهُمْ فِي مِثْلِ تِلْكَ الْحَالَاتِ، فَقَالَ سَيِّدُ السَّادَاتِ، وَاللَّهُ مَا حَلَفْتُ بِهِمَا. وَإِنِّي لَأَمْرُرْ فَأُغْرِضُ عَنْهُمَا، فَقَالَ الرَّجُلُ: الْقَوْلُ قَوْلُكَ، وَالرَّأْيُ عِنْدَكَ، ثُمَّ قَالَ لِمَيْسِرَةَ: هَذَا وَاللَّهُ تَبَّيَّنَ شَرَفُنَا بِهِ فِي سُوقِنَا، وَإِنَّهُ لَتَجِدُهُ أَحْبَارُنَا مَنْعُوتًا فِي كُتُبِنَا.

وَمِنْ ذَلِكَ أَنَّهُ كَانَ يَرَى فِي تِلْكَ الْمُدَّةِ الْقَصِيرَةِ، سَحَابَةً تُظَلِّلُهُ دُونَ الْجَمِيعِ فِي وَقْتِ الظَّهِيرَةِ، وَقِيلَ فِيمَا رُوِيَ أَنَّهُ كَانَ يَرَى مَلَكِيْنِ، يُظَلِّلَانِ سَيِّدَ الْكَوْنَيْنِ.

وَلَمَّا أَتَمَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُهَمَّتَهُ، وَبَاعَ سِلْعَتَهُ، رَجَعَ إِلَى مَكَّةَ وَقَدِ اكْتَسَبَ خَيْرَاتٍ كَثِيرَةً، وَجَاءَ بِأَرْبَاحٍ وَفِيرَةً، فَسُرَّتْ بِذَلِكَ السَّيِّدَةُ خَدِيجَةُ أَمِّيْمَا سُرُورٍ، وَحَمِدَتْ فِعْلَهُ الْمَشْكُورُ،

Lalu beliau memandang Baginda ﷺ dengan pandangan mulia dan penuh penghormatan serta keagungan dan mengurniakan buat Baginda ﷺ segala-galanya. Peribadi Rasullullah ﷺ telah meninggalkan kesan yang mendalam di dalam jiwa Sayyidatina Khadijah ؓ, lalu beliau meletakkan Baginda ﷺ di dalam dirinya dengan kedudukan yang hebat. Hal ini bertambah hebat setelah Maisarah menceritakan segala tanda yang dilihatnya.

Antara tanda dan keajaiban luar biasa, yang tidak lain dan tidak bukan merupakan tanda kenabian yang nyata. Maisarah menceritakan kepada Sayyidatina Khadijah ؓ tentang awan yang melindungi Nabi ﷺ dan menjadi sebaik-baik kawan dan teman kepada Nabi ﷺ. Begitu juga tentang unta yang taat dan bumi yang dilipatkan untuk Baginda ﷺ berjalan di jarak yang panjang dalam masa yang singkat, serta bantuan Allah ﷺ yang jelas mengiringi Baginda ﷺ di dalam perjalanan. Pepasir dan batu-batan menjadi lembut di bawah telapak kedua-dua kaki Baginda ﷺ. Kesemua itu telah difahami oleh Maisarah dengan hatinya dan dilihatnya dengan matanya sendiri.

Maisarah menceritakan kepada Sayyidatina Khadijah ؓ segala yang dilihatnya mengenai perjalanan kehidupannya yang baik itu, pada akhlak dan cara Baginda ﷺ berurusan berserta apa yang telah diketahuinya tentang perbicaraan Baginda ﷺ yang benar itu. Begitu juga amanahnya yang hebat dan akhlak serta agamanya yang mulia.

Maka segala sifat dan akhlak yang tinggi itu diakui dan amat diyakini olehnya. Maka Sayyidatina Khadijah ؓ merasakan sesuatu yang ganjil tentang gambaran dan hakikat kekasih (Allah) itu. Hatinya gelisah terganggu. Beliau telah menolak sebelum itu (pinangan) ramai lelaki yang mempunyai harta dan kedudukan yang tinggi. Dan mereka pulang dalam keadaan yang sedih kerana penolakan (pinangan) mereka yang bersungguh itu.

وَنَظَرَتْ إِلَيْهِ بِعَيْنِ الْإِكْبَارِ وَالْإِحْتِرَامِ، وَأَكْرَمَتْهُ غَايَةً
الْإِكْرَامِ وَأَثَرَتْ شَخْصِيَّتُهُ فِيهَا كُلَّ التَّأْثِيرِ، فَأَكَنَّتْ لَهُ فِي نَفْسِهَا
عَظِيمَ التَّقْدِيرِ، وَزَادَ ذَلِكَ عِنْدَهَا بَعْدَ مَا حَدَثَهَا مَيْسَرَةً بِمَا
شَاهَدَهُ مِنَ الْآيَاتِ.

وَعَجَائِبُ الْأَحْوَالِ وَخَوارِقُ الْعَادَاتِ، الَّتِي هِيَ لِلنُّبُوَّةِ
دَلَائِلُ وَاضْحَاتٍ، حَدَثَهَا عَنِ السَّحَابَةِ الَّتِي صَاحَبَتْهُ فِي سَفَرِهِ
فَكَانَتْ نِعْمَ الصَّاحِبِ، وَعَنْ طَاعَةِ الْإِبْلِ وَطَطِيِّ الْأَرْضِ لَهُ،
وَالْتَّوْفِيقُ الَّذِي لَأَرَمَهُ فِي سَفَرِهِ كُلَّ الْمُلَازَمَةِ، وَتِلْكَ الرِّمَالُ
وَالْحِجَارَةُ الَّتِي لَأَنْتَ تَحْتَ مَوَاطِئِ قَدَمَيْهِ، وَكُلُّ ذَلِكَ وَعَاهُ بِقُلْبِهِ
وَرَآهُ بِعَيْنِيهِ.

وَحَدَّثَهَا بِمَا رَأَاهُ مِنْ حُسْنِ سِيرَتِهِ، فِي خُلُقِهِ وَمُعَامَلَتِهِ، مَعَ مَا
سَبَقَ لَهَا مَعْرِفَتُهُ عَنْهُ مِنْ صِدْقِ حَدِيثِهِ، وَعَظِيمِ أَمَانَتِهِ، وَكَرِيمِ
أَخْلَاقِهِ وَدِيَانَتِهِ.

فَأَصْبَحَتْ هَذِهِ الصِّفَاتُ وَالْأَخْلَاقُ الْعَلِيَّةُ مُثْبَتَةً مُتَيقَّنَةً
لَدِيْهَا جَلِيلَةً، فَأَحَسَّتْ بِعَارِضِ غَرِيبٍ، عَنْ صُورَةِ وَحْقِيقَةِ
ذَلِكَ الْحَبِيبِ، وَتَحَيَّرَتْ مِنْ أَمْرٍ نَفْسَهَا وَأَصْبَحَتْ قَلْقَةً بَيْنَ
قَلْبِهَا وَعَوَاطِفِهَا فَقَدْ رَفَضَتْ بِالْأَمْسِ الْقَرِيبِ الْكَثِيرِ مِنَ
الرِّجَالِ، مِنْ ذَوِي الْوَجَاهَةِ وَالْمَالِ، وَرَدَّتْهُمْ خَائِبِينَ مُتَحَسِّرِينَ
لِرَفْضِهَا طَلَبَهُمُ الْمَتَّيْنِ.

“Ya Allah! Taburkanlah hembusan keredhaanMu kepadanya. Dan limpahkan kepada kami segala rahsia yang Engkau simpan di sisinya. Ya Allah! Kurniakan rahmat dan kesejahteraan ke atas Suaminya, iaitu Nabi yang dipercayai, Penghulu kita Nabi Muhammad dan ke atas keluarganya dan para sahabatnya sekalian”.

Tatkala Allah ﷺ mengkehendaki kebahagiaan yang berkekalan untuknya dengan tidak melepaskan peluang untuk berkahwin dengan Baginda ﷺ. Begitu juga kemuliaan dan kelebihannya mengatasi sekalian kaum wanita. Nampak pada Sayyidatina Khadijah ؓ bahawasanya Rasulullah ﷺ itu adalah mutiara yang terpendam dan tersembunyi, yang waktunya sudah tiba untuk diisyiharkan. Maka terbuktilah bagi Sayyidatina Khadijah ؓ bahawa Baginda ﷺ itu adalah satu khazanah yang amat bernilai untuk diusahakan.

Maka Sayyidatina Khadijah ؓ memilih Baginda ﷺ yang suci dan dipercayai untuk dirinya. Itulah penghulu anak Adam keseluruhannya, iaitu insan yang terserlah cahaya di wajahnya sebagai petanda kepintaran dan keindahan. Begitu juga segala ciri kesempurnaan dan ketinggian yang jelas ke atasnya petanda-petanda penguasaannya. Isyarat-isyarat kebijaksanaan dan kepimpinan muncul daripadanya. Maka Sayyidatina Khadijah ؓ pun tidak melakukan apa-apa melainkan mengutuskan kepada Baginda ﷺ serta menawarkan dirinya (sebagai isteri) untuk Baginda ﷺ. Lalu beliau pun melamar utusan terhebat dan Nabi yang termulia. Allah ﷺ berselawat dan menyampaikan kesejahteraan buat Baginda ؓ.

Sayyidatina Khadijah ؓ berkata kepada Baginda ﷺ, “Wahai anak bapa saudaraku! Sesungguhnya aku ingin berkahwin denganmu kerana hubungan kerabat dan kemuliaanmu serta kedudukanmu yang tinggi.”

اللَّهُمَّ اسْتُرْ نَفَاحَاتِ الرِّضْوَانِ عَلَيْهَا، وَأَمْدُنْ بِالْأَسْرَارِ
الَّتِي أَوْدَعْتُهَا لَدَيْهَا، وَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى زَوْجِهِ الْأَمِينِ،
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

وَلَمَّا أَرَادَ اللَّهُ تَعَالَى لَهَا السَّعَادَةَ الْأَبَدِيَّةَ، وَالشَّرَفَ وَالْفَضْلَ
عَلَى نِسَاءِ الْبَرِّيَّةِ، تَرَجَّحَ عِنْدَهَا أَنْ لَا تُقْوَى هَذِهِ الْفُرْصَةُ
الْذَّاهِيَّةُ، وَاسْتَبَانَتْ خَدِيجَةُ أَنَّهُ الْكَثُرُ الَّذِي حَاوَلَهُ وَالْكِيمِيَّاءُ.

فَاخْتَارَتْ لِنَفْسِهَا الرَّئِيْسَ الْأَمِينَ، سَيِّدَ وَلِدِ آدَمَ أَجْمَعِينَ،
وَمَنْ لَاحَتْ فِي وَجْهِهِ عَلَامَاتُ الثُّبُّلِ وَالْجَمَالِ، وَتَكَامَلَتْ
فِيهِ خِصَالُ الْكَمَالِ وَالْجَلَالِ، وَبَدَتْ عَلَيْهِ أَمَارَاتُ السِّيَادَةِ،
وَظَهَرَتْ مِنْهُ إِشَارَاتُ التَّجَابَةِ وَالْقِيَادَةِ، فَمَا كَانَ مِنْهَا إِلَّا أَنْ
أَرْسَلَتْ إِلَيْهِ، وَعَرَضَتْ نَفْسَهَا عَلَيْهِ، فَحَطَبَتِ الرَّسُولُ الْأَعَظَمُ،
وَالنَّبِيُّ الْأَكْرَمُ، صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

وَقَالَتْ لَهُ: يَا ابْنَ الْعَمِ، إِنِّي قَدْ رَغَبْتُ فِيْكَ لِقَرَابَتِكَ
وَشَرَفِكَ، وَسَامِي مَنْزِلَتِكَ وَقَدْرِكَ.

Dalam satu riwayat daripada al-Wafidi diceritakan, Sayyidatina Khadijah ﷺ mengutus Nafisah binti Umayyah sebagai wakilnya dalam keadaan rahsia kepada Nabi Muhammad ﷺ. Nafisah berkata kepada Rasulullah ﷺ, "Apakah yang menghalangmu daripada berkahwin?" Lalu Baginda ﷺ menjawab, "Aku tidak memiliki apa-apa." Nafisah berkata lagi kepada Nabi Muhammad ﷺ: "Walaupun engkau dijamin serta dipelawa dengan harta, kecantikan kedudukan setaraf (denganmu)?"

Baginda ﷺ bertanya, "Siapakah gerangannya?" Nafisah berkata kepada Baginda ﷺ, "Khadijah", lalu Baginda ﷺ bersetuju dengannya.

Dan Sayyidatina Khadijah melihat akan ketaqwaan dan kezuhudan yang ada pada Baginda ﷺ dan berasa malu.

Dan telah diketahui juga akan awan yang memayungi Baginda dan Sayyidatina Khadijah al-Kubra.

Dan bakal diutuskan tiba Nabi akhir zaman dan kini masanya sudah tiba.

Maka Sayyidatina Khadijah pun mengajak Baginda ﷺ berkahwin dan betapa keadaan orang-orang yang bijak menyampaikan segala cita-cita.

Allah ﷺ telah mengilhamkan NabiNya untuk bersetuju dengan lamaran Sayyidatina Khadijah ﷺ. Maka ini adalah satu langkah yang diberkati dan mendapat restu (daripadaNya). Lalu Baginda ﷺ berbincang dengan bapa-bapa saudaranya yang mulia.

Dan mereka sekaliannya menyokong kata-kata ini. Maka bapa saudara Nabi ﷺ bernama Hamzah tampil berbicara dengan bapa saudara Sayyidatina Khadijah ﷺ. Dikatakan itu adalah ayahnya namun sebenarnya ayah beliau Khuwailid telah pun meninggal dunia sebelum peperangan al-Fijar.

وَفِي رِوَايَةٍ أَنَّهَا أَرْسَلَتْ لَهُ نَفِيسَةً بِنْتَ أُمَيَّةَ دَسِيْسًا إِلَيْهِ،
فَقَالَتْ لَهُ: مَا يَمْنَعُكَ أَنْ تَنْزَوَ جَهَنَّمَ؟ فَقَالَ: مَا فِي يَدِيَ شَيْءٌ،
فَقَالَتْ لَهُ: فَإِنْ كُفِيتَ وَدُعِيْتَ إِلَى الْمَالِ وَالجَمَالِ وَالْكَفَاءَةِ؟

قَالَ: وَمَنْ؟، قَالَتْ لَهُ: خَدِيجَةُ فَاجَابَ.

دُفِيهِ سَجِيْهَةُ وَالْحَيَاءُ	وَرَأَتُهُ خَدِيجَةُ وَالثَّقَى وَالرَّزْهُ
حَأَظَلَتْهُ مِنْهُمَا أَفْيَاءُ	وَأَتَاهَا أَنَّ الْغَمَامَةَ وَالسَّرْ
بِالْبَعْثِ حَانَ مِنْهُ الْوَفَاءُ	وَأَحَادِيثُ أَنَّ وَعْدَ رَسُولِ اللَّهِ
سَنَ مَا يَبْلُغُ الْمُتْنَى الْأَذْكِيَاءُ	فَدَعَتْهُ إِلَى الزَّوَاجِ وَمَا أَحْ
وَقَدْ أَلْهَمَ اللَّهُ نَبِيَّنَا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُوَافَقَةَ، فَكَانَتْ خُطْبَةُ مُبَارَكَةٍ مُوَافَقَةً، فَشَاورَ أَعْمَامَةُ الْكِرَامِ	
وَأَيَّدُوهُ عَلَى ذَلِكَ الْكَلَامِ، فَتَقَدَّمَ حَمْزَةُ فَكَلَمَ عَمَّهَا، وَقِيلَ: أَبَاهَا وَالصَّحِيحُ أَنَّ أَبَاهَا حُوَيْلَةَ قَدْ مَاتَ قَبْلَ حَرْبِ الْفِجَارِ.	

Setelah itu, datanglah para pembesar Quraisy dan Abu Thalib yang mengetuai mereka. Beliau (Abu Thalib) adalah lisan bagi mereka dan beliau yang berbicara ketika itu dalam melaksanakan urusan peminangan. Maka beliau berkata, “Segala puji bagi Allah yang menjadikan kita ini daripada keturunan Ibrahim, tanaman Ismail. Dan daripada salasilah Ma‘ad dan cabang daripada keturunan (Mudhar) dan menjadikan kita ini orang-orang yang menjaga rumahNya dan para pemimpin di HaramNya. Dan menjadikan untuk kita rumah yang dikunjungi dan sebuah Tanah Haram yang aman. Serta menjadikan kita sebagai pemerintah kepada semua. Kemudian anak saudaraku ini, Muhammad bin Abdullah, lebih hebat jika dibandingkan dengan lelaki yang lain walaupun kurang hartanya. Kerana harta itu adalah bayangan yang akan hilang dan satu perkara yang akan menjadi penghalang. Kamu semua telah mengetahui tentang keturunannya Muhammad ini. Maka dia telah meminang Khadijah binti Khuwailid. Dia berusaha untuk hantaran mas kahwinnya tunai dan didahului daripada hartaku sekian-sekian jumlahnya. Dan demi Allah! setelah ini dia akan menjadi suatu berita yang indah dan berita yang hebat dan perkara yang dahsyat.”

Kemudian bangunlah Waraqah bin Naufal lalu berkata, “Segala puji bagi Allah yang menjadikan kami seperti yang kamu sebutkan itu dan memuliakan kami seperti yang kamu kirakan tadi. Maka kamilah ketua orang-orang Arab dan pemimpin mereka. Kamu juga adalah daripada golongan itu.

Kaum ini tidak menafikan kelebihan kamu semua. Tiada juga seseorang daripada manusia yang menolak kebanggaan dan kemuliaan kamu semua. Kami juga suka untuk menghubungkan talian dengan kamu semua. Maka bersaksilah semua orang Quraisy ke atasku bahawa aku telah pun mengahwinkan Khadijah binti Khuwailid untuk Muhammad bin Abdullah dengan 400 dinar.”

ثُمَّ حَضَرَ رُؤْسَاءُ قُرَيْشٍ يَتَقدَّمُهُمْ أَبُو طَالِبٍ، فَكَانَ هُوَ لِسَانَ حَالِهِمُ الْمُتَكَلِّمُ الْخَاطِبُ، فَقَالَ: «الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنْ ذُرِّيَّةِ إِبْرَاهِيمَ وَرَزَّعَ إِسْمَاعِيلَ وَضَئِضَيْ مَعَدَّ وَعُنْصُرِ مُضَرَّ، وَجَعَلَنَا حَضَنَةَ بَيْتِهِ وَسُوَاسَ حَرَمَهُ، وَجَعَلَ لَنَا بَيْتًا مَحْجُوبًا وَحَرَمًا آمِنًا، وَجَعَلَنَا الْحُكَّامَ عَلَى النَّاسِ، ثُمَّ إِنَّ ابْنَ أَخِيِّ هَذَا مُحَمَّدَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ لَا يُوْزَنُ بِهِ رَجُلٌ إِلَّا رَجَحَ بِهِ، فَإِنْ كَانَ فِي الْمَالِ قِلْ، فَإِنَّ الْمَالَ ظِلْ زَائِلٌ، وَأَمْرُ حَائِلٍ، وَمُحَمَّدٌ مَنْ قَدْ عَرَفْتُمْ قَرَابَتَهُ، وَقَدْ خَطَبَ خَدِيجَةَ بِنْتَ حُوَيْلَدَ، وَبَدَلَ لَهَا مِنَ الصَّدَاقِ مَا آجِلُهُ وَعَاجِلُهُ مِنْ مَالِيْ كَذَا، وَهُوَ وَاللَّهِ بَعْدَ هَذَا نَبَأًا عَظِيمٍ، وَخَطْبٌ جَلِيلٌ».

ثُمَّ قَامَ وَرَقَةُ بْنُ نَوْفَلَ، فَقَالَ: الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا كَمَا ذَكَرْتَ وَفَضَّلَنَا عَلَى مَا عَدَدْتَ، فَنَحْنُ سَادَةُ الْعَرَبِ، وَقَادُتُهَا وَأَنْتُمْ أَهْلُ ذَلِكَ كُلِّهِ لَا تُنْكِرُ الْعَشِيرَةَ فَضْلَكُمْ، وَلَا يَرُدُّ أَحَدٌ مِنَ النَّاسِ فَخْرَكُمْ، وَشَرَفَكُمْ وَقَدْ رَغَبْنَا فِي الْإِتَّصَالِ بِحَبْلِكُمْ،

فَأَشْهَدُوا عَلَيَّ يَا مَعْشَرَ قُرَيْشٍ يَا أَنِيْ قَدْ رَوَجْتُ خَدِيجَةَ بِنْتِ حُوَيْلَدٍ مِنْ مُحَمَّدٍ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَلَى أَرْبَعِ مِئَةِ دِينَارٍ

Kemudian beliau diam, dan Abu Thalib pun berkata, “Aku hendak bapa saudaranya (Khadijah) juga bersama denganmu.” Maka bapa saudaranya pun berkata: “Wahai orang-orang Quraisy! Bersaksilah kamu semua bahawa aku telah pun menikahkan Muhammad bin Abdullah dengan Khadijah binti Khuwailid.” Maka semua tokoh Quraisy pun menyaksikan hal itu.

“Ya Allah! Taburkanlah hembusan keredhaanMu kepadanya. Dan limpahkan kepada kami segala rahsia yang Engkau simpan di sisinya. Ya Allah! Kurniakan rahmat dan kesejahteraan ke atas Suaminya, iaitu Nabi yang dipercayai, Penghulu kita Nabi Muhammad dan ke atas keluarganya dan para sahabatnya sekalian”.

Telah diceritakan di dalam kitab Sirah Ibnu Hisyam sesungguhnya Nabi Muhammad ﷺ membelanjakan mas kahwin sebanyak 20 bakrah yang baik, dan ada yang menyatakan mas kahwin Sayyidatina Khadijah ﷺ, 12 setengah ukiyyah daripada emas. Dan kesemua itu tidak bercanggah dengan apa yang dikatakan di dalam khutbah Waraqah bin Naufal, iaitu 400 dinar.

Bahawa hantarannya adalah 400 dinar yang mana boleh disepadankan di antara kedua-dua hal ini dengan merujuk kepada nilai bagi hantaran itu atau boleh dikatakan salah satu daripadanya adalah mahar perkahwinan dan satunya lagi adalah hadiah daripada bapa saudara Baginda ﷺ, Abu Thalib kepada Sayyidatina Khadijah ﷺ atau Baginda ﷺ telah menambah mas kahwin yang telah dibelanjakan oleh bapa saudaranya, lalu kesemua itu pun menjadi satu hantaran.

ثُمَّ سَكَتْ: فَقَالَ أَبُو طَالِبٍ: قَدْ أَحَبَّتُ أَنْ يَشْرَكَكَ عَمُّهَا،
فَقَالَ عَمُّهَا: اشْهَدُوا يَا مَعْشَرَ قُرَيْشٍ أَنِّي قَدْ أَنْكَحْتُ مُحَمَّدَ بْنَ
عَبْدِ اللَّهِ حَدِيجَةَ بْنَتْ حُوَيْلَدٍ، وَشَهَدَ عَلَى ذَلِكَ صَنَادِيدُ قُرَيْشٍ.

اللَّهُمَّ اشْرُنْ نَفَحَاتِ الرِّضَوَاتِ عَلَيْهَا، وَأَمْدَنَا بِالْأَسْرَارِ
الَّتِي أَوْدَعْتَنَا لَدَيْهَا، وَصَلَّ وَسَلَّمَ عَلَى زَوْجِهِ الْأَمِينِ،
سَيِّدِنَا مُحَمَّدِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

وَقَدْ جَاءَ فِي سِيرَةِ ابْنِ هِشَامٍ أَنَّهُ عَلَيْهِ أَفْضَلُ الصَّلَاةِ
وَالسَّلَامِ أَصْدَقَهَا عَشْرِينَ بَكْرَةً سَنِيَّةً، وَقِيلَ اثْنَا عَشَرَ أُوقِيَّةً،
مِنْ ذَهَبٍ وَنِصْفَ أُوقِيَّةً، وَكُلُّ هَذَا لَا يُعَارِضُ مَا جَاءَ فِي حُطْبَةِ
وَرَقَةَ بْنِ نَوْفَلٍ السَّابِقَةِ مِنْ أَنَّ الصَّدَاقَ أَرْبَعُ مِئَةَ دِرْهَمٍ،
إِذْ يُمْكِنُ الْجُمُعُ بَيْنُهُمَا بِتَقْوِيمِ الشَّمِّ بِذَلِكَ، أَوْ أَنَّ أَحَدَ
الْأَشْيَاءِ مَهْرٌ وَالآخَرُ هَدِيَّةٌ مِنْ عَمِّهِ أَبِي طَالِبٍ لِلسَّيِّدَةِ حَدِيجَةَ،
أَوْ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَادَ ذَلِكَ فِي صَدَاقِهَا عَلَى صَدَاقِ
عَمِّهِ فَكَانَ الْكُلُّ صَدَاقًا.

“Ya Allah! Taburkanlah hembusan keredhaanMu kepadanya. Dan limpahkan kepada kami segala rahsia yang Engkau simpan di sisinya. Ya Allah! Kurniakan rahmat dan kesejahteraan ke atas Suaminya, iaitu Nabi yang dipercayai, Penghulu kita Nabi Muhammad dan ke atas keluarganya dan para sahabatnya sekalian”.

Maka Rasulullah ﷺ yang amanah telah berkahwin dengan Sayyidatina Khadijah, Ummul Mukminin.

Maka Baginda ﷺ telah melengkapkan umurnya 25 tahun dan Sayyidatina Khadijah lengkap umurnya 40 tahun.

Telah berkata pengarang kitab “Qurratil Abshor”:

Setelah mana Baginda ﷺ pulang ke Makkah dan genaplah umurnya 26 tahun, lalu Baginda ﷺ pun bernikah dengan Sayyidatina Khadijah setelah melampaui beberapa tahun dari umur 40 tahunnya.

Baginda ﷺ telah menyembelih satu atau dua ekor (kambing) dan menyenangkan hati sahabat-sahabat dengan mengadakan kenduri dan mereka terlalu gembira dan telah terbitnya kebahagiaan dan telah hilang kesedihan dan kesengsaraan. Maka tenanglah hati-hati mereka. Keseronokan dan kegembiraan juga turut terpancar.

اللَّهُمَّ اسْتُرْ نَفَاحَاتِ الرِّضْوَانِ عَلَيْهَا، وَأَمْدُنْ بِالْأَسْرَارِ
الَّتِي أَوْدَعْتُهَا لَدَيْهَا، وَصَلَّ وَسَلَّمَ عَلَى زَوْجِهِ الْأَمِينِ،
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

وَتَزَوَّجَ نِسِيئَةَ الْأَمِينِ
سَيِّدَتَنَا أُمَّ الْمُؤْمِنِينَ

وَقَدْ أَتَمَ حَمْسًا وَعِشْرِينَ
وَأَتَمَّ هِيَ الْأُرْبَاعِينَ

قَالَ صَاحِبُ قُرَّةِ الْأَبْصَارِ:

وَإِذْ إِلَى مَكَّةَ عَادَ وَافْتَحَ
سِتًّا وَعِشْرِينَ مِنَ الْعُمْرِ نَكَحَ

خَدِيجَةَ مِنْ بَعْدِ أَرْبَاعِينَا
مَضَتْ لَهَا مِنْ عُمْرِهَا سِنِينَا

وَقَدْ نَحَرَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَزُورًا أَوْ جَزُورَيْنِ، وَقَرَّتْ
بِذِلِكَ مِنَ الْمُحِبِّينَ الْعَيْنِ، وَانْشَرَحَتْ مِنْهُمُ الصُّدُورُ، وَعَمَّ
الْفَرَحُ وَالسُّرُورُ، وَطَلَعَ سَعْدُ السُّعُودُ، وَانْكَمَدَ الْفُؤَادُ الْمَفُوذُ،
وَغَدَ الْحُسُودُ لَا يَسُودُ.

Segala kebahagiaan turut menjelma. Abu Thalib berkata, “Segala puji bagi Allah yang menghilangkan segala kesulitan dan kesedihan dalam hidup kami.” Kata-katanya yang disyairkan mengatakan:

“Tidaklah Khadijah itu terhias pada diri Muhammad, suatu bintang yang bersinar seperti sinaran matahari yang besar!”

“Ya Allah! Taburkanlah hembusan keredhaanMu kepadanya. Dan limpahkan kepada kami segala rahsia yang Engkau simpan di sisinya. Ya Allah! Kurniakan rahmat dan kesejahteraan ke atas Suaminya, iaitu Nabi yang dipercayai, Penghulu kita Nabi Muhammad dan ke atas keluarganya dan para sahabatnya sekalian”.

Ketika Sayyidatina Khadijah ﷺ berkahwin dengan Nabi Muhammad ﷺ yang menjadi ketua Bani Adnan, dua lelaki juga pernah mengahwininya. Mereka ialah Hindun bin Abi Halah bin Zarah dari Bani Adiy dan Atiq bin ‘Aid bin Makhzum al-Qurasyi. Dan riwayat telah berselisihan pendapat dalam menentukan turutan yang pertama dan kedua. Ini adalah kerana tiadanya nas yang jelas yang disandarkan kepadanya. Sayyidatina Khadijah ﷺ mempunyai zuriat daripada kedua-dua suaminya ini. Mereka ialah Abdul Manaf dan Hindun, kedua-duanya daripada suaminya, Atiq. Dan dikatakan bahawa Hindun telah memeluk Islam dan menjadi salah seorang sahabat (dengan Baginda ﷺ) dan memperakui (kebenarannya).

Sayyidatina Khadijah ﷺ telah melahirkan seorang anak bernama Hindun buat Abi Halah. Beliau adalah sahabat Nabi ﷺ yang hebat daripada kalangan yang menyaksikan Perang Badar dan Perang Uhud. Beliau pernah meriwayatkan sebuah hadith yang masyhur bagi menyifatkan Baginda ﷺ.

وَهُوَ مَهْمُومٌ، وَقَالَ أَبُو طَالِبٍ: الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي أَذْهَبَ عَنَّا
الْكَرْبَ وَالْغُمْوُمُ، وَقَالَ فِي ذَلِكَ الرَّاجِزُ فِي قَوْلِهِ الْمَنْظُومُ:

لَا تَرْهَدِي خَدِيجَةِ فِي مُحَمَّدٍ
نَجْمٌ يُضِيءُ كَإِصَاءِ الْفَرْقَادِ

اللَّهُمَّ اشْرُنْ نَفَحَاتِ الرِّضَوَاتِ عَلَيْهَا، وَأَمْدَنَا بِالْأَسْرَارِ
الَّتِي أَوْدَعْتَهَا لَدَنَا، وَصَلَّى وَسَلَّمَ عَلَى زَوْجِهَا الْأَمِينِ،
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

وَلَمَّا تَرَوَجَتْ خَدِيجَةُ سَيِّدَ وَلَدِ عَدْنَانَ، كَانَ قَدْ تَرَوَجَهَا قَبْلَهُ
رَجُلَانِ، وَهُمَا هِنْدُ أَبُو هَالَةَ بْنُ زَرَارَةَ مِنْ بَنِي عَدِيٍّ، وَعَتِيقُ بْنُ
عَائِدٍ بْنِ مَخْرُومِ الْقُرَشِيِّ، وَقَدْ اخْتَلَفُوا فِي تَعْيِينِ الثَّانِي مِنَ الْأَوَّلِ،
وَلَيْسَ فِي ذَلِكَ نَصٌّ صَرِيحٌ عَلَيْهِ يَعْوُلُ، وَقَدْ كَانَ عِنْدَهَا مِنَ
الدُّرِّيَّةِ، مِنْ غَيْرِ خَيْرِ الْبَرِّيَّةِ، عَبْدُ مَنَافٍ وَهِنْدُ وَهُمَا مِنْ زَوْجَهَا
عَتِيقٍ، وَقِيلَ إِنَّ هِنْدًا هَذِهِ أَسْلَمَتْ وَفَازَتْ بِالصُّحْبَةِ وَالتَّصْدِيقِ.

وَوَلَدَتْ لِأَبِي هَالَةَ وَلَدًا، سَمُونَهُ هِنْدًا، وَهُوَ صَحَابِيٌّ جَلِيلٌ
مِنْ شَهِدَ بَدْرًا وَأَحُدًا، وَقَدْ رَوَى حَدِيفًا مَشْهُورًا فِي صِفَاتِ
النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ،

Beliau gugur ketika Peperangan Jamal bersama Sayyidina Ali ﷺ. Sesetengah mereka mengatakan bahawa beliau meninggal dunia di Basrah akibat penyakit taun yang meragut 70,000 nyawa dan kesemua mereka adalah orang-orang Islam. Maka orang ramai disibukkan dengan jenazah yang ramai dan tidak diketahui yang mana satu jenazah Hindun. Dan tidak ada yang mengangkat jenazah Hindun. Lalu ada seorang wanita yang mengenalinya menjerit dan menyatakan syair ini:

“Aduhai Hind anak Hind!! Aduhai anak tiri Rasulullah!”

Ekoran daripada itu, tiada satu jenazah pun yang ditinggalkan. Orang ramai mengerumuninya. Maka setiap tempat pun dipenuhi dengan mereka. Jenazahnya hanya diusung di atas hujung jemari mereka. Sesetengahnya menyebut bahawa di antara mereka yang meninggal dunia dalam peristiwa taun ini adalah anak si Hind ini. Beliau juga dinamakan sebagai Hind dan percanggahan dalam hal ini diketahui ramai. Pertuturnya amat fasih, jelas, bijak menyifatkan sesuatu dan juga baik orangnya. Hindun terkenal dengan kemampuannya menyifatkan orang dengan bahasa yang indah. Beliau pernah menyifatkan Rasullullah ﷺ dengan sejelas-jelasnya. Ini menunjukkan kemahirannya dalam bidang sastera. Rasulullah ﷺ menyifatkannya sebagai rajin dan tekun.

Hind sering mengatakan: “Akulah manusia yang memiliki ibu bapa yang termulia. Begitu juga adik-beradikku. Ayahku Rasulullah ﷺ. Ibuku seorang sahabat. Saudara lelakiku ialah al-Qasim ﷺ. Manakala saudara perempuanku pula adalah Fatimah yang mendapat rahmat dan kemuliaan (di sisi Allah ﷺ).

Sayyidatina Khadijah ﷺ juga memiliki dua anak lelaki daripada Abu Halah. Mereka adalah at-Tohir dan seorang lagi adalah Halah. Dan at-Tohir tidak dikenali ramai.

وَقُتِلَ يَوْمَ الْجَمَلِ مَعَ سَيِّدِنَا عَلِيٍّ ذُو الْوَجْهِ الْمُكَرَّمِ، وَذَكَرَ
بَعْضُهُمُ أَنَّهُ مَاتَ بِالْبَصْرَةِ فِي الطَّاعُونَ، وَكَانَ قَدْ مَاتَ فِي ذَلِكَ
الْيَوْمِ سَبْعُونَ آلَّفًا مُسْلِمُونَ، فَشُغِلَ النَّاسُ بِجَنَائِزِهِمْ وَتُرِكَتْ
جَنَائزُهُ، وَلَمْ يُوجَدْ مَنْ يَحْمِلُهَا فَصَاحَتْ نَادِيَتُهُ:

وَاهِنَدَاهُ ابْنَ هِنْدَاهُ
وَارَبِيبَ رَسُولِ اللهِ

فَلَمْ تَبْقَ جَنَائزٌ إِلَّا وَتُرِكَتْ، وَأَمَّا جَنَائزُهُ فَحُمِلَتْ، وَأَرْدَحَمَ
النَّاسُ فَامْتَلَأَتْ بِهِمُ الْمَوَاضِعِ، وَمَا حُمِلَتْ إِلَّا عَلَى أَطْرَافِ
الْأَصَابِعِ، وَقَالَ بَعْضُهُمُ إِنَّ الَّذِي مَاتَ فِي الطَّاعُونِ ابْنُ هَذَا
الْمَذْكُورِ، وَيُسَمَّى بِهِنْدٍ أَيْضًا وَالخِلَافُ فِي ذَلِكَ مَشْهُورٌ، وَكَانَ
فَصِيحَّا بَلِيْغاً وَصَافَا مُحْسِنًا، وَصَفَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ فَكَانَ مُحِيدًا مُتَقِنًا.

وَكَانَ يَقُولُ: أَنَا أَكْرَمُ النَّاسِ أَبَا وَأُمًا، وَأَخًا وَأَخْتًا، أَيْ
رَسُولُ اللهِ، وَأَيْمَنِي خَدِيجَةُ الَّتِي عَنْهَا رَضِيَ اللَّهُ وَأَخِي الْقَاسِمُ
عَلَيْهِ السَّلَامُ، وَأَخْتِي فَاطِمَةُ عَلَيْهَا الرَّحْمَةُ وَالْإِكْرَامُ.

وَلِخَدِيجَةَ مِنْ أَبِي هَالَةِ ابْنَانِ عَيْرٍ هَذَا الْمَذْكُورُ، الطَّاهِرُ
وَالآخِرُ هَالَةُ وَالْأَوَّلُ غَيْرُ مَشْهُورٍ.

“Ya Allah! Taburkanlah hembusan keredhaanMu kepadanya. Dan limpahkan kepada kami segala rahsia yang Engkau simpan di sisinya. Ya Allah! Kurniakan rahmat dan kesejahteraan ke atas Suaminya, iaitu Nabi yang dipercayai, Penghulu kita Nabi Muhammad dan ke atas keluarganya dan para sahabatnya sekalian”.

Sayyidatina Khadijah ﷺ pernah mengalami banyak peristiwa yang menarik bersama suami (Rasulullah ﷺ). Kisah tentang wahyu tidak akan disebutkan melainkan namanya disebut bersamanya supaya kita dapat mengenali kedudukan dan kelebihan wanita hebat ini.

Ketahuilah bahawa perkara pertama yang dimulakan atas kenabian yang dikurniakan oleh Allah kepada Muhammad ﷺ, bahawa Baginda ﷺ tidak akan melalui sepoohon pokok dan tidak juga satu ketul batu melainkan benda itu akan berkata “Assalamualaikum wahai Rasulullah!” Begitu juga perkara yang pelik dan antara yang termasyhur adalah mimpi Rasulullah yang benar dan yang sentiasa berlaku. Baginda ﷺ tidak melihat sesuatu dalam mimpinya, melainkan perkara yang akan dilihat di alam nyata. Lalu Allah berkehendakkan supaya Baginda ﷺ berkhawatir kepadaNya. Maka tiada lagi yang paling disukai Baginda melainkan duduk seorang diri iaitu berkhawatir.

Baginda ﷺ akan mengambil masa satu bulan untuk beruzlah dalam Gua Hira', menyibukkan diri dengan ibadah kepada Allah dan bertafakkur terhadap penciptaan bumi dan langit, dan apabila keluar dari gua tersebut, Sayyidatina Khadijah menguruskan segala keperluan dan urusan peribadinya, di samping menunaikan segala keinginan dan permintaannya.

اللَّهُمَّ اشْرُقْ نَفَحَاتِ الرِّضْوَانِ عَلَيْنَا، وَأَمِدْنَا بِالْأَسْرَارِ
الَّتِي أَوْدَعْتَهَا لَدَنَا، وَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى زَوْجِنَا الْأَمِينِ،
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

وَقَدْ كَانَ لَهَا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا مَوَاقِفٌ مَعَ زَوْجِهَا مَشْكُورَةً،
فَلَا تُذْكُرْ قِصَّةُ الْوَحْيِ وَالْبِعْثَةِ إِلَّا وَهِيَ مَعَهَا مَذْكُورَةً،
وَسَنَذْكُرْ مَسَأَلَةَ الْوَحْيِ مِنْ أَوْلِهَا، لِنَعْرِفَ مِقْدَارَ هَذِهِ السَّيِّدَةِ
وَفَضْلَهَا.

فَأَعْلَمُ أَنَّ أَوَّلَ مَا بُدِئَ بِهِ رَسُولُ اللَّهِ مِنَ التُّبُوَّةِ الَّتِي تَفَضَّلَ
بِهَا عَلَيْهِ مَوْلَاهُ، أَنَّهُ كَانَ لَا يُمْرِرُ بِشَجَرَةٍ وَلَا حَجَرٍ إِلَّا قَالَ:
السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَغَيْرُ ذَلِكَ مِنَ الْإِرْهَاصَاتِ الَّتِي
أَشْهَرُهَا الرُّؤْيَا الصَّادِقَةُ، فَكَانَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَرَى
رُؤْيَا فِي نَوْمِهِ إِلَّا وَكَانَتْ لَا مَحَالَةَ وَاقِعَةُ، وَحَبَّ اللَّهُ إِلَيْهِ الْخُلُوةُ،
وَلَمْ يَكُنْ شَيْءٌ أَحَبُّ إِلَيْهِ مِنْ أَنْ يَخْلُوَ وَحْدَهُ.

فَكَانَ يُجَاوِرُ مِنْ كُلِّ سَنَةٍ شَهْرًا فِي حِرَاءَ، مُشْتَغِلًا بِالْعِبَادَةِ
وَالْتَّفَكُّرِ فِي مَلَكُوتِ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ، وَكَانَ إِذَا حَرَجَ إِلَى حِرَاءَ
تَتَكَفَّلُ خَدِيجَةُ بِكُلِّ حَاجَاتِهِ، وَتُحْقِقُ لَهُ كَافَةَ رَغَبَاتِهِ

Menyediakan makanan dan minuman dan memudahkan buat Baginda ﷺ sekadar apa yang dalam kemampuannya. Putuslah segala urusan dunia untuk memberi tumpuan kepada Allah. Fikiran Baginda ﷺ tenang daripada memikirkan segala yang berkaitan dengan kesibukan dan pergantungan duniawi.

Apabila ketiadaan Rasulullah ﷺ disisinya sudah berpanjangan, maka Sayyidatina Khadijah akan meninggalkan segala yang dimilikinya. Beliau akan keluar mencari Baginda ﷺ di tempat yang sering Rasulullah ﷺ kunjungi. Hatinya akan berdebar-debar dan dipenuhi kebimbangan yang amat tinggi; bimbang apa yang berlaku ke atas diri Rasulullah ﷺ. Apabila beliau mendapati Baginda ﷺ asyik dalam keadaan yang sungguh hening dan memberi tumpuan terhadap ibadahnya, maka beliau pun akan pulang tanpa berkata apa-apa supaya Baginda ﷺ tidak terganggu. Maka beliau menantikan masa yang dijanjikan untuk Baginda ﷺ pulang dan berusaha bersungguh-sungguh untuk menghilangkan kesunyian demi memberi kebahagiaan dalam hati Baginda ﷺ. Serta kebahagiaan ke dalam dirinya.

“Ya Allah! Taburkanlah hembusan keredhaanMu kepadanya. Dan limpahkan kepada kami segala rahsia yang Engkau simpan di sisinya. Ya Allah! Kurniakan rahmat dan kesejahteraan ke atas Suaminya, iaitu Nabi yang dipercayai, Penghulu kita Nabi Muhammad dan ke atas keluarganya dan para sahabatnya sekalian”.

Sesungguhnya Sayyidatina Khadijah ﷺ seorang yang mempunyai kebijaksanaan yang hebat. Berpandangan tepat dan berfikiran murni. Beliau amat mempercayai suaminya yang jujur yang membawa roh yang tinggi. Begitu juga memiliki jiwa yang tinggi dan hebat.

وَتُهْيِءُ لَهُ الطَّعَامَ وَالشَّرَابَ وَتُبَيِّسُ لَهُ مَا تَسْتَطِيعُ مِنَ
الْأَسْبَابِ، فَيَنْقَطِعُ لِمَقْصُودِهِ، وَيُقْبِلُ عَلَى مَعْبُودِهِ، وَهُوَ مُرْتَأْخٌ
الْبَالِ، مِنْ كُلِّ الْمُتَعَلِّقَاتِ وَالْأَشْغَالِ.

فَإِذَا طَالَتْ غَيْبَتُهُ عَلَيْهَا، تَرَكَتْ كُلَّ مَا لَدَيْهَا، وَخَرَجَتْ
تَتَلَمَّسُهُ فِي مَكَانِهِ الَّذِي تَعَوَّدَ الدَّهَابَ إِلَيْهِ، وَقَلْبُهَا يَخْفِقُ مِنْ
شِدَّةِ حُوْفِهَا عَلَيْهِ، حَتَّى إِذَا رَأَتْهُ مُسْتَغْرِقًا فِي وَحْدَتِهِ، مُنْجَمِعًا
عَلَى فِكْرِتِهِ، رَجَعَتْ وَلَمْ تُكَلِّمْهُ لِتَلَّا تَقْطَعُهُ عَنْ خَلْوَتِهِ،
وَتَبَقَّى مُنْتَظَرًا مَوْعِدَهِ لِتَعْمَلَ جَاهِدًا عَلَى إِزَالَةِ وَحْشَتِهِ،
وَإِدْخَالِ السُّرُورِ إِلَى قَلْبِهِ، وَالسَّعَادَةِ إِلَى نَفْسِهِ.

اللَّهُمَّ اسْتُرْ نَفَاحَاتِ الرِّضْوَانِ عَلَيْهَا، وَأَمْدُنَا بِالْأَسْرَارِ
الَّتِي أَوْدَعْتَهَا لَدَيْهَا، وَصَلِّ وَسِلْمٌ عَلَى زَوْجِهَا الْأَمِينِ،
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

وَلَقَدْ كَانَتْ حَدِيجَةُ صَادِقَةُ الْفِرَاسَةِ، صَائِبَةُ النَّظَرَةِ،
صَافِيَةُ الْفِكْرَةِ، وَكَانَتْ عَلَى ثِقَةٍ مِنْ أَنَّ رَجُلًا كَرَوْجَهَا مُحَمَّدٌ
الْأَمِينِ، يَحْمِلُ هَذِهِ الرُّوحَ الْعَلِيَّةَ، وَالنَّفْسَ السَّامِيَّةَ.

Baginda ﷺ memiliki beberapa kelebihan yang amat diketahui di kalangan bangsa Quraisy, yang ditambah pula kepada apa yang telah diceritakan oleh orang suruhannya (Maisarah) kepadanya.

Dengan apayang telah disebut diatas dan yang disebutkan sebelum ini, Sayyidatina Khadijah ؓ amat yakin bahawa Baginda ﷺ akan mencapai suatu kedudukan yang mulia dan tinggi. Semua yang bermusafir dan yang bermukim menceritakannya. Sejarah dunia akan membicarakan akan perihal dirinya dan dunia akan bergegar dengan keanehan, kehebatan, dan kebanggaan yang ada pada dirinya. Betapa indah kecintaan dan kasih sayang Sayyidatina Khadijah ؓ kepada Nabi ﷺ; beliau memanjakan dan menjaga keperluan diri Baginda ﷺ dan begitu luhur hatinya menyayangi dan melindungi Nabi ﷺ serta sentiasa merindui hari akan dipacarkan panji-panji kemenangan padanya. Lalu gambaran wilayah itu disebarluaskan untuknya.

Beberapa tahun telah berlalu dalam keadaan sedemikian. Sehingga sempurnanya 40 tahun, lalu datang yang telah ditentukan oleh Allah ﷺ, maka tibaalah satu hari sebagai penetapan supaya Baginda ﷺ menyampaikan risalah dari langit. Sedang Baginda ﷺ dalam keadaan beruzlah di dalam gua, dan sebelum itu telah dipersiapkan dirinya dengan beberapa peristiwa untuk menjadi rasul. Telah terbukalah pintu-pintu yang didatangi dalam keadaan itu, dalam keadaan nyata dan bukannya dalam mimpi, utusan Tuhan Maha Pemilik dan Maha Mengetahui menemuinya dan mengatakan kepada Baginda ﷺ, “Bacalah”.

Lalu Baginda ﷺ menjawab, “Aku tidak tahu membaca dan tidak termasuk di kalangan orang yang tahu membaca.”

وَالْفَضَائِلَ الَّتِي مَاعَرَفْتُهَا قُرِئْتُ بِأَسْرِهَا، يُضَافُ إِلَى مَا
نَقَلَهُ إِلَيْهَا عَبْدُهَا.

وَمِمَّا سَبَقَ ذِكْرُهُ وَتَقَدَّمَ نَسْرُهُ، كَانَتْ عَلَى ثِقَةٍ مِنْ أَنَّهُ سَيَكُونُ
لَهُ شَأنٌ عَظِيمٌ، يَتَحَدَّثُ عَنْهُ الْمُسَافِرُ وَالْمُقِيمُ، وَسَيُحَدِّثُ
فِي التَّارِيخِ امْرَأً، تَهْتَرُ لَهُ الدُّنْيَا عُجْبًا وَتَيْهًا وَفَخْرًا، فَمَا أَجَلَّ
عَيْنَهَا الصَّادِقَةُ الْحُنُونَةُ، وَمَا أَعْظَمَ قَلْبَهَا الْعُطُوفُ الَّذِي يُرَوِّدُهُ
بِالرِّعَايَةِ، وَيَخْفِقُ لَهُ فَرَحًا مُنْتَظِرًا يَوْمَهُ الَّذِي تُنْصَبُ لَهُ فِيهِ
الرَّايَةُ، وَيُنْشَرُ لَهُ مَرْسُومُ الْوِلَايَةِ.

وَمَرَّتِ الْأَيَّامُ عَلَى هَذَا التَّنظَّامِ، فَمَا أَكْمَلَ الْأَرْبَعِينَ عَلَى
الْتَّمَامِ، حَتَّى جَاءَ الْيَوْمُ الَّذِي هَيَّأَهُ الْقُدْرَةُ الرَّبَّانِيَّةُ، لِإِبْلَاغِهِ
الرِّسَالَةَ السَّمَاوِيَّةَ، وَهُوَ فِي وَحْدَتِهِ التَّعْبُدِيَّةِ، بَعْدَ أَنْ مُهَدِّدٌ مِنْ
قَبْلِ الْأَسْبَابِ، وَتَفَتَّحَتْ لِذَلِكَ الْأَبْوَابُ، فَأَتَاهُ فِي ذَلِكَ الْمَقَامِ،
فِي الْيَقْظَةِ لَا فِي الْمَنَامِ، رَسُولُ الْمَلِكِ الْعَلَّامِ، وَقَالَ لَهُ: إِقْرَأْ
فَقَالَ: (مَا أَنَا بِقَارِئٍ وَلَسْتُ مِنْ جُمِلَةِ الْقُرَاءِ)،

Lalu Jibril ﷺ memeluk dengan kuat dan tidak melepaskan Nabi ﷺ sehingga Nabi ﷺ terlalu lelah dan lemah. Kemudian Jibril ﷺ memberi arahan kepada Baginda ﷺ supaya membaca untuk kali kedua. Nabi ﷺ tidak melaksanakan apa yang disuruh. Maka Jibril ﷺ mengambilnya, memeluknya, dan tidak melepaskannya sehingga Baginda ﷺ jatuh pengsan. Pada kali ketiga, Jibril ﷺ berkata kepada Baginda ﷺ:

“Bacalah dengan nama Tuhanmu Yang Maha Mencipta. Dia mencipta manusia daripada (seketul darah) tergantung. Bacalah dan Tuhanmu Maha Pemurah. Dialah yang mengajar dengan pena. Dia mengajar manusia perkara yang belum dia ketahui.”

Betapa hebatnya peristiwa gembira yang disampaikan utusan ihsan tersebut daripada segala kurniaan kepada Rasulullah ﷺ. Hal ini dikukuhkan dengan berita gembira (Al-Qur'an):

“Ar-Rahman. Dia telah mengajarkan al-Quran. Dia menciptakan manusia. (Lalu) Dia mengajarnya jelas/terang.”

Tidak syak lagi bahawa Baginda ﷺ adalah insan yang dimaksudkan di dalam ayat ini. Daripada Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Maka Rasulullah ﷺ pulang menemui isterinya untuk menceritakan apa yang telah berlaku dalam keadaan hati yang berdebar-debar setelah melalui peristiwa yang dilihat dan didengar, sehingga seolah-olah hatinya mahu tercabut keluar dari dada, akibat terkesan dengan peristiwa yang dilaluinya.

Baginda ﷺ hampir tewas jika tiada kekuatan daripada Tuhannya. Baginda ﷺ berkata, “Selimutkanlah aku! Selimutkanlah aku!” Maka Sayyidatina Khadijah ﷺ menyelimutkannya.

فَأَخَذَهُ فَغَطَّهُ، وَمَا تَرَكَهُ حَتَّى بَلَغَ غَايَةَ الْجُهْدِ وَالْإِعْيَاءِ،
 ثُمَّ أَمْرَهُ بِالْقِرَاءَةِ مَرَّةً ثَانِيَةً فَامْتَنَعَ، فَأَخَذَهُ وَغَطَّهُ وَمَا تَرَكَهُ إِلَّا
 بَعْدَ مَا كَادَ يَقْعُ. وَفِي التَّالِثَةِ قَالَ لَهُ:
 افْرُأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ
 عَلَقٍ ① اقْرُأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ② الَّذِي عَلِمَ بِالْقُلْمِ
 عَلِمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ③
 فَمَا أَعْظَمَهَا مِنْ إِشَارَةٍ أَوْصَلَتْهَا يَدُ الْإِحْسَانِ، مِنْ حَضْرَةِ
 الْإِمْتِنَانِ، إِلَى هَذَا الْإِنْسَانِ، وَأَيَّدَتْهَا بِشَارَةُ:
 الرَّحْمَنُ ④ عَلِمَ الْقُرْآنَ ⑤ خَلَقَ الْإِنْسَانَ
 عَلِمَهُ الْبَيَانَ ⑥
 وَلَا شَكُّ أَعْنَاهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هُوَ الْمَقْصُودُ بِهَذَا
 التَّعْلِيمِ، مِنْ حَضْرَةِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، فَرَجَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ
 عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى زَوْجِهِ، بَعْدَ أَنْ شَهَدَ مَشْهَدَ كَرَامَتِهِ، وَفُؤَادُهُ
 يَرْجُفُ مِنْ هُولِ مَا رَأَاهُ، وَشَدَّةُ مَا سَمِعَهُ وَقَرَاهُ،
 وَلَقَدْ كَادَ يَنْخَلِعُ لَوْلَا تَثْبِيتُ مَوْلَاهُ، وَقَالَ: (زَمِلُونِيْ
 زَمِلُونِيْ)، فَزَمَّلَتْهُ.

Setelah hilang kegerunan dan ketakutan, Baginda menceritakan hal ini kepada Sayyidatina Khadijah, “Sesungguhnya aku amat takut akan kehilangan nyawaku!”

Maka Sayyidatina Khadijah berkata, “Sanggup aku korbankan diri, bapa dan ibuku demi keranamu, ya Muhammad! Dan Allah tidak akan mengecewakanmu selama-lamanya. Sesungguhnya Allah akan mencatatkan untukmu kemuliaan dan akan melantik menjadi pimpinan umat ini. Engkau telah menghubungkan silaturrahim dan memuliakan tetamu dan engkau membantu dan bersimpati dengan orang yang sengsara, pemurah dengan orang yang meminta kepadamu. Tanganmu berkhidmat untuk tetamu. Engkau membantu mereka daripada segala musibah dan engkau tidak mendapat apa-apa. Engkau juga memberi pekerjaan kepada yang tidak bekerja dan menjamu tetamu, menolong orang yang dalam kesulitan. Segarkanlah dirimu wahai anak bapa saudaraku kerana berita gembira ini adalah untukmu. Demi Allah! Sesungguhnya aku telah tahu bahwasanya Allah tidak akan berbuat kepadamu kecuali kebaikan. Aku juga bersaksi bahawa engkaulah Nabi umat ini yang ditunggu-tunggu. Inilah zamannya; ia telah diterima dengan izin Allah. Pembantuku dan Buhaira, si rahib itu, telah memberitahuku berita mengenaimu yang nyata itu. Beliau juga mengarahkanku supaya berkahwin denganmu dua puluh tahun yang lalu.”

“Ya Allah! Taburkanlah hembusan keredhaanMu kepadanya. Dan limpahkan kepada kami segala rahsia yang Engkau simpan di sisinya. Ya Allah! Kurniakan rahmat dan kesejahteraan ke atas Suaminya, iaitu Nabi yang dipercayai, Penghulu kita Nabi Muhammad dan ke atas keluarganya dan para sahabatnya sekalian”.

فَلَمَّا ذَهَبَ عَنْهُ الرَّوْعُ وَحَدَّثَهَا قَالَ لَهَا: (لَقَدْ خَشِيْتُ عَلَى
نَفْسِي).).

فِدَاهُ أَبِيهِ وَأُمِّيهِ وَنَفْسِي. فَقَالَتْ: گَلَّا وَاللَّهِ لَا يُخْزِيْكَ
اللَّهُ أَبَدًا، وَإِنَّ اللَّهَ سَيَكْتُبُ لَكَ عِزًّا وَحَمْدًا وَسُؤَدَّا، فَرَحْمُكَ
مَوْصُولَة، وَيَدُكَ لِضَيْفِكَ مَبْذُولَة، تَحْمِلُ الْكَلَّ وَتَكْسِبُ
الْمَعْدُومَ، وَتَقْرِي الصَّيْفَ وَتُعِينُ عَلَى نَوَائِبِ الْحَقِّ كُلَّ مَكْلُومَ،
وَاثْبُتْ يَا ابْنَ الْعَمِّ فَلَكَ الْبُشْرَى، فَوَاللَّهِ لَقَدْ كُنْتُ أَعْلَمُ أَنَّ
اللَّهَ لَا يَفْعُلُ بِكَ إِلَّا خَيْرًا، وَإِنِّي أَشْهَدُ أَنَّكَ نَبِيٌّ هَذِهِ الْأُمَّةِ
الْمُنْتَظَرَ، وَهَذَا زَمَانُكَ إِنْ شَاءَ اللَّهُ قَدْ حَاضَرَ، وَقَدْ أَخْبَرَنِي
نَاصِحٌ غُلَامٍ وَبَحِيرٍ الرَّاهِبُ بِخَبَرِكَ الْمُبِينُ، وَأَمَرَنِي أَنْ
أَتَزَوَّجَكَ قَبْلَ عِشْرِينَ مِنَ السِّنِينِ.

اللَّهُمَّ اشْرُنْ نَفَحَاتِ الرِّضْوَانِ عَلَيْهَا، وَأَمَدَنَا بِالْأَسْرَارِ
الَّتِي أَوْدَعْتَهَا لَدِيْهَا، وَصَلَّ وَسَلَّمَ عَلَى رَوْجَهَا الْأَمِينِ،
سَيِّدَنَا مُحَمَّدَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Kemudian Sayyidatina Khadijah ﷺ pun berangkat bersama Baginda ﷺ menemui Waraqah bin Naufal dan menceritakan secara terperinci apa yang berlaku. Waraqah berkata kepada Sayyidina Muhammad ﷺ, “Ceritakan dengan lidahmu sendiri apa yang telah berlaku.”

Lalu Baginda ﷺ pun menceritakan kepadanya apa yang dilihat dan didengarinya daripada Sayyidina Jibril ﷺ. Maka Waraqah pun berkata, “Demi Allah! Inilah malaikat yang mulia, yang pernah turun kepada Nabi Musa ﷺ, rasul bagi Bani Israil. Moga-moga aku ada pada ketika itu dan menyokong serta membantu usaha dakwahmu.”

Dalam satu riwayat dikatakan bahawa Sayyidatina Khadijah ﷺ telah berkata kepada Rasulullah ﷺ pada permulaannya, ketika mana Jibril ﷺ datang kepada Baginda ﷺ dan Baginda ﷺ memberitahunya, maka Sayyidatina Khadijah ﷺ pun berkata, “Duduklah di paha kananku.” Maka Baginda ﷺ pun duduk. Sayyidatina Khadijah ﷺ berkata, “Adakah engkau melihatnya sekarang?” Baginda ﷺ berkata, “Ya.” Sayyidatina Khadijah ﷺ berkata, “Tukarlah tempat di sebelah pangkuanku kiriku.” Maka Sayyidatina Khadijah ﷺ bertanya: “Adakah engkau melihatnya sekarang?” Baginda ﷺ berkata, “Ya.” Maka beliau pun mengangkat tudung kepalanya lalu bertanya, “Adakah kamu melihatnya sekarang?” Baginda ﷺ berkata, “Tidak”. Maka beliau berkata, “Ini bukannya syaitan melainkan malaikat, salah seorang daripada malaikat Allah.”

“Ya Allah! Taburkanlah hembusan keredhaanMu kepadanya. Dan limpahkan kepada kami segala rahsia yang Engkau simpan di sisinya. Ya Allah! Kurniakan rahmat dan kesejahteraan ke atas Suaminya, iaitu Nabi yang dipercayai, Penghulu kita Nabi Muhammad dan ke atas keluarganya dan para sahabatnya sekalian”.

ثُمَّ انْطَلَقَتْ بِهِ إِلَى وَرَقَةَ بْنِ نَوْفَلٍ وَأَخْبَرَتْهُ بِالْتَّفْصِيلِ،
فَقَالَ لِسَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: حَدَّثْنِي بِقَمِكَ أَيُّهَا
السَّيِّدُ التَّبِيْلُ.

فَأَحَدٌ يُحَدِّثُ بِمَا رَأَاهُ وَسَمِعَهُ مِنْ سَيِّدِنَا جِبْرِيلَ، فَقَالَ وَرَقَةُ:
هَذَا وَاللَّهِ التَّامُوسُ الْجَلِيلُ، الَّذِي كَانَ يَنْزِلُ عَلَى مُوسَى رَسُولِ
بَنِي إِسْرَائِيلَ، يَا لَيْتَنِي أَكُونُ حَاضِرًا، وَمُؤْيدًا لِدِعْوَتِكَ وَنَاصِرًا.

وَفِي رِوَايَةِ أَنَّ السَّيِّدَةَ حَدِيجَةَ قَالَتْ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي أَوَّلِ أَمْرِهِ، إِذَا جَاءَ صَاحِبُكَ بِالْوَحْيِ فَأَخْبِرْنِي
بِخَبَرِهِ، فَلَمَّا جَاءَهُ أَخْبَرَهَا فَقَالَتْ: اجْلِسْ عَلَى شِقِّي الْأَيْمَنِ،
فَجَلَسَ فَقَالَتْ: أَتَرَاهُ الْآنَ؟، قَالَ نَعَمْ، قَالَتْ: فَتَحَوَّلْ فَاجْلِسْ
فِي حِجْرِي، فَتَحَوَّلَ فَجَلَسَ فِي حِجْرِهَا، فَقَالَتْ: هَلْ تَرَاهُ
الْآنَ؟، قَالَ: نَعَمْ، فَرَفَعَتْ خِمَارَهَا عَنْ رَأْسِهَا، وَقَالَتْ: هَلْ
تَرَاهُ الْآنَ، قَالَ: لَا. فَقَالَتْ: مَا هَذَا بِشَيْطَانٍ، هَذَا مَلَكٌ مِنْ
مَلَائِكَةِ الرَّحْمَنِ

اللَّهُمَّ اثْثُرْ نَفَحَاتِ الرِّضْوَانِ عَلَيْهَا، وَأَمِدْنَا بِالْأَسْرَارِ
الَّتِي أُوذِغْنَا لَدَيْهَا، وَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى زَوْجِهَا الْأَمِينِ،
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Dan Jibril ﷺ pun datang kepada Rasulullah ﷺ di rumah Sayyidatina Khadijah ؓ. Nescaya terdapatnya orang yang bijak dalam urusan ini yang mempunyai pandangan tersendiri.

Maka Sayyidatina Khadijah ؓ mengangkat tudung untuk memastikan adakah itu adalah utusan daripada Allah atau ia adalah sekadar khayalan.

Jibril ﷺ pun bersembunyi ketika Sayyidatina Khadijah ؓ membuka tudung kepalanya. Maka dia tidak kembali dan tudung itu juga tidak dikembalikan (ke tempatnya).

Sayyidatina Khadijah ؓ melakukan hal ini demi memelihara agamanya dan juga untuk menambahkan keyakinannya. Manakala Nabi ﷺ pula mempercayai kata-kata itu tanpa syak, berbelah bagi dan ragu-ragu.

Pada waktu yang mulia itu juga, dunia menjadi bahagia dengan risalah yang hebat itu. Dari bukit yang disaksikan itu juga (Jabal Nur) dan pada hari yang dijanjikan itu, muncullah mentari bagi kewujudan ini. Maka ia menjadikan cahaya baharu yang melimpah-ruah. Lalu alam ini menerima suatu pagi yang berbahagia. Alam ini telah pun menerima satu suasana baharu dan berbahagia dan seolah-olah dunia tidak pernah didatangi hari yang penuh barakah ini.

Dunia selama ini seolah-olah tidak membawa apa-apa kebaikan dan kejayaan dan banyak hari yang gelap gelita dan penuh penipuan dan kejahatan. Tetapi daripada si dia yang merendah diri ini dan di tempat yang sederhana dan bukit yang kukuh itu, tidak tinggi dan tidak rendah telah lengkap padanya sesuatu yang belum pernah lengkap di kota-kota besar di alam ini. Begitu juga bandar-bandar dan segala tamadunnya yang terkenal itu, sekolah-sekolah yang besar dan perpustakaan-perpustakaan yang tersergam itu.

وَلِذِي اللّٰبِ فِي الْأَمْرِ ارْتِيَاءُ
أَهُوَ الْوَحْيُ أَمْ هُوَ الْإِعْمَاءُ
لُ فَمَا عَادَ أَوْ أُعِيدَ الْغِطَاءُ

وَآتَاهُ فِي بَيْتِهَا جِبْرًا إِيلُ
فَأَمَّا طَئْتُ عَنْهَا الْحِمَارَ لِتَدْرِي
فَاخْتَفَى عِنْدَ كَشْفِهَا الرَّأْسَ جِبْرٌ

وَكَانَتْ تَفْعُلُ ذَلِكَ إِحْتِيَاطًا لِدِينِهَا، وَزِيَادَةً فِي يَقِينِهَا، أَمَّا
الَّتِي صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَدْ كَانَ وَاثِقًا بِذَلِكَ الْخِطَابِ،
دُونَ شَكٍّ أَوْ تَرَدُّدٍ أَوْ إِرْتِيَابٍ.

فِي تِلْكَ الْلَّحْظَةِ الْكَرِيمَةِ سَعَدَتِ الدُّنْيَا بِالرِّسَالَةِ الْعَظِيمَةِ،
وَمِنْ ذَلِكَ الْجَبَلِ الْمَشْهُودُ، فِي ذَلِكَ الْيَوْمِ الْمُوعُودِ، ظَلَعَتْ
شَمْسُ الْوُجُودِ، فَأَفَاضَتْ نُورًا جَدِيدًا وَاسْتَقْبَلَ الْعَالَمُ صَبَحًا
سَعِيدًا، لَقَدْ كَانَ هَذَا الْعَالَمُ يَسْتَقْبِلُ كُلَّ يَوْمٍ صَبَاحًا،

وَلِكِنَّهُ لَا يَرَى فِيهِ لِلْأَمْمَةِ حَيْرًا وَلَا فَلَاحًا، وَمَا أَكْثَرُ النَّهَارَ
الْمُظْلِمِ، وَالصُّبْحَ الْكَادِبُ الْمُعْتَمِ، لَكِنْ مِنْ هَذَا الْمَكَانِ
الْمُتَوَاضِعِ، وَعَلَى ذَلِكَ الْجَبَلِ الرَّاسِخِ، الَّذِي لَيْسَ بِمُخْصِبٍ
وَلَا شَامِخٍ، تَمَّ مَا لَمْ يَتِمْ فِي عَوَاصِمِ الْعَالَمِ الْكَبِيرَةِ، بِمَدَنِيَاتِهِ
وَحَضَارَتِهِ الشَّهِيرَةِ، وَمَدَارِسِهِ الْفَحْمَةِ، وَمَكَتَبَاتِهِ الصَّحْمَةِ،

Sesungguhnya Allah telah menganugerahkan umat ini dengan utusan Nabi Muhammad ﷺ dan agamanya. Begitu juga Dia menghilangkan kekeliruan dan kegelapan, kesengsaraan dan kejahanan serta kekufuran. Nescaya subuh yang mendatang dengan cahaya yang terang nyata dan membawa kebenaran. Lalu bangkitlah segala kejadian padanya setelah berada dalam keadaan kelalaian, setelah tenggelam lama dalam kegelapan. Dunia telah mengenali anak kunci kebenaran yang dibawa oleh Nabi yang mampu membuka segala akal dan fikiran yang selama ini tertutup dan jumud. Maka jelaslah buatnya yang mampu menerangkan keburukan, kesyirikan dan kekufuran dan penyembahan berhala. Serta membuka rahsia khurafat, kekeliruan-kekeliruan zaman jahiliyyah. Maka nafsu telah terdidik dan kejahanan telah terkawal dan kurniaan yang hilang itu telah pun dijelmakan semula dengan datangnya Muhammad ﷺ dan hidayahnya dan konsep pendidikan yang terbijak iaitu “at-tarhib” dan “at-targhib”.

Lalu berubahlah di antara dua keadaan, iaitu yang menggalakkan dan yang menakutkan. Jiwa orang Arab terlalu bersemangat dan membara sehingga mampu memimpin dunia, sebagai contoh bagaimana penggembala unta telah menjadi pemimpin umat.

Juga menjadi khalifah dan seluruh dunia amat memerlukannya dan juga menjadi pahlawan kampung dan bandar. Pembuka negara dan negeri dengan penuh kemegahan dan membawa kemajuan dan bertambah pengaruhnya. Tersebarlah juga keadilan dan sinaran petunjuk dan berkurangan perdebatan dan perbalahan. Dan kesaksian palsu semakin berkurangan. Dan berubah kepada keadaan yang sebaik-baiknya. Peniaga menjadi jujur dan benar kata-katanya, orang kaya menjadi pemurah dan suka memberi, orang miskin menjaga air muka dan bersungguh-sungguh untuk berjaya,

إِذْ مَنَّ اللَّهُ عَلَى هَذِهِ الْأُمَّةِ، بِرِسَالَةِ مُحَمَّدٍ الَّذِي كَشَفَ عَنْهَا
الْغُمَّةَ، وَجَلَّ الظُّلْمَةَ، فَطَلَعَ الصُّبْحُ الْمُشْرِقُ الصَّادِقُ، وَاسْتَيْقَظَ
فِيهِ الْكَوْنُ بَعْدَ أَنْ كَانَ فِي غَفْلَتِهِ غَارِقٌ، وَتَعَرَّفَ عَلَى الْمِفْتَاحِ
الْتَّبَوِيِّ، الَّذِي يَفْتَحُ كُلَّ عَقْلٍ مُلْتُوِي، فَظَهَرَتْ لَهُ شَنَاعَةُ الشِّرِّكِ
وَالْوَتَنِيَّةِ، وَالْحُرَافَاتِ وَالْأَوْهَامِ الْجَاهِلِيَّةِ، فَتَهَدَّبَتْ تِلْكَ الْقُوَّى
الْجَامِحَةُ كُلَّ التَّهَدِّيْبِ، وَانْصَقَلَتْ تِلْكَ الْمَوَاهِبُ الضَّائِعَةُ
بِهَذِي الْحِبْبِ، وَتَقْلَبَتْ بَيْنَ مَقَامِي التَّرْغِيْبِ وَالتَّرْهِيْبِ.

فَتَدَقَّقَتْ كَالسَّيْلِ وَاشْتَعَلَتْ كَاللَّهِيْبِ، حَتَّى كَانَ رَاعِيِّي
الْإِبْلِ رَاعِيَ الْأُمَّمِ، وَخَلِيفَةً يَحْكُمُ الْعَالَمَ وَإِلَيْهِ يَحْتَكِمُ،
وَأَصْبَحَ فَارِسُ الْقَبِيلَةِ وَالْبَلَدِ،

فَاتَّحَ الدُّولِ ذَاتَ الْمَجْدِ وَالْعَدَدِ، فَكَثُرَ الْعَدْلُ وَانْتَشَرَ
الثُّورُ، وَقَلَّ الْجَدَلُ وَفُقِدَتْ شَهَادَةُ الزُّورِ، وَتَبَدَّلَتْ الْأَحْوَالُ
إِلَى أَحْسَنِ حَالٍ، فَالثَّاجِرُ أَمِينٌ صَدُوقٌ، وَالْغَنِيُّ سَخِيٌّ مَرْزُوقٌ،
وَالْفَقِيرُ شَرِيفٌ كَادِحٌ،

Ulama' suka memberi nasihat dan pemimpin terlalu merendah diri dan bersifat penyayang. Penjaga kewangan terlalu jujur dan bijak mengurus kewangan, hakim mahkamah terlalu adil dan bijaksana. Maka terserlahlah dalam masyarakat peniaga yang jujur, orang miskin yang bermaruah dan orang alim yang berani dalam memberikan nasihat dan orang kaya yang bersimpati dan murah hatinya.

Terserlah juga keadilan qadhi dan kebijaksanaannya dan terserlahlah kasih sayang pemimpin kepada rakyat dan ketua negara menjadi merendah diri dan penyayang. Terserlahlah juga para pengawal yang gagah perkasa dalam urusan kerjanya. Ini bermakna utusan Nabi ﷺ telah menjadi ibarat musim bunga yang mengindahkan dunia dan membawa kepada manusia segala kemajuan dan kenikmatan yang tidak terhingga.

Sesungguhnya Allah ﷺ telah memilih Sayyidatina Khadijah ﷺ dengan banyak sifat yang terpuji, oleh kerana beliau adalah butir mutiara dan batu permata yang tersebunyi. Antara sifat-sifat tersebut ialah: Sayyidatina Khadijah ﷺ sendiri yang melamar Baginda ﷺ untuk dikahwininya dan beliaulah wanita pertama yang dikahwini oleh Baginda ﷺ dan walimah pertama Nabi ﷺ.

Beliau hidup bersama Nabi ﷺ sehingga akhir hayat dan Nabi ﷺ tidak berkahwin dengan perempuan lain selama beliau hidup, lantaran kesetiaannya. Kerana Nabi ﷺ telah melihat keikhlasan dan kesetiaannya kepada Baginda ﷺ. Nabi ﷺ telah memaqamkannya di Makkah al-Mukarrammah dan Nabi ﷺ sendiri turun ke dalam maqamnya.

وَالْعَامِلُ مُجْتَهِدٌ نَاصِحٌ، وَالرَّئِيسُ مُتَوَاضِعٌ رَحِيمٌ، وَالْخَازِنُ
حَفِيْظٌ عَلِيْمٌ، وَالْقَاضِي عَادِلٌ فَهِيمٌ، فَظَاهَرَ فِي ذَلِكَ الْمُجَمَّعِ
صِدْقُ التَّاجِرِ وَأَمَانَتُهُ، وَتَعْفُفُ الْفَقِيرُ وَكَدْحُهُ، وَاجْتِهادُ الْعَالَمِ
وَنُصْحِحَهُ، وَسَخَاوَةُ الْغَنِيِّ وَمُؤَاسَاتُهُ.

وَعَدْلُ الْقَاضِي وَحَكْمَتُهُ، وَإِخْلَاصُ الْوَالِي وَشَفَقَتُهُ،
وَتَوَاضُعُ الرَّئِيسِ وَرَحْمَتُهُ، وَقُوَّةُ الْخَادِمِ وَحِرَاسَتُهُ، فَكَانَتْ تِلْكَ
الْبِعْثَةُ لِلْعَالَمِ رَبِيعًا، وَلِلإِنسَانِيَّةِ خَصِبًا وَرِيعًا.

وَقَدِ اخْتَصَ اللَّهُ هَذِهِ الْجُوهَرَةَ الْمَصُوَّنَةَ، وَالدُّرَّةَ الْمَكْنُونَةَ،
بِمَرَايَا عَدِيدَةٍ وَخَصَالٍ حَمِيدَةً. فَمِنْهَا أَنَّهَا هِيَ الَّتِي ظَلَّبَتْهُ، وَإِلَى
الزَّوَاجِ بِهَا دَعَتْهُ، وَأَنَّهَا أَوَّلُ إِمْرَأَةٍ يَتَزَوَّجُهَا، وَوَلِيمَتُهَا أَوَّلُ
وَلِيمَمَةٍ يَصْنَعُهَا،

وَعَاشَتْ مَعَهُ بَقِيَّةَ عُمْرِهَا وَلَمْ يَتَزَوَّجْ بِعَيْرِهَا، حَتَّىٰ مَاتَتْ
بَعْدَ أَنْ رَأَى خَالِصَ بِرِّهَا، وَدَفَنَهَا بِمَكَّةَ وَنَزَلَ هُوَ بِنَفْسِهِ فِي
قَبْرِهَا.

Beliau telah hidup bersama Nabi ﷺ selama 24 tahun dengan sebaik-baik kehidupan berumah tangga dan menjadi sebaik-baik teman kepada Baginda ﷺ. Terlalu amat mesra dengan Baginda ﷺ dan sentiasa menjadi sebaik-baik teman kepada Baginda ﷺ. Sentiasa memenuhi segala kehendak Baginda ﷺ dan bersegera menunaikannya dan memberikan kepada Nabi ﷺ. Contohnya, beliau nampak Baginda ﷺ terlalu ingin memiliki Zaid ibnu Harithah. Maka beliau tanpa berfikir panjang, terus menghadiahkan Zaid kepada Baginda ﷺ dengan rela hati dan murah hati. Maka kepada Nabi ﷺ Zaid sudah dinisbahkan dan telah tersenarai nama Zaid di kalangan orang yang berbahagia bersama orang-orang yang terdahulu memeluk Islam dan Khulafa ar-Rasyidin dan dimuliakan dengan kasih sayang daripada Penghulu segala rasul.

Antara keistimewaan Sayyidatina Khadijah ؓ sehingga sampai ke taraf kesempurnaan dan kemuliaan: Beliaulah orang pertama yang beriman kepada Baginda ﷺ di kalangan wanita dan lelaki dan beliaulah yang membentarkan kata-kata Baginda ﷺ dan menguatkan keazaman Baginda ﷺ. Dan beliaulah yang membantu dan menguatkan semangat Baginda ﷺ. Allah telah meringankan banyak bebanan dan kerisauan yang dihadapi oleh Rasulullah ﷺ melalui keimanannya dan melapangkan dadanya daripada kerisauan dan kegelisahannya.

وَقَدْ عَاشَرَتُهُ أَرْبَعًا وَعِشْرِينَ سَنَةً أَحْسَنَ عِشْرَةً، وَرَافَقَتُهُ أَفْضَلَ رُفْقَةً، وَأَلِفَتُهُ أَعْظَمَ أُلْفَةً، وَصَادَقَتُهُ أَوْفَى مَحَبَّةً،
وَكَانَتْ لَا تَرَى مِنْهُ مِيَالًا إِلَى شَيْءٍ إِلَّا بَادَرَتْ بِهِ إِلَيْهِ، وَقَدَّمَتُهُ هَدِيَّةً بَيْنَ يَدَيْهِ، وَقَدْ رَأَتْ مِنْهُ قَبْلَ الْمِعْنَةِ التَّابُوَّةَ، رَغْبَةً فِي مَوْلَاهَا زَيْدِ بْنِ حَارِثَةَ قَوِيَّةً، فَمَا كَانَ مِنْهَا إِلَّا أَنْ وَهَبَتُهُ لَهُ بِنَفْسِي رَاضِيَّةً سَخِيَّةً، فَكَانَ إِلَى حَضْرَتِهِ مِنَ الْمَنْسُوبِينَ، وَكُتِبَ فِي دِيوَانِ الْمَسْعُودِينَ، وَفَازَ بِالْأَوْلَى مَعَ السَّابِقِينَ، وَتَشَرَّفَ بِمَحْبُوبِيَّةِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ.

وَمِنْ خَصَائِصِهَا الَّتِي نَالَتْ بِهَا أَعْلَى مَرَاتِبِ الشَّرَفِ وَالْكَمَالِ، أَنَّهَا أَوَّلُ مَنْ آمَنَ بِهِ مِنَ النِّسَاءِ وَالرِّجَالِ، فَصَدَّقَتُهُ وَآزَرَتُهُ، وَأَعْانَتُهُ وَثَبَّتَهُ، وَخَفَّفَ اللَّهُ بِسَبِيلٍ إِيمَانَهَا عَنْ تَبِيهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُلَّ هَمٍ، وَفَرَّجَ عَنْهُ مَا أَصَابَهُ فِي الدَّعْوَةِ مِنْ تَعَبٍ وَنَكَدٍ وَغَمٍ.

Nabi ﷺ mendengar sesuatu yang menyakitkan hatinya daripada orang kafir, mereka mendustakan, dan bersikap degil daripada mendengar ajaran Baginda ﷺ. Namun apabila Baginda ﷺ bertemu dengan Sayyidatina Khadijah ؓ, maka didapati pada dirinya terdapat penawar bagi luka-luka yang dialami. Sayyidatina Khadijah ؓ sentiasa bersimpati dengan apa yang dihadapi dan membawa ketenangan dan menghiburkan Baginda ﷺ dan menumpahkan kasih sayangnya dan bertutur kata dengan tutur kata yang manis dan memberikan harapan masa depan yang cerah, memberi kata semangat dan menyokongnya dengan sebaik-baik jaminan.

Telah diriwayatkan bahawa Sayyidatina Khadijah ؓ telah solat dengan Rasulullah ﷺ sebelum solat disyariatkan dan beliaulah orang pertama yang berwuduk bersama Nabi ﷺ dan menghadap Kaabah.

Dan solat yang dikerjakan sebanyak dua waktu sehari yang diajar oleh Jibril ؓ pada waktu pagi dan petang, sebelum difardhukan sebanyak lima waktu pada malam Isra' dan Mi'raj.

“Ya Allah! Taburkanlah hembusan keredhaanMu kepadanya. Dan limpahkan kepada kami segala rahsia yang Engkau simpan di sisinya. Ya Allah! Kurniakan rahmat dan kesejahteraan ke atas Suaminya, iaitu Nabi yang dipercayai, Penghulu kita Nabi Muhammad dan ke atas keluarganya dan para sahabatnya sekalian”.

فَكَانَ لَا يَسْمَعُ شَيْئًا مِنْ رُمْرَةِ الْإِلْخَادِ، مِنْ تَكْذِيبٍ
وَجُحُودٍ وَعِنَادٍ، وَيَرْجِعُ إِلَى خَدِيجَةَ إِلَّا وَيَجِدُ عِنْدَهَا كُلَّ هُدًى
وَسَدَادٍ، فَتُهَوِّنُ عَلَيْهِ الرَّازِيَا وَتُوَاصِيهِ، وَتَبْعَثُ الظَّمَانِينَةَ إِلَى
نَفْسِهِ وَتُسَلِّيهِ، وَتَمْنَحُهُ الْعَطْفَ وَتُبَشِّرُهُ بِمَا سَوْفَ تَرَاهُ فِيهِ،
وَتُشَجِّعُهُ وَتُؤَيِّدُهُ وَبِكُلِّ حَيْرٍ تَمَنِّيهِ.

وَقَدْ ثَبَتَ أَنَّهَا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا صَلَّتْ مَعَهُ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ، وَتَشَرَّفَتْ بِمَنْقَبَةِ الْوُضُوءِ وَاسْتِقْبَالِ الْبَيْتِ الْحَرَامِ.

وَكَانَ جِبْرِيلُ قَدْ عَلِمَ التَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تِلْكَ الصَّلَاةَ،
قَبْلَ أَنْ تُفْرَضَ حَمْسُ الصَّلَوَاتِ لِيَلَّةَ الْمُنَاجَاةِ، وَكَانَ يُصَلِّي صَلَاتَيْنِ
مَرَّةً فِي الْعَشِيَّةِ وَمَرَّةً فِي الْغَدَاءِ.

اللَّهُمَّ اشْرُنْ نَفَحَاتِ الرَّضْوَانِ عَلَيْهَا، وَأَمِنَّا بِالْأَسْرَارِ
الَّتِي أَوْدَعْتَهَا لَدِيهَا، وَصَلَّ وَسَلَّمَ عَلَى زَوْجِهَا الْأَمِينِ،
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Telah diriwayatkan daripada Yahya bin Afif bahawa sesungguhnya beliau berkata, “Saya datang daripada kawasan kampung ke Makkah, sampai ke Mina pada masa haji dan sampai di tempat Abbas bin Abdul Mutalib. Apabila terbit matahari, keluarlah beliau khemah yang dekat dengan kami dan menghadap ke arah Kaabah dan mendirikan solat. Tidak lama kemudian datang seorang pemuda yang berdiri di sebelah kanannya dan kemudian datang seorang wanita yang berdiri di belakang mereka berdua. Apabila lelaki di depan rukuk, maka mereka pun rukuk, apabila lelaki di hadapan mengangkat kepala dan sujud, kedua-duanya mengikutinya.

Lalu saya berkata selepas melihat peristiwa ini: “Wahai Abbas, inilah perkara yang hebat. Maka Abbas berkata, “Perkara hebat? Kamu tidak kenal siapa lelaki ini? Inilah Muhammad ibnu Abdillah, anak saudaraku. Adakah kau kenal siapa remaja ini? “Tidak tahu.” “Inilah Ali bin Abi Talib.” “Adakah kamu tahu siapakah wanita itu?” “Tidak.” “Dialah Sayyidatina Khadijah binti Khuwailid, isteri anak saudaraku”.

Dia telah menceritakan kepadaku Tuhan yang menciptakan langit dan bumi, Tuhan kita semua memerintahkan mereka dengan ibadah solat yang kamu nampak itu. “Demi Allah! Saya tidak kenal di atas muka bumi ini, mengenai urusan agama (Islam) ini melainkan mereka bertiga.” Afif berkata: “Kalaularah saya beriman hari itu, tentulah saya menjadi kumpulan kedua, di kalangan orang yang beriman dengan Muhammad.” 

“Ya Allah! Taburkanlah hembusan keredhaanMu kepadanya. Dan limpahkan kepada kami segala rahsia yang Engkau simpan di sisinya. Ya Allah! Kurniakan rahmat dan kesejahteraan ke atas Suaminya, iaitu Nabi yang dipercayai, Penghulu kita Nabi Muhammad dan ke atas keluarganya dan para sahabatnya sekalian”.

وَقَدْ رُوِيَ عَنْ يَحْيَى بْنِ عَفِيفٍ أَنَّهُ قَالَ حِينَتْ مِنَ الْجَاهِلِيَّةِ إِلَى مَكَّةَ، فَقَدِمْتُ مِنْ أَيَّامِ الْحِجَّةِ وَنَزَلْتُ عَلَى الْعَبَّاسِ بْنِ عَبْدِ الْمُطَلِّبِ، فَلَمَّا طَلَعَتِ الشَّمْسُ حَرَّجَ رَجُلٌ مِنْ خَبَاءٍ قَرِيبٍ مِنَّا، فَاسْتَقْبَلَ الْكَعْبَةَ وَقَامَ يُصْلِي، فَلَمْ يَلْبِثْ حَتَّى جَاءَ غُلَامٌ فَقَامَ عَنْ يَمِينِهِ، فَلَمْ يَلْبِثْ حَتَّى جَاءَتِ إِمْرَأَةٌ فَقَامَتْ خَلْفَهُمَا، فَرَكَعَ الرَّجُلُ، فَرَكَعَ الْغُلَامُ وَالْمَرْأَةُ، فَرَفَعَ فَرَفَعاً، فَسَجَدَ فَسَجَداً،

فَقُلْتُ: يَا عَبَّاسُ أَمْرٌ عَظِيمٌ، فَقَالَ: أَمْرٌ عَظِيمٌ، أَتَدْرِي مَنْ هَذَا؟ قُلْتُ: لَا، فَقَالَ: هَذَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ ابْنُ أَخِي، أَتَدْرِي مَنْ الْغُلَامُ؟، قُلْتُ: لَا، قَالَ: هَذَا عَلَيُّ بْنُ أَبِي طَالِبٍ، أَتَدْرِي مَنْ هَذِهِ الْمَرْأَةُ؟ قُلْتُ: لَا، فَقَالَ: هَذِهِ خَدِيجَةُ بْنُتُ خُوَيْلِدٍ زَوْجُهُ ابْنُ أَخِي.

وَهَذَا حَدَّثَنِي أَنَّ رَبَّكَ رَبُّ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ أَمْرَهُمْ بِهَذَا الَّذِي تَرَاهُمْ عَلَيْهِ وَأَيْمُ اللَّهِ مَا أَعْلَمُ عَلَى ظَهْرِ الْأَرْضِ كُلِّهَا أَحَدًا عَلَى هَذَا الدِّينِ غَيْرَ هُؤُلَاءِ الْمُلَائِكَةِ، قَالَ عَفِيفُ الرَّاوِي: فَلَيَتَنِي كُنْتُ آمَنْتُ يَوْمَئِذٍ فَكُنْتُ أَكُونُ ثَانِيًا.

اللَّهُمَّ اشْرُنْ نَفَحَاتِ الرِّضَا وَبِنْ عَلَيْهَا، وَأَمِدَّنَا بِالْأَسْرَارِ
الَّتِي أَوْدَعْتَهَا لَدَنِيَا، وَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى زَوْجِهَا الْأَمِينِ،
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Antara kelebihan Sayyidatina Khadijah ﷺ yang dirahmati dan dimuliakan oleh Allah ﷺ: Beliaulah sesungguhnya sebaik-baik wanita yang Nabi ﷺ kahwini di antara mereka semua. Seperti ternyata dalam hadith, Rasulullah ﷺ bersabda: “Penghulu segala wanita dunia ialah Maryam, kemudian Fatimah dan kemudian Khadijah dan Asiah isteri Firaun,” dan dalam riwayat daripada Anas, “Cukuplah bagi kamu mengenali di antara wanita-wanita dunia; Maryam anak Imran, Khadijah anak Khuwailid, Fatimah anak Muhammad dan Asiah isteri Firaun” dan inilah hadith yang kukuh dan tiada keraguan yang telah diriwayatkan dan disahihkan oleh ulama’ muktabar (seperti Imam Ahmad dan Tirmizi).

Dalam riwayat yang sahih tanpa keraguan di dalamnya, sesungguhnya Nabi Muhammad ﷺ telah bersabda: “Sebaik-baik wanita adalah Maryam di kalangan umatnya dan Khadijah sebaik-baik wanita dalam zamannya.” Hadith ini diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim.

Hadith-hadith dalam bab ini terlalu banyak dan terkenal dalam bab usul, kitab ahli sunnah yang termasyhur dan semua kitab itu sama pandangan dalam kesemuanya dengan yakin, iaitu Maryam, Sayyidatina Khadijah, Fatimah dan Asiah ﷺ adalah sebaik-baik wanita dunia yang Allah ﷺ redha ke atas mereka semua. Perselisihan untuk menentukan siapakah antara yang empat ini yang terbaik di kalangan ulama’ dan ada yang bersungguh-sungguh untuk menentukan seorang sahaja dan bagi saya semua itu tidak perlu dan tidak berfaedah.

وَمِنْ خَصَائِصِهَا عَلَيْهَا الرَّحْمَةُ وَالْإِكْرَامُ، أَنَّهَا أَفْضَلُ نِسَاءٍ
الْمُصْطَفَى بِالْتَّمَامِ، كَمَا جَاءَ فِي الْحَدِيثِ عَنْ سَيِّدِ الْأَنَامِ، أَنَّهُ
قَالَ: (سَيِّدَةُ نِسَاءِ الْعَالَمِينَ مَرْيَمُ ثُمَّ فَاطِمَةُ ثُمَّ حَدِيجَةُ ثُمَّ
آسِيَّةُ إِمْرَأَةُ فِرْعَوْنَ)، وَفِي رِوَايَةٍ عَنْ أَنَّسٍ مَرْفُوعَةٍ: (حَسْبُكَ
مِنْ نِسَاءِ الْعَالَمِينَ مَرْيَمُ بِنْتُ عِمْرَانَ، وَحَدِيجَةُ بِنْتُ حُوَيْلَةَ،
وَفَاطِمَةُ بِنْتُ مُحَمَّدٍ، وَآسِيَّةُ)، وَهُوَ حَدِيثٌ ثَابِتٌ بِلَا مِرَاءٍ وَقَدْ
حَكَمَ بِصَحَّتِهِ أَجْلَهُ الْعُلَمَاءِ.

وَفِي رِوَايَةٍ صَحِيحَةٍ ثَابِتَةٍ لَا يُشُكُّ فِيهَا اثْنَانٌ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: (خَيْرُ نِسَائِهَا مَرْيَمٌ وَخَيْرُ نِسَائِهَا حَدِيجَةُ)،
وَقَدْ رَوَى ذَلِكَ الشَّيْخَانَ.

وَالْأَحَادِيثُ فِي هَذَا الْبَابِ كَثِيرَةٌ، وَهِيَ مَعْرُوفَةٌ فِي أُصُولِ كُتُبِ
أَهْلِ السُّنَّةِ الشَّهِيرَةِ، وَكُلُّهَا مُتَّفِقَةٌ فِي مَجْمُوعِهَا بِيَقِينٍ، عَلَى أَنَّ مَرْيَمَ
وَحَدِيجَةَ وَفَاطِمَةَ وَآسِيَّةَ هُنَّ أَفْضَلُ نِسَاءِ الْعَالَمِينَ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُنَّ
أَجْمَعِينَ، وَالْخِلَافُ بَيْنَ الْعُلَمَاءِ فِي تَعْيِينِ أَوْلَاهُنَّ، وَالْمُوازَنَةِ فِي
الْأَفْضَلِيَّةِ بَيْنَهُنَّ، وَقَدْ اجْتَهَدَ بَعْضُهُمْ فِي تَعْيِينِ وَاحِدَةٍ، وَتَكَلَّفَ
التَّأْوِيلَ وَالْجُمْعَ وَلَا أَرَى فِي ذَلِكَ فَائِدَةً.

Antara kelebihan-kelebihan Sayyidatina Khadijah ﷺ yang mulia dan paling kemuncak: Semua anak Nabi Muhammad ﷺ adalah daripada Sayyidatina Khadijah ﷺ, melainkan Ibrahim yang lahir daripada Siti Mariah, seorang hamba yang dihadiahkan oleh Raja Mesir dan Iskandariah bernama Muqauqis.

Sesungguhnya Sayyidatina Khadijah ﷺ melahirkan untuk Rasulullah ﷺ enam orang anak. Yang pertama al-Qasim yang dengannya Rasullulah ﷺ digelar Abal Qasim di kalangan orang ramai dan yang pertama meninggal dan dikebumikan di Makkah; demikian mengikut sebahagian pendapat ulama'. Yang kedua Abdullah yang dinamakan at-Tahir atau at-Tayib oleh kerana dia dilahirkan dalam Islam. Beliau meninggal di Tanah Haram semasa masih kecil. Ketiga, Zainab dan beliaulah anak perempuan tertua dan dilahirkan sebelum Nabi diutuskan menjadi Nabi dan berkahwin dengan Abu al-'As ibnu Rabi' dan telah mendahului suaminya dalam Islam dan Hijrah dan telah wafat pada awal tahun 8 Hijrah dan dimakamkan di tanah perkuburan Madinah di Baqi' dan maqamnya terang tidak tersembunyi.

Yang keempat ialah Ruqaiyah dan kelima adalah Ummu Kalthum. Mereka berdua berkahwin dengan anak Abu Lahab yang celaka lagi hina. Apabila turunnya ayat: "Binasalah kedua-dua tangan Abu Lahab ..." Abu Lahab menyuruh anaknya menceraikan mereka berdua. Ini bertujuan untuk menyakiti hati Rasulullah ﷺ, maka anak-anaknya telah menceraikan anak Rasulullah ﷺ. Mereka tidak disentuh kerana belum bersama lagi. Begitulah pemeliharaan Allah terhadap anak-anak Rasulullah ﷺ.

وَمِنْ خَصَائِصِهَا الشَّرِيقَةُ، وَمَنَاقِبُهَا الْمَنِيفَةُ، أَنَّ كُلَّ أُولَادِهِ عَلَيْهِ
السَّلَامُ مِنْهَا، إِلَّا سَيِّدَنَا إِبْرَاهِيمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ فَلَمْ يَتَكَوَّنْ عَنْهَا، بَلْ
عَنْ مَارِيَةَ الْقِبْطِيَّةَ، الَّتِي أَهْدَاهَا لَهُ مُقْوَقِسُ، مِصْرَ وَالإِسْكَنْدَرِيَّةُ.

وَقَدْ وَلَدَتْ لِخَيْرِ الْبَرِّيَّةِ، سِتَّةً مِنَ الدُّرِّيَّةِ، الْأَوَّلُ الْقَاسِمُ وَهُوَ أَكْبَرُ
الْأَوْلَادِ، وَبِهِ كَانَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَكَبَّرُ بَيْنَ الْعِبَادِ، وَهُوَ أَوَّلُ
مَنْ مَاتَ مِنْ وَلَدِهِ، وَدُفِنَ فِي بَعْضِ الْأَقْوَالِ بِمَكَّةَ بَلَدِهِ، وَالثَّانِي عَبْدُ
اللَّهِ وَيُقَالُ لَهُ الطَّاهِرُ وَالظَّيْبُ لِأَنَّهُ وُلِدَ فِي الإِسْلَامِ، وَمَاتَ صَغِيرًا
بِالْبَلَدِ الْحَرَامِ، وَالثَّالِثُ زَيْنُبُ وَهِيَ أَكْبَرُ بَنَاتِهِ، وَقَدْ وَلَدَتْ قَبْلَ بِعْثَتِهِ،
وَتَزَوَّجَهَا أَبُو الْعَاصِ بْنُ الرَّبِيعٍ، وَكَانَ إِسْلَامُهَا وَهِجْرَتُهَا قَبْلَ إِسْلَامِهِ
وَهِجْرَتِهِ، وَتُوْقِيَتْ فِي أَوَّلِ عَامِ ثَمَانِيَّةٍ مِنْ هِجْرَةِ الْمُصْطَفَى، وَدُفِنَتْ فِي
جَنَّةِ الْبَقِيعِ، وَقَبْرُهَا هُنَاكَ لَا يَخْفَى.

وَالرَّابِعَةُ رُقَيَّةُ، وَالْخَامِسَةُ أُمُّ الْكُلُومُ، وَقَدْ كَانَتَا تَحْتَ وَلَدِيِّ أَيِّ
لَهَبِ الشَّقِيقِ الْمَحْرُومِ، فَلَمَّا نَزَّلَتْ: ﴿تَبَّتْ يَدَا آمِي لَهَبٍ﴾، غَضِبَ
أَبُوهُمَّا أَشَدَّ الغَضَبِ، وَقَالَ لِوَلَدِيهِ رَأْسِيْ مِنْ رَأْسِكُمَا حَرَامٌ، إِنْ
لَمْ تُفَارِقاَ ابْنَتَيْهِ مُحَمَّدٌ صَاحِبُ هَذَا الْكَلَامِ، يَقْصُدُ بِذِلِّكَ إِيْذَاءُ
عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ، فَفَارَقاَهُمَا قَبْلَ الدُّخُولِ عَلَيْهِمَا، وَلَمْ يَصِلَا
بِفَضْلِ اللَّهِ إِلَيْهِمَا فَكَانَ ذَلِكَ كَرَامَةً إِلَاهِيَّةً لَهُمَا.

Ruqaiyah telah berkahwin dengan Sayidina Uthman bin Affan, dan berhijrah bersamanya ke Habsyah untuk menyelamatkan imannya, kemudian kembali dan berhijrah ke Madinah dan telah dimaqamkan di dalam perkuburan Baqi'. Kemudian Uthman berkahwin dengan Ummu Kalthum dan Ummu Kalthum juga meninggal dan maqamnya di perkuburan Baqi' mudah untuk dikenali. Ini menjadikan Uthman berkahwin dengan dua anak gadis Rasulullah ﷺ sehingga dikenali di kalangan orang ramai sebagai "orang yang mempunyai dua cahaya" dan Nabi menyatakan, "Wahai Uthman, jika aku ada tiga (anak perempuan), aku akan kahwinkan dengan kamu."

Keenam ialah Fatimah yang bersinar dan dikenali dengan al-Batul az-Zahrah (bunga yang unggul) yang merupakan ibu Hasan dan Husin yang direhsti Allah ﷺ dan isteri Ali yang direhsti Allah ﷺ. Ali telah hidup bersamanya dengan sebaik-baik kehidupan dan mencerahkan seluruh kasih sayang dan tidak berkahwin dengan perempuan lain semasa beliau masih hidup. Beliau wafat pada tahun 11 Hijrah selepas hidup selama 30 tahun dan dikebumikan di Baqi' mengikut riwayat yang sahih dan ada yang menyatakan di belakang bilik Nabi ﷺ, di dalam rumah Nabi ﷺ dan dalam Masjid Nabawi sekarang. Tiada riwayat yang boleh diterima dalam hal ini. Dengan demikian, kita telah mengetahui anak Nabi Muhammad ﷺ telah beriman dan masuk Islam sebelum berhijrah ke Madinah.

Dan itulah anak Nabi bersama Sayyidah Khadijah ﷺ, moga-moga Allah menghimpunkan kita dengan mereka dan golongan mereka bersama Rasulullah ﷺ. Amin.

وَقَدْ تَرَوَجَتْ رُقَيَّةُ بِسَيِّدِنَا عُثْمَانَ بْنِ عَفَّانَ، وَهَا جَرْتْ مَعَهُ
إِلَى الْحَبَشَةِ فِرَارًا بِالْإِيمَانِ، ثُمَّ رَجَعَتْ وَهَا جَرْتْ مَعَهُ إِلَى مَدِينَةِ
الشَّفِيعِ، وَمَاتَتْ عِنْدَهُ فِي جَنَّةِ الْبَقِيعِ، ثُمَّ تَرَوَجَ بَعْدَهَا أُخْتَهَا وَهِيَ
أُمُّ كُلُّ ثُومٍ، وَمَاتَتْ عِنْدَهَا أَيْضًا وَقَبْرُهَا فِي الْبَقِيعِ مَعْلُومٌ، فَيَكُونُ
قَدْ تَرَوَجَ مِنْ بَنَاتِ النَّبِيِّ اثْنَتَيْنِ، وَلِدَلِكَ اشْتَهَرَ بَيْنَ الْأَنَامِ بِذِي
الثُّورَيْنِ، وَلَوْ كَانَتْ هُنَاكَ ثَالِثَةٌ لَمَّا بِهَا عَلَيْهِ سَيِّدُ الْكَوَافِرِ.

وَالسَّادِسَةُ فَاطِمَةُ الْغَرَاءِ، الْمَعْرُوفَةُ بِالْبَتُولِ وَالرَّهْرَاءِ،
وَزَوْجُ الْإِمَامِ عَلَيِّ الْمُرْتَضَى، أُمُّ الْحَسَنِ وَالْحُسَيْنِ أَهْلِ الرَّضَا،
الَّذِي أَحْسَنَ عِشْرَتَهَا وَأَخْلَصَ لَهَا حُبَّهَا، وَلَمْ يَتَرَوَجْ عَلَيْهَا
حَتَّى قَضَتْ عِنْدَهُ نَجْبَهَا، وَكَانَتْ وَفَاتُهَا سَنَةً إِحْدَى عَشَرَةَ مِنَ
الْهِجْرَةِ النَّبِيَّةِ، بَعْدَ أَنْ عُمِّرَتْ ثَلَاثِيَّنِ سَنَةً قَمَرِيَّةً، وَدُفِنَتْ
بِالْبَقِيعِ عَلَى أَصْحَاحِ الْأَقْوَالِ الْمَرْوِيَّةِ، وَقِيلَ دُفِنَتْ بِبَيْتِهَا الَّذِي
يُجَانِبُ الْحُجْرَةِ النَّبِيَّةِ، وَهُوَ فِي الْمَسْجِدِ الْأَنَّ وَلَيْسَ فِي
ذَلِكَ رِوَايَةُ مَرْضِيَّةٍ، وَبِهَذَا تَعْلَمُ أَنَّ بَنَاتِهِ دَخَلْنَ فِي الإِسْلَامِ،
وَهَا جَرْنَ مَعَهُ إِلَى الْمَدِينَةِ مِنَ الْبَلَدِ الْحَرَامِ.

فَهَؤُلَاءِ جُمِلَةُ أَوْلَادِهِ مِنْهَا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ أَجْمَعِينَ، وَحَشَرْنَا
فِي زُمْرَتِهِمْ مَعَ رَسُولِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، آمِينَ.

“Ya Allah! Taburkanlah hembusan keredhaanMu kepadanya. Dan limpahkan kepada kami segala rahsia yang Engkau simpan di sisinya. Ya Allah! Kurniakan rahmat dan kesejahteraan ke atas Suaminya, iaitu Nabi yang dipercayai, Penghulu kita Nabi Muhammad dan ke atas keluarganya dan para sahabatnya sekalian”.

Antara kelebihan Sayyidatina Khadijah ﷺ lagi adalah: Nabi Muhammad ﷺ tidak pernah lupa langsung akan kasih sayangnya dan sentiasa berbaik dengan ahli keluarga dan sahabatnya. Selalu menghantar banyak hadiah yang dihadiahkan kepada Baginda ﷺ. Baginda tidak pernah meninggalkan mereka ketika Nabi ﷺ memberikan pemberian di kalangan para sahabatnya.

Kadangkala Nabi ﷺ menyembelih kambing sendiri dan menghantarnya kepada kerabat dan kawan-kawannya Sayyidatina Khadijah ﷺ. Apabila Sayyidatina Aisyah ﷺ cemburu dan tidak dapat menahan dalam hatinya Baginda berkata: “Allah telah mencampakkan kasih sayang dalam hatiku kepada Sayyidatina Khadijah, maka saya suka apa yang disukainya.”

Dan antara kelebihan Sayyidatina Khadijah ﷺ yang diriwayatkan daripada ulama' muktabar dalam sunan dan sirah: Sesungguhnya Rasulullah ﷺ selalu menyebut namanya dan menyebarkan cerita baik mengenai dirinya di khalayak ramai dan amat memujinya dengan sebaik-baik pujian dan memohon keampunan daripada Allah ﷺ untuknya dan sentiasa berdoa untuknya. Nabi ﷺ berbicara tentang kemuliaan, kelebihan, dan kesempurnaan yang dimilikinya tanpa jemu dan bosan walaupun memakan masa yang panjang.

اللَّهُمَّ انْشُرْ نَفَحَاتِ الرِّضْوَانِ عَلَيْهَا، وَأَمْدُنَا بِالْأَسْرَارِ
الَّتِي أَوْدَعْتَهَا لَدَيْهَا، وَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى زَوْجِهَا الْأَمِينِ،
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

وَمِنْ فَضَائِلِهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ لَا يَنْسَى
أَبَدًا وُدَّهَا، وَيَحْفَظُ فِي أَهْلِهَا عَهْدَهَا، فَيَبْعَثُ لَهُمْ بِمَا يَأْتِيهِ مِنْ
الْهَدَاءِ، وَلَا يَئْرُكُهُمْ إِذَا قَسَمَ بَيْنَ أَصْحَابِهِ الْعَطَايَا.

وَقَدْ يَذْبُحُ الشَّاةَ بِنَفْسِهِ ثُمَّ يُقْطِلُ أَعْصَائَهَا، وَيَخْصُّ بِهَا
أَصْدِقَاءَهَا وَأَقْرَبَاءَهَا، فَإِذَا غَارَتِ السَّيِّدَةُ عَائِشَةُ وَلَمْ يَتَحَمَّلْ
ذَلِكَ قَلْبُهَا، قَالَ لَهَا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «لَقَدْ رُزِقْتُ حُبَّهَا،
فَأَنَا أُحِبُّ مَنْ يُحِبُّهَا».

وَمِنْ فَضَائِلِهَا الْمَرْوِيَّةُ عَنْ أَئِمَّةِ الْمُحَدِّثِينَ الْكِبَارِ، فِي كَثِيرٍ
مِنْ كُتُبِ السُّنْنِ وَالسِّيَرِ وَالْأَثَارِ، أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ
يُكْثِرُ مِنْ ذِكْرِهَا، وَيَنْشُرُ بَيْنَ الْجَمِيعِ طَبِيبَ خَبَرِهَا وَحُسْنَ
بِرِّهَا، وَيُثْنِي عَلَيْهَا أَحْسَنَ الشَّاءِ، وَيَسْتَغْفِرُ لَهَا اللَّهُ وَيُكْثِرُ
لَهَا مِنَ الدُّعَاءِ، وَيَتَحَدَّثُ عَنْ مَا لَهَا مِنَ الشَّرَفِ وَالْفَضْلِ
وَالْكَمَالِ، وَيَسْتَرْسِلُ فِي ذَلِكَ الْحَدِيثِ دُونَ مَلِلٍ وَلَوْ طَالَ،

Apabila Sayyidatina Aisyah ﷺ mendengar perbicaraan Nabi Muhammad ﷺ - tentang Sayyidatina Khadijah ﷺ, maka cemburulah dia secemburu cemburunya dan berkata: “Dia hanyalah wanita yang merah pipinya dan terlalu tua sedangkan Allah telah menggantikan kamu dengan yang lebih baik, yang lebih muda dan comel.”

Nabi Muhammad ﷺ marah dan tidak bercakap dengannya di atas perbuatan itu dan menyatakan bahawa: “Allah tidak menggantikan aku dengan yang lebih baik daripadanya, oleh kerana sesungguhnya dia telah beriman ketika orang mengkufuri dan dia membenarkan aku ketika orang mendustakanku, dia melindungiku ketika orang lain menolakku, bersimpati denganku ketika orang tidak mempedulikanku dan Allah telah menganugerahkan anak daripadanya, sedang isteri-isteri lain tidak beranak.”

Telah datang dalam sebahagian riwayat, daripada Sayyidatina Aisyah ﷺ, anak Sayidina Abu Bakar ؓ; beliau telah berkata: “Rasulullah satu hari menceritakan tentang Sayyidatina Khadijah dengan bersungguh-sungguh dan panjang lebar sehingga timbul rasa cemburu yang amat dahsyat sehingga aku menyatakan apa yang tidak sepatutnya aku nyatakan. Lalu wajah Nabi Muhammad ﷺ berubah yang belum pernah aku lihat sebelum ini melainkan ketika wahyu turun kepadanya menyebabkan aku terlalu takut dan menyesal di atas apa yang aku lakukan terhadapnya dan menyatakan: ‘Wahai Tuhan kami, hilangkan kemarahan Rasulullah ﷺ sekarang dan kalau hilang marah Baginda ﷺ aku tidak akan menyebut lagi sesuatu yang buruk tentang Sayyidah Khadijah selama aku masih hidup. Apabila Nabi Muhammad melihat keadaanku, Baginda ﷺ telah memaafkanku. Lalu Baginda menyebut sebahagian kelebihan Sayyidatina Khadijah ﷺ’.”

فَإِذَا سَمِعَتُهُ السَّيِّدَةُ عَائِشَةُ يَتَحَدَّثُ عَنْهَا، غَارَتْ أَشَدَّ
الغَيْرَةِ مِنْهَا، وَقَالَتْ: مَا هِيَ إِلَّا حَمْرَاءُ الشِّدْقَيْنِ عَجُوزًا كَبِيرَةً،
وَقَدْ عَوَضَكَ اللَّهُ خَيْرًا مِنْهَا شَابَةً صَغِيرَةً.

فَكَانَ يَغْضَبُ مِنْ قَوْلِهَا، وَيُخْاصِمُهَا عَلَى فِعْلِهَا، وَيَقُولُ:
(«مَا أَبْدَلَنِي اللَّهُ خَيْرًا مِنْهَا، لَقَدْ آمَنَتْ بِي إِذْ كَفَرَ النَّاسُ،
وَصَدَّقَتِنِي إِذْ كَذَّبَنِي النَّاسُ، وَآوَتِنِي إِذْ رَفَضَنِي النَّاسُ، وَوَاسَتِنِي
إِذْ حَرَمَنِي النَّاسُ، وَرَزَقَنِي أُولَادَهَا إِذْ حَرَمَنِي أُولَادَ النِّسَاءِ»).

وَقَدْ جَاءَ فِي بَعْضِ الْأَثَارِ الْمَرْوِيَّةِ عَنِ السَّيِّدَةِ عَائِشَةَ الصِّدِّيقَةِ،
أَنَّهَا قَالَتْ: ذَكَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمًا خَدِيجَةَ
بِإِهْتِمامٍ، فَاحْتَمَلَتِنِي الْغَيْرَةُ وَقُلْتُ فِيهَا مَا لَا يَنْبَغِي مِنَ الْكَلَامِ،
فَتَغَيَّرَ وَجْهُهُ تَغَيِّرًا مَا كُنْتُ أَرَاهُ إِلَّا عِنْدَ نُزُولِ الْوَحْيِ عَلَيْهِ،
وَسَقَطْتُ فِي جِلْدِي وَنَدَمْتُ عَلَى إِسَاعِيِّي بِذَلِكَ إِلَيْهِ، وَقُلْتُ اللَّهُمَّ
إِنْ أَذْهَبْتَ عَيْنِيظَ رَسُولِكَ الْآنَ، لَمْ أَعْدُ أَذْكُرْهَا بِسُوءٍ مَا بَقِيَتْ
مَدَى الْأَزْمَانِ، فَلَمَّا رَأَى ذَلِكَ مِنِّي عَدَرَنِي وَسَاحَمَنِي وَعَفَّا عَنِّي،
وَذَكَرَ لِي طَرَفًا مِنْ فَضَائِلِهَا الْغَرَاءِ.

Dengan ini jelaslah bahawa kecemburuan Sayyidatina Aisyah ﷺ bukanlah berpunca daripada kedengkian dan kebencian, tetapi lahir daripada sifat semula jadi seorang perempuan. Buktinya, Sayyidatina Aishah ؓ sendiri telah menukilkan kelebihan Sayyidatina Khadijah ؓ yang tanpanya kami tidak akan mampu menukilkannya dalam penulisan kami ini.

“Ya Allah! Taburkanlah hembusan keredhaanMu kepadanya. Dan limpahkan kepada kami segala rahsia yang Engkau simpan di sisinya. Ya Allah! Kurniakan rahmat dan kesejahteraan ke atas Suaminya, iaitu Nabi yang dipercayai, Penghulu kita Nabi Muhammad dan ke atas keluarganya dan para sahabatnya sekalian”.

Antara kelebihannya juga: Sesungguhnya Allah menghantar salam kepadanya melalui perantaraan Jibril ؓ, yang menyatakan bahawa Jibril ؓ datang kepada Nabi Muhammad: “Ini adalah Sayyidatina Khadijah datang kepadamu dengan bekas makanan dan lauk. Apabila dia datang kepadamu, sampaikan salam daripada Rabbuna Rabbussalam dan daripada aku.” Maka apabila Nabi Muhammad ؓ menyampaikan salam tersebut, beliau menjawab: “Allahussalam wa minhussalam wa ala Jibrilassalam.” Cerita ini telah disahkan oleh Bukhari dan Muslim dalam kitab mereka yang terkenal.

Antara kelebihannya yang diredhai tentang beliau yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim: Sesungguhnya Malaikat Jibril ؓ menyatakan berita baik kepada Nabi ؓ bahawa Allah telah membina rumah untuk diri beliau di syurga dengan menyatakan:

وَبِهَذَا تَعْلَمُ أَنَّ غَيْرَتَهَا لَا عَنْ بُغْضٍ أَوْ عَدَاء، وَإِنَّمَا هِيَ
طِبِيعَةٌ مَعْرُوفَةٌ فِي النِّسَاء، وَعَائِشَةُ هِيَ الَّتِي نَقَلَتْ لَنَا فِي فَضْلٍ
خَدِيجَةَ ذَلِكَ الْحَبْرَ، وَلَوْلَا هَا مَا كُنَّا وَقَفْنَا لَهُ عَلَى عَيْنٍ وَلَا أَثْرَ.

اللَّهُمَّ اشْرُقْ نَفَاحَاتِ الرِّضْوَانِ عَلَيْهَا، وَأَمِدْنَا بِالْأَسْرَارِ
الَّتِي أَوْدَعْتَهَا لَدَيْهَا، وَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى زَوْجِهَا الْأَمِينِ،
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

وَمِنْ فَضَائِلِهَا عَلَيْهَا الرَّحْمَةُ وَالْإِكْرَامُ أَنَّ رَبَّ الْعِزَّةِ أَرْسَلَ
لَهَا مَعَ جِبْرِيلَ عَلَيْهِ السَّلَامُ، فَقَالَ: يَا مُحَمَّدُ هَذِهِ خَدِيجَةُ قَدْ
أَتَتْكَ بِإِنَاءٍ فِيهِ إِدَامٌ وَطَعَامٌ، فَإِذَا هِيَ أَتَتْكَ فَاقْرَأْ عَلَيْهَا مِنْ
رَبِّهَا وَمِنِّي السَّلَامُ، فَلَمَّا بَلَّغَهَا قَالَتْ: اللَّهُ السَّلَامُ وَمِنْهُ
السَّلَامُ، وَعَلَى جِبْرِيلَ السَّلَامُ، وَقَدْ ثَبَّتْ ذَلِكَ عَنِ الشَّيْخَيْنِ،
فِي كِتَابَيْهِمَا الْمَعْرُوفَيْنِ بِالصَّحِيحَيْنِ.

وَمِنْ خَصَائِصِهَا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا مَا رَوَاهُ الشَّيْخَانُ، أَنَّ
جِبْرِيلَ بَشَّرَهَا بِبَيْتٍ فِي الْجِنَانِ، إِذْ قَالَ ذَلِكَ الْمَلَكُ الْمُكَرَّمُ،
لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ:

“Wahai Muhammad, sampaikan berita baik ini kepada Sayyidatina Khadijah bahawa Allah telah membina rumah di syurga yang tiada kebisingan dan tiada kesusahan dan dibina daripada mutiara-mutiara.”

Dan daripada Sayyidatina Khadijah ﷺ yang diredhai oleh Allah, beliau sentiasa bersama Nabi ﷺ dalam suka dan duka dan tidak pernah meninggalkan Baginda ﷺ ketika orang kafir memboikot Nabi ﷺ di lorong Abi Thalib. Beliau keluar bersama Baginda ﷺ dengan meninggalkan rumah yang mewah, kedudukannya yang dihormati dan disegani dan duduk di lorong Abi Thalib dan termasuk di kalangan orang yang diboikot tanpa menghiraukan umurnya yang telah menjangkau 60-an, lantaran mahu mengikut Rasul ﷺ dan menggantikan kehidupan yang mewah dengan kehidupan yang susah, hanya untuk Rasulullah ﷺ. Terlalu lama beliau merasai kepahitan hidup, dahaga dan lapar, oleh kerana makanan dan minuman dihalang kepada mereka semua. Sejarah perlu tunduk hormat kepada Sayyidatina Khadijah ﷺ dan perlu menyalinkan berlembar muka surat akan kelebihan, keistimewaan akhlak dan perilaku baiknya.

Sebenarnya kelebihannya tidak terkira dan kebaikannya tiada sempadan. Apa lagi yang perlu diungkapkan tentang beliau yang sering digambarkan oleh Rasulullah ﷺ dan telah menyebarkan cerita dirinya yang mewangi kepada seluruh insan dan memberi kedudukan yang istimewa mengatasi semua wanita di dunia, dalam segala aspek dan perbuatan. Baginda ﷺ juga telah menyebut kelebihan dan keistimewan yang terpuji. Rasulullah ﷺ berterima kasih terhadap perbuatan beliau yang beriman dan percaya kepada Baginda ﷺ.

بَشِّرْ خَدِيجَةَ بِيَتٍ فِي الْجَنَّةِ مِنْ قَصْبٍ (لُؤْلُؤٌ مَحْوُفٌ) لَا
صَخْبٌ (لَا صِيَاحٌ) فِيهِ وَلَا نَصْبٌ (الْتَّعْبُ).

وَمِنْ فَضَائِلِهَا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا الْغَرَاءُ، أَنَّهَا وَقَفَتْ مَعَ النَّبِيِّ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَاءِ، وَلَمْ تَرْضَ أَنْ
تَتَرَكْهُ لَمَّا قَاتَعَهُ فِي الشِّعْبِ الْأَعْدَاءَ، فَخَرَجَتْ عَنْ بَيْتِهَا
الرَّفِيعِ، وَمُقَامِهَا الْمَنِيعِ، وَدَخَلَتْ مَعَهُ الشِّعْبَ فَكَانَتْ مِنْ
جُمِلَةِ الْمَحْصُورِينَ، وَلَمْ تُبَالِ بِسِيَّهَا الَّذِي زَادَ عَلَى السِّتِّينِ رَغْبَةً
فِي مُتَابَعَةِ سَيِّدِ الْمُرْسِلِينَ، فَاسْتَبَدَّلَتْ حَيَاةُ الْعِزِّ وَالرَّفَاهِيَةِ،
بِتِلْكَ الْحَيَاةِ الْخِشْنَةِ الْقَاسِيَةِ، وَكُمْ ذَاقَتْ مَعَهُمْ مَرَارَةُ الْعَطَشِ
وَالْجُوعِ، إِذْ كَانَ الطَّعَامُ وَالشَّرَابُ عَنِ الْجَمِيعِ مَمْنُوعٌ، فَيَحِقُّ
لِلتَّارِيخِ أَنْ يَحْنِي رَأْسَهُ أَمَامَ جَلَالِهَا، وَيَتُوَجِّهُ صَحَافَتُهُ بِكَرِيمٍ
فِعالِهَا.

وَالْحَاصِلُ أَنَّ فَضَائِلَهَا لَا تُعَدُّ، وَمَنَاقِبَهَا لَا تُحَدُّ، وَمَا عَسَى
أَنْ يُقَالَ فِيمَنْ وَصَفَهَا سَيِّدُ وَلَدِ عَدْنَانَ، وَأَشَادَ بِذِكْرِهَا عَلَى
رُؤُوسِ الْأَعْيَانِ، وَرَفَعَ شَانَهَا بَيْنَ النِّسَاءِ عَلَى كُلِّ شَانِ، وَذَكَرَ
فَضْلَهَا وَشَرَفَهَا التَّثَابَتِ بِالْتَّحْقِيقِ، وَشَكَرَ لَهَا مَوَاقِفَهَا مَعَهُ فِي
الْإِيمَانِ وَالْتَّصْدِيقِ.

“Ya Allah! Taburkanlah hembusan keredhaanMu kepadanya. Dan limpahkan kepada kami segala rahsia yang Engkau simpan di sisinya. Ya Allah! Kurniakan rahmat dan kesejahteraan ke atas Suaminya, iaitu Nabi yang dipercayai, Penghulu kita Nabi Muhammad dan ke atas keluarganya dan para sahabatnya sekalian”.

Betapa hebat sikapnya yang mulia dan jalan hidupnya yang lurus, dan sifat itulah merupakan sifat yang sewajarnya ada pada seorang mu'min. Sebaik-baik salam dan selawat ke atas Nabi Muhammad ﷺ yang mengucapkan: “Sesungguhnya seorang mu'min itu kamu akan lihat dia kuat agamanya, tegas dalam kelembutan, ada keimanan yang yakin, ada kesungguhan dengan ilmu dan dalam ilmunya ada budi, dan dalam simpatinya ada kasih sayang dan dalam kebijakannya dan tidak membazir walaupun kaya, dan tidak selekeh walaupun miskin, dan menjauhi sifat tamak dalam pencarian rezeki mencari yang halal dan menjauhkan diri daripada syubhat dan dalam kesibukannya tetap mengingati Allah dan menjaga diri daripada kemaksiatan, dan bersikap pemurah kepada orang yang bersungguh. Dan sesungguhnya orang mu'min tidak berlaku zalim kepada orang yang dibenci dan tidak melakukan dosa jika suka kepada seseorang dan tidak menghilangkan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya dan tidak hasad dan tidak membuat fitnah. Dalam bencana berlaku sopan, dalam kenikmatan sentiasa bersyukur.” Seolah-olah semua sifat ini menepati diri Sayyidatina Khadijah ﷺ yang mulia.

اللَّهُمَّ انْشُرْ نَفَحَاتِ الرِّضْوَانِ عَلَيْهَا، وَأَمْدُنَا بِالْأَسْرَارِ
الَّتِي أَوْدَعْتَهَا لَدَيْهَا، وَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى زَوْجِهَا الْأَمِينِ،
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

فَمَا أَعْظَمَ أَخْلَاقَهَا الْقَوِيمَةُ، وَسَيِّرَتَهَا الْمُسْتَقِيمَةُ، الَّتِي هِيَ
عِينُ أَوْصَافِ الْمُؤْمِنِ الْكَرِيمِ، كَمَا أَخْبَرَ عَنْهَا الرَّسُولُ الْعَظِيمُ،
عَلَيْهِ أَفْضُلُ الصَّلَاةِ وَأَكْثُرُ التَّسْلِيمِ، إِذْ قَالَ: (إِنَّ الْمُؤْمِنَ تَرَاهُ،
فُؤُّوهًا فِي دِينِ، وَحَزْمًا فِي لِينِ، وَإِيمَانًا فِي يَقِينِ، وَحِرْصًا فِي عِلْمِ،
وَعِلْمًا فِي حِلْمٍ، وَشَفَقَةً فِي مَحَبَّةِ، وَبِرًا فِي اسْتِقَامَةِ، وَقَصْدًا فِي
غِنَىِ، وَتَجْمُلًا فِي فَاقَةِ، وَتَحْرُجًا عَنْ ظَمَعِ، وَكَسْبًا فِي حَلَالٍ،
وَنَشَاطًا فِي هُدَىِ، وَنَهْيَا عَنْ شَهْوَةِ، وَرَحْمَةً لِلْمَجْهُودِ، إِنَّ
الْمُؤْمِنَ لَا يَظْلِمُ مَنْ يَبغِضُ، وَلَا يَأْثُمُ فِيْمَنْ يُحِبُّ، وَلَا يُضِيعُ
مَا اسْتُوْدِعُ، وَلَا يَحْسُدُ وَلَا يَطْعَنُ، فِي الرَّلَازِلِ وَقُورَا، فِي الرَّخَاءِ
شَكُورًا)، فَكَانَ هَذِهِ الْأَوْصَافُ وَالْأَخْلَاقُ، مُنْظَبَةً عَلَى السَّيِّدَةِ
خَدِيجَةَ تَمَامَ الْإِنْطِبَاقِ.

KEWAFATANNYA

Apabila telah disempurnakan kemuliaan Sayyidatina Khadijah ﷺ yang unggul peribadinya dan telah diperkuuhkan kedudukannya sehingga sampai ke kemuncaknya dan telah tersebar luas cahaya keindahan dan kebaikan dirinya, maka wafatlah beliau pada 11 Ramadhan, tiga tahun sebelum hijrahnya Nabi ﷺ. Menurut pandangan yang paling tepat, empat atau tujuh tahun sebelum hijrah. Baginda ﷺ tidak menyembahyangkan jenazah Sayyidatina Khadijah ﷺ, kerana ketika itu solat jenazah belum disyariatkan lagi. Pada tahun itu juga, Rasulullah ﷺ turun ke maqamnya dan meratakan tanah yang meliputi badan beliau yang mulia dan menyempurnakan pengebumian jenazah Sayyidatina Khadijah ﷺ. Ini merupakan satu kemuliaan yang dikurniakan kepada Sayyidatina Khadijah ﷺ, yang tidak diperolehi oleh isteri-isteri Nabi ﷺ yang lain (Allah meredhai mereka semua hingga hari pembalasan.) Ketika Sayyidatina Khadijah ﷺ menghembuskan nafasnya yang terakhir, beliau berusia 65 tahun. Beliau dikebumikan di Perkuburan al-Ma'la di kawasan yang terkenal dengan nama al-Hujun. Kisah di atas telah diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja, akan tetapi telah terkenal periwayatan itu di kalangan umat Islam.

وفاتها

ولَمَّا تَمَّ لَهَا الْكَمَالُتُ الْبَاهِرَةُ، وَتَوَطَّنَتِ الرُّتْبَةُ السَّامِيَّةُ
الْعَلِيَّةُ الْفَاخِرَةُ، وَامْتَدَّتْ أَنْوَارُهَا وَآيَاتُهَا الْمُتَكَاثِرَةُ، تُؤْفَيْتُ
رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا فِي الْيَوْمِ الْخَادِي عَشَرَ مِنْ رَمَضَانَ، قَبْلَ هِجْرَةِ
سَيِّدِ وَلِدِ عَدْنَانَ، بِثَلَاثِ سِنِينَ عَلَى الْأَصْحَاحِ مِنَ الْأَقَاوِيلِ، وَقِيلَ
بِأَرْبَعٍ وَقِيلَ بِسَبْعٍ عَلَى مَا قِيلَ، وَلَمْ يُصَلِّ عَلَيْهَا عَلَيْهِ الصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ، لِأَنَّهَا لَمْ تُشْرِعْ الصَّلَاةَ عَلَى الْمَيِّتِ فِي ذَلِكَ الْعَامِ،
وَنَزَّلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي قَبْرِهَا، وَسَوَى عَلَيْهَا
الْتُّرَابَ وَأَحْسَنَ نُزُلَّهَا، وَهِيَ فَضِيلَةٌ لَهَا دُونَ غَيْرِهَا مِنْ أُمَّهَاتِ
الْمُؤْمِنِينَ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُنَّ أَجْمَعِينَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَكَانَ لَهَا مِنَ
الْعُمُرِ خَمْسٌ وَسِتُّونَ، وَدُفِنتُ بِمَقْبَرَةِ الْمَعْرُوفَةِ بِالْحُجُونِ،
وَهَذَا وَإِنْ كَانَ قَدْ ثَبَّتَ بِطَرِيقِ الْأَحَادِ، إِلَّا أَنَّهُ اشْتَهَرَ كُلَّ
الاشْتِهَارِ بَيْنَ كَافَّةِ الْعِبَادِ.

DO'A

Dan setelah pendengaran kita dimuliakan dengan mendengar kisah kehidupan (manaqib) Siti Khadijah ﷺ dan mendengar kelebihannya dan sebutan kebaikannya maka sekarang baiklah bagi kita untuk mengakhirinya dengan memanjatkan doa dengan hati yang penuh tulus kepada Allah Tuhan sekalian alam, maka kita berkata dengan hati yang penuh ikhlas:

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam. Selawat dan salam tercurah untuk Baginda Nabi Muhammad semulia-mulia sekalian rasul. Dan juga untuk keluarganya dan para sahabatnya sekalian.

Ya Allah! Engkaulah Zat paling berhak untuk dipuji, dan Engkaulah Zat paling berhak untuk disembah, dan Engkaulah Raja yang paling mengasihani, dan Engkaulah Zat yang paling pemurah bila dimohon pemberianNya, dan Engkaulah Zat yang paling luas pemberianNya. Engkaulah Raja yang tidak ada sekutu bagiMu, Tunggal yang tidak ada saingan bagiMu. Segala sesuatu akan binasa kecuali ZatMu.

Tidak dilaksanakan ketaatan kecuali dengan izinMu. Dan tidak dilakukan kemaksiatan kecuali dengan pengetahuanMu. Engkau ditaati lalu Engkau berterima kasih. Dilakukan maksiat terhadap Engkau maka Engkau mengampuni. Engkau saksi yang paling dekat dan Engkaulah pemelihara yang paling dekat. Engkau boleh mendinding antara seseorang dengan hatinya. Dan Engkaulah yang menguasai segala ubun-ubun kami. Dan Engkau juga yang menulis segala kesan kami, dan Engkau yang telah menentukan ajal-ajal kami. Semua hati tertumpu kepadaMu. Segala rahsia itu nyata bagiMu.

دُعَاء

وَحِينَتْ شَرَفَتِ الْأَسْمَاعُ بِذِكْرِ أَخْبَارِهَا، وَيَانِ فَضَائِلِهَا
وَنَشَرِ آثَارِهَا حَسْنَ مِنَّا أَنْ نَخْتِمَ ذَلِكَ بِالدُّعَاءِ مُتَوَجِّهِينَ إِلَى اللَّهِ
رَبِّ الْعَالَمِينَ قَاصِدِينَ مُخْلِصِينَ قَائِلِينَ:

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ أَنْتَ أَحَقُّ مَنْ ذُكِرَ، وَأَحَقُّ مَنْ عُبِدَ، وَأَرَأَفُّ مَنْ
مَلَكَ، وَأَجَوَدُ مَنْ سُئِلَ، وَأَوْسَعُ مَنْ أَعْطَى، أَنْتَ الْمَلِكُ لَا
شَرِيكَ لَكَ، وَالْفَرْدُ لَا نِدَّ لَكَ، كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهُكَ،

لَا تُطَاعُ إِلَّا بِإِذْنِكَ، وَلَنْ تُعْصَى إِلَّا بِعِلْمِكَ، تُطَاعُ
فَتَشْكُرُ، وَتُعَصَى فَتَغْفِرُ، أَقْرَبُ شَهِيدٍ، وَأَدْنَى حَفِيظٍ، حُلْتَ
دُونَ النُّفُوسِ، وَأَحَدْتَ بِالثَّوَاصِي، وَكَتَبْتَ الْآثَارَ، وَنَسْخَتَ
الْآجَالَ، الْقُلُوبُ لَكَ مُفْضِيَّة، وَالسِّرُّ عِنْدَكَ عَلَانِيَّةَ،

Yang halal itu apa yang Engkau halalkan dan yang haram itu apa yang Engkau haramkan. Agama itu apa yang Engkau syariatkan. Segala perkara yang berlaku itu hanya yang Engkau putuskan. Makhluk ini semuanya milik Engkau. Kami semua hamba Engkau. Engkaulah Allah Tuhan yang maha mengampuni lagi Maha mengasihani.

Kami meminta kepadaMu dengan berkat NurMu yang mulia, yang bersinar dengannya segala lapisan langit dan bumi dan dengan berkat segala kebesaranMu dan dengan berkat segala hamba-hambaMu yang sentiasa memohon kepadaMu, supaya Engkau jauhkan dan Engkau pelihara kami dari seksa api nerakaMu dengan berkat qudratMu wahai Zat yang paling kasih sayang daripada segala yang kasih sayang.

Ya Allah! Kami memuji akan Engkau atas hidayah yang Engkau kurniakan kepada kami, dan kami bersyukur akan Engkau atas besarnya kurnia yang Engkau limpahkan kepada kami, dan kami meminta tolong akan Engkau supaya kami dapat menjaga segala ni'mat yang telah Engkau sempurnakan bagi kami, dan kami sentiasa mengharapkan hidayah untuk bersyukur kepadaMu atas kemurahanMu pada menolakkan segala bala daripada kami.

Kami berlindung dengan Engkau daripada kegelinciran lidah dan kelalaian hati dan daripada tertipu dengan peluang yang Engkau anugerahkan kepada kami lalu kami tidak pandai untuk merebutnya. Kami sentiasa memohon lemah lembutMu pada segala yang telah Engkau takdirkan bagi kami, dan kami sentiasa memohon bantuanMu untuk menghadapi segala keputusanMu, dan kami sentiasa memohon ampunan atas segala perkataan kami yang mengakibatkan penyesalan, atau perbuatan yang boleh membawa kepada kegelinciran kaki kami.

الحَلَالُ مَا أَحْلَلْتَ، وَالْحَرَامُ مَا حَرَّمْتَ، وَالدِّينُ مَا شَرَعْتَ،
وَالْأَمْرُ مَا قَضَيْتَ، وَالْخُلُقُ خَلْقُكَ، وَالْعَبْدُ عَبْدُكَ، وَأَنْتَ اللَّهُ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

نَسْأَلُكَ بِنُورِ وَجْهِكَ الْكَرِيمِ، الَّذِي أَشْرَقْتَ لَهُ السَّمَاوَاتُ
وَالْأَرْضَ وَبِكُلِّ حَقٍّ هُوَ لَكَ، وَبِحَقِّ السَّائِلِينَ عَلَيْكَ، أَنْ
تُقِيلَنَا وَتُحِيرَنَا مِنَ النَّارِ بِقُدْرَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ نَحْمَدُكَ عَلَى مَا هَدَيْتَ، وَنَشْكُرُكَ عَلَى جَزِيلِ
مَا أَسْدَيْتَ، وَنَسْتَعِينُكَ عَلَى رِعَايَةِ مَا أَسْبَغْتَ مِنَ التَّعْمَ،
وَنَسْتَهْدِيَكَ الشُّكْرَ عَلَى مَا كَفَيْتَ مِنَ النِّقَمِ،

وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ عَثَرَاتِ اللِّسَانِ، وَعَفَلَاتِ الْجَنَانِ، وَمِنْ
غَدَرَاتِ الزَّمَانِ، وَنَسَأَلُكَ الْلُّطْفَ فِيمَا قَضَيْتَ وَقَدَرْتَ،
وَالْمَعْوَنَةَ عَلَى مَا أَمْضَيْتَ، وَنَسْتَغْفِرُكَ مِنْ قَوْلٍ يَعْقِبُهُ النَّدَمِ، أَوْ
فِعلٍ تَرِزُّ بِهِ الْقَدَمِ،

Engkaulah harapan bagi setiap orang yang bertawakkal kepadaMu, dan Engkaulah pemelihara bagi setiap orang yang telah menyerahkan urusannya kepadaMu. “Dan aku menyerahkan segala urusanku kepada Allah, sesungguhnya Allah mengetahui segala urusan hambaNya”.

“Wahai Tuhan kami, kepadaMu kami bertawakkal dan kepadaMu kami kembali, dan kepadaMu pula dikembalikan segala urusan”.

Ya Allah! Bukakanlah pendengaran hati kami untuk mengingatiMu, dan kurniakanlah kepada kami taat akan Engkau dan akan NabiMu Muhammad  dan kurniakan juga kepada kami akan dapat beramal dengan KitabMu dan sentiasa mengikuti sunnah NabiMu Muhammad .

Ya Allah! Berikan kepada kami hakikat takut kepadaMu sehingga seakan-akan kami melihat akan Engkau selama-lamanya sampailah masanya kami bertemu akan Engkau. Dan bahagikanlah kami dengan senantiasa bertaqwah akan Engkau. Dan jangan Engkau celakakan akan kami dengan mengerjakan maksiat akan Engkau.

Ya Allah! Sesungguhnya kami memohon kepadaMu akan petunjuk, taqwa, kemampuan menahan diri dari maksiat. Dan anugerahkan kepada kami akan kaya, baik sangka dan baik perangai.

Ya Allah! Kayakan kami dengan yang halal, jauhkan kami daripada yang haram. Berikan kepada kami kemampuan berbuat taat akan Engkau, jauhkan kami dari mengerjakan maksiat akan Engkau, dan berikan kepada kami daripada kurnia Engkau, bukan dari kurnia yang lain daripada Engkau.

فَأَنْتَ الشَّقَّةُ لِمَنْ تَوَكَّلَ عَلَيْكَ، وَالْعِصْمَةُ لِمَنْ فَوَضَ أَمْرَهُ
إِلَيْكَ، وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ بَصِيرٌ بِالْعِبَادِ.

رَبَّنَا عَلَيْكَ تَوَكَّلْنَا وَإِلَيْكَ أَنْبَنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ،

اللَّهُمَّ افْتَحْ مَسَامِعَ قُلُوبِنَا لِذِكْرِكَ، وَارْزُقْنَا طَاعَتَكَ وَطَاعَةَ
نَبِيِّكَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَعَمَلاً بِكِتَابِكَ،
وَإِتَّبَاعًا لِسُنْنَةِ نَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا نَخْشَاكَ وَكَانَآ تَرَاكَ، أَبَدًا حَتَّى نَلْقَاكَ، وَأَسْعِدْنَا
بِتَقْوَاكَ وَلَا تُشْقِنَا بِمَعْصِيَتِكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ الْهُدَى وَالتُّقْىَ وَالْعَفَافَ وَالْغِنَى وَحُسْنَ
الظَّنِّ وَحُسْنَ الْخُلُقِ.

اللَّهُمَّ أَغْنِنَا بِحَلَالِكَ عَنْ حَرَامِكَ وَبِطَاعَتِكَ عَنْ مَعْصِيَتِكَ
وَبِفَضْلِكَ عَمَّنْ سِواكَ.

Ya Allah! Kami berlindung dengan Engkau daripada kesusahan bala, ragutan kecelakaan, jahat keputusan, kesukaan musuh dengan sebab kebinasaan kami, dan daripada penyakit yang susah diubati dan kegagalan harapan.

Ya Allah! Bersihkan hati kami dari sifat munafiq, dan bersihkan amal kami dari sifat riya', dan bersihkan lidah kami dari sifat dusta, dan bersihkan mata kami dari sifat khianat, Sesungguhnya Engkau mengetahui permainan mata yang khianat dan apa yang tersembunyi di dalam dada.

Ya Allah! Perelokkan kiranya segala urusan kami, selama Engkau menghidupkan kami, dan berikan keafiatan selama Engkau memberi kesempatan kepada kami masih hidup, dan beri berkat bagi kami pada segala yang Engkau anugerahkan kepada kami, dan peliharakanlah apa yang Engkau beri kepada kami, dan kasihanilah kami bila Engkau mematikan kami, dan maafkan kami di saat Engkau menghisab kami, dan janganlah Engkau cabut iman yang telah Engkau kurniakan kepada kami.

Ya Allah! Sesungguhnya kami memohon kepadaMu akan rahmat yang turun dari sisiMu yang dengan rahmat itu Engkau memberi hidayah di dalam hati kami, dan dengannya Engkau himpukkan yang bercerai-cerai dari segala urusan kami, dan dengannya Engkau kumpulkan yang bercabang-cabang dari segala pemikiran kami, dan dengannya Engkau tolakkan segala fitnah dan ujian daripada kami, dan dengannya Engkau perbaikan akan agama kami, dan dengannya Engkau peliharakan segala sesuatu yang ghaib dari pandangan kami, dan dengannya Engkau terima syahadah kami (penyaksian kami), dan dengannya Engkau bersihkan segala amalan kami, dan dengannya Engkau putihkan muka kami, dan dengannya Engkau ilhamkan

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنْ جَهْدِ الْبَلَاءِ، وَدَرْكِ الشَّقَاءِ، وَسُوءِ
الْقَضَاءِ، وَشَمَائِتَةِ الْأَعْدَاءِ، وَعُضَالِ الدَّاءِ، وَخَيْبَةِ الرَّجَاءِ.

اللَّهُمَّ ظَهِيرْ قُلُوبَنَا مِنَ التَّفَاقِ، وَأَعْمَالَنَا مِنَ الرِّيَاءِ، وَأَلْسِنَتَنَا
مِنَ الْكَذِبِ، وَأَعْيُنَنَا مِنَ الْخِيَانَةِ، إِنَّكَ تَعْلَمُ خَائِنَةً الْأَعْيُنِ وَمَا
تَخْفِي الصُّدُورُ،

اللَّهُمَّ جَمِيلُ أُمُورَنَا مَا أَحْيَيْتَنَا، وَعَافَنَا مَا أَبْقَيْتَنَا، بَارِكْ لَنَا
فِيمَا خَوَلْتَنَا، وَاحْفَظْ عَلَيْنَا مَا أُولَئِنَا، وَارْحَمْنَا إِذَا تَوَفَّيْتَنَا،
وَسَامِحْنَا إِذَا حَاسَبْتَنَا وَلَا تَسْلِبْنَا الْإِيمَانَ وَقَدْ هَدَيْتَنَا.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ رَحْمَةً مِنْ عِنْدِكَ تَهْدِي بِهَا قُلُوبَنَا، وَتَجْمَعُ
بِهَا شَمْلَنَا، وَتَلْمِ بِهَا شَعَنَا وَتَرْدِ بِهَا الْفِتْنَ عَنَّا، وَتُصْلِحُ بِهَا
حَالَنَا وَتَحْفَظُ بِهَا غَائِبَنَا، وَتَرْفَعُ بِهَا شَاهِدَنَا، وَتُبَيِّضُ بِهَا
وُجُوهَنَا، وَتُزَكِّي بِهَا أَعْمَالَنَا وَتُلْهِمُنَا بِهَا رُشْدَنَا، وَتَعْصِمُنَا مِنْ
كُلِّ سُوءٍ.

kepada kami akan petunjuk kami, dan dengannya Engkau tunaikan segala hajat kami, dan dengannya pula Engkau peliharakan kami dari segala kejahatan”.

Ya Allah! kami meminta kepadaMu akan iman yang murni, yang memenuhi lembaran hati kami, dan kami meminta kepadaMu akan yakin yang benar sehingga kami menyedari bahawa tidak ada sesuatu yang berlaku terhadap diri kami kecuali apa-apa yang telah Engkau putuskan ke atas kami, dan kami meminta supaya kami redha dengan segala pemberian yang Engkau bahagikan kepada kami”.

Ya Allah! Sesungguhnya kami meminta kepadaMu akan iman yang benar dan yakin yang tidak ada kufur setelahnya, dan kami meminta akan rahmatMu yang dengan rahmat itu kami akan mendapat kemulian di dunia ini dan di akhirat kelak”.

Ya Allah! Sesungguhnya kami memohon kepadaMu akan kesabaran untuk menerima segala keputusanMu, dan kami memohon kepadaMu keuntungan ketika kami bertemu denganMu. Dan kami memohon kepadaMu supaya diberikan kepada kami kedudukan para syuhada dan kehidupan orang-orang yang bahagia. Dan kami memohon kepadaMu kemenangan terhadap segala musuh-musuh dan kami memohon kepadaMu supaya kami dikumpulkan bersama para Anbiya (pada hari kiamat nanti)”.

Ya Allah! Pimpinlah kami terutamanya di saat saat yang sangat genting, dan nampakkanlah kepada kami hakikat yang sebenar pada permasalahan yang sedang kami hadapi. Dan anugerahkan kepada kami taufik yang berkekalan untuk untuk mengerjakan segala sesuatu yang Engkau cintai dan Engkau redhai, dan peliharalah kami daripada segala kegelinciran, dan janganlah Engkau cabut tutupan kebaikanMu kepada kami, dan peliharalah kami

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ إِيمَانًا حَالِصًا يُبَاشِرُ قُلُوبَنَا، وَنَسْأَلُكَ يَقِينًا صَادِقًا حَتَّى نَعْلَمَ أَنَّهُ لَنْ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبْتَهُ عَلَيْنَا، وَالرَّضَا بِمَا قَسَمْتَهُ لَنَا.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ إِيمَانًا صَادِقًا وَيَقِينًا لَيْسَ بَعْدَهُ كُفْرٌ، وَنَسْأَلُكَ رَحْمَةً نَنَالُ بِهَا شَرَفَ كَرَامَتِكَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ.

"اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ الصَّبَرَ عِنْدَ الْقَضَاءِ، وَالْفَوْزَ عِنْدَ اللَّقَاءِ، وَمَنَازِلَ الشُّهَدَاءِ، وَعِيشَ السُّعَدَاءِ، وَالنَّصْرَ عَلَى الْأَعْدَاءِ، وَمُرَافَقَةَ الْأَئِمَّيَاءِ".

اللَّهُمَّ خُذْ بِأَيْدِنَا فِي الْمَضَائِقِ، وَأَكْسِفْ لَنَا وُجُوهَ الْحَقَائِقِ، وَوَفِّقْنَا لِمَا تُحِبُّ وَتَرْضَى، وَاعْصِمْنَا مِنَ الزُّلْلِ، وَلَا تَسْلُبْنَا سِرْ إِحْسَانِكَ، وَقِنَا مَصَارِعَ السُّوءِ، وَأَكْفِنَا كَيْدَ الْخَائِنِينَ، وَشَمَاتَةَ الْأَعْدَاءِ، وَالْطُّفْ بِنَا فِي سَائِرِ تَصْرُفِنَا، وَأَكْفِنَا مِنْ جَمِيعِ جِهَاتِنَا يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

dari terrjerumus ke lubang kejahanan, dan jauhkan daripada kami tipuhelah orang yang berkhianat kepada kami, dan jauhkan pula daripada kami rasa kepuasan di hati musuh kami dengan sebab bala yang menimpa kepada kami, dan berlemah-lembutlah Engkau kepada kami dalam semua keadaan kami, dan peliharalah kami dari seluruh penjuru kami, wahai Tuhan yang terlebih kasih sayang kepada kami daripada segala yang kasih sayang.

Ya Allah! Berilah kami dari dunia ini apa yang dapat Engkau peliharakan kami dari ujiannya, dan apa yang dapat dengan dia Engkau peliharakan akan kami daripada terpengaruh dengan peminatnya, dan jadikan dunia yang ada pada kami itu sebagai alat untuk kami mendapat yang terlebih baik daripadanya (akhirat), sesungguhnya tidak ada daya dan upaya kecuali dengan Engkau.

Ya Allah! Kami meminta kepadaMu akan ni`mat yang sempurna, rahmat yang menyeluruh, keafiatan yang berkekalan, kehidupan yang bahagia, umur yang penuh dengan kebaikan, ehsan yang sempurna, anugerah yang meliputi seluruh keadaan kami, amalan yang soleh dan ilmu yang bermanfa`at serta rezeri yang luas.

Ya Allah! Jadilah Engkau sentiasa pembela kami, bukan penghukum ke atas kami. Ya Allah! Habiskanlah ajal kami dengan kebahagiaan, dan berikanlah kepada kami amalan yang lebih baik daripada apa yang kami lakukan, dan iringkanlah pagi dan petang kami dengan keafiatan, dan jadikanlah kesudahan kami dan kemuncak cita-cita kami untuk mendapatkan rahmatMu, dan tuangkanlah hujan yang lebat daripada kemaafanMu ke atas dosa-dosa kami, dan sentiasalah Engkau memberi ni`mat kepada kami dengan memperbaiki segala amalan kami, dan menutupi keaiban kami, dan jadikanlah takwa itu sebagai bekalan kami, dan jadikan pula kesungguhan kami di dalam memperjuangkan agamaMu, dan jadikanlah tawakkal dan pegangan kami hanya dengan Engkau.

اللَّهُمَّ اعْطِنَا مِنَ الدُّنْيَا مَا تَقِينَا بِهِ فِتْنَتَهَا، وَتُغْنِنَا بِهِ عَنْ
أَهْلِهَا، وَيَكُونُ بَلَاغًا لَنَا إِلَى مَا هُوَ خَيْرٌ مِنْهَا، فَإِنَّهُ لَا حَوْلَ وَلَا
قُوَّةَ إِلَّا بِكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ نِعْمَةً تَامَّةً، وَرَحْمَةً شَامِلَةً، وَعَافِيَةً دَائِمَّةً،
وَعَيْشًا رَغِيدًا، وَعُمْرًا سَعِيدًا، وَإِحْسَانًا تَامًا، وَإِنْعَامًا عَامًا،
وَعَمَلاً صَالِحًا، وَعِلْمًا نَافِعًا، وَرِزْقًا وَاسِعًا.

اللَّهُمَّ كُنْ لَنَا وَلَا تَكُنْ عَلَيْنَا، وَاحْتِمْ بِالسَّعَادَةِ أَجَالَنَا،
وَحَقِّقْ بِالزِّيَادَةِ أَعْمَالَنَا، وَاقْرِنْ بِالْعَافِيَةِ غُدُونَا وَآصَالَنَا،
وَاجْعَلْ إِلَى رَحْمَتِكَ مَصِيرَنَا وَآمَالَنَا، وَاصْبِ سِجَالَ عَفْوِكَ عَلَى
ذُؤُوبِنَا، وَمُنَّ عَلَيْنَا بِإِصْلَاحِ أَعْمَالَنَا، وَاسْتُرْ عُيُوبَنَا، وَاجْعَلْ
الثَّقْوَى زَادَنَا، وَفِي دِينِكَ اجْتِهَادَنَا، وَعَلَيْكَ تَوَكَّلَنَا وَاعْتِمَادَنَا.

Ya Allah! Tetapkanlah kami berada di atas jalan istiqamah, dan lindungilah kami di dunia ini daripada mengerjakan perkara-perkara yang mengakibatkan penyesalan kami di hari kiamat nanti, dan ringankanlah bebanan dosa-dosa kami, dan karuniakan kepada kami kehidupan hamba-hambaMu yang baik-baik, dan jauhkan daripada kami segala kejahatan orang-orang yang jahat, dan lepaskanlah leher kami dan leher ibu bapa kami dan seluruh saudara kami yang laki-laki dan yang perempuan daripada belenggu api neraka. Semuanya itu dengan berkat rahmatMu, Wahai Tuhan yang Maha mulia dan Maha mengampuni dan Maha pemurah lagi menutupi keaiban kami. Wahai Tuhan yang Maha mengetahui dan Maha Perkasa, Ya Allah, Ya Allah, Ya Allah, dengan rahmatMu wahai Tuhan yang lebih pengasih daripada segala yang pengasih, wahai Tuhan yang dahulu daripada segala yang terdahulu, wahai Tuhan yang kemudian daripada segala yang kemudian, wahai Tuhan yang mempunyai kekuatan yang sangat kokoh, wahai Tuhan yang sangat mengasihi orang-orang miskin dan Tuhan yang terlebih kasih sayang daripada segala orang yang kasih sayang.

Ya Allah! Seperti mana Engkau telah menganugerahkan kepada Siti Khadijah ﷺ akan kesempurnaan membenarkan dan kesempurnaan beriman dengan Nabi Muhammad ﷺ maka karuniakanlah juga hal yang seperti itu kepada kami wahai Tuhan yang qadim ihsanNya. Dan seperti mana Engkau telah menganugerahkan kepada Siti Khadijah ﷺ akan sikap membesarakan Rasulullah ﷺ dan menjaga kehormatannya dan menolong kelompoknya, dakwahnya, mengikuti jalannya, dan sunnahnya serta mendukung perkataannya dan hujjahnya, maka anugerahkan juga hal yang seperti itu kepada kami, dan tuliskan untuk kami bahagian yang lebih sempurna dan habuan yang lebih besar.

اللَّهُمَّ ثِبَّنَا عَلَى نَهْجِ الْإِسْتِقَامَةِ، وَأَعِذْنَا مِنْ مُوْجَاتِ
الثَّدَامَةِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَخَفِفْ عَنَّا ثُقلَ الْأَوْزَارِ، وَأَرْزُقْنَا عِيشَةَ
الْأَبْرَارِ، وَأَكْفِنَا وَاصْرِفْ عَنَّا شَرَّ الْأَشْرَارِ، وَأَعْتَقْ رِقَابَنَا
وَرِقَابَ آبَائِنَا وَأَمَّهَاتِنَا مِنَ التَّارِ، يَا عَزِيزُ يَا عَفَّارُ يَا كَرِيمُ يَا
سَتَّارِ، يَا حَلِيمُ يَا جَبَّارِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ كَمَا مَنَّتَ عَلَى السَّيِّدَةِ خَدِيجَةَ بِتَمَامِ التَّصْدِيقِ
وَالْإِيمَانِ بِنَبِيِّكَ سَيِّدَنَا مُحَمَّدَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَمُنَّ عَلَيْنَا
بِذَلِكَ يَا قَدِيمَ الْإِحْسَانِ، وَكَمَا تَفَضَّلْتَ عَلَيْنَا بِتَعْظِيمِ حُرْمَتِهِ
وَحِفْظِ عَهْدِهِ وَذَمَّتِهِ وَنَصْرِ حِزْبِهِ وَدَعْوَتِهِ، وَمُتَابَعَةِ سَيِّدِهِ
وَسُنْنَتِهِ وَتَأْيِيدِ كَلِمَتِهِ وَحُجَّتِهِ، وَتَفَضَّلَ عَلَيْنَا بِذَلِكَ وَأَكْتُبْ لَنَا
مِنْ ذَلِكَ الْحُظْلَ الْأُوفَرَ، وَالنَّصِيبَ الْأَكْبَرُ.

Dan berikan kepada kami taufik yang berkekalan untuk sentiasa berpegang teguh dengan sunnahnya dan mengikuti agamanya sampailah ke akhir hayat kami, dan kumpulkan kami bersama dengan Baginda pada hari kiamat nanti, dan berada di bawah naungan panji-panjinya, dan jadikan kami dari kalangan orang yang terdekat dengan Baginda, dan karuniakanlah kepada kami untuk meminum dari air telaganya (al-Kautsar) dan muliakan kami untuk menjadi orang-orang yang terus meminum dari cawan-cawan yang dihidangkan oleh Baginda sendiri, dan berilah kemanfaatan kepada kami dari cinta kami yang sangat mendalam terhadap Baginda.

Ya Allah! terimalah taubat kami dan peliharalah kami dari segala bala, musibah dan ujian, baik zahir maupun batin. Dan ampunilah dosa-dosa kami dan dosa-dosa sekalian muslimin dan muslimat, mukminin dan mukminat, baik yang masih hidup maupun yang sudah mati.


Semoga rahmat Allah taala dan kesejahteraanNya sentiasa tercurah untuk penghulu kami Nabi Muhammad dan untuk sekalian keluarganya dan para sahabatnya. Dan segala puji tertentu bagi Allah Tuhan sekalian alam.

وَوَرَقْنَا لِلْإِسْتِمْسَاكِ بِسُنْتِهِ، وَلُرُومِ مِلْتِهِ، حَتَّى نَمُوتُ
عَلَيْهَا، وَاحْشُرْنَا فِي زُمْرَتِهِ وَتَحْتَ لِوَاعِهِ، وَاجْعَلْنَا مِنْ رُفَقَاءِهِ،
وَأَوْرِدْنَا حَوْضَهُ، وَاسْقَنَا بِكَائِسِهِ، وَانْفَعْنَا بِمَحَبَّتِهِ،

وَتُبْ عَلَيْنَا وَاحْفَظْنَا مِنْ جَمِيعِ الْبَلَاءِ وَالْبَلُوَاءِ وَالْغِنَنِ، مَا
ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، وَاغْفِرْ لَنَا وَلِجِمِيعِ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، أَلْحَيَاءٍ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. وَالْحَمْدُ
لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

الْكُبْرَى



IBU-IBU

Syair susunan

Sayyid Abdul Qadir Jilani bin Salim Al-Khered

Khadijah Wanita Terhebat

Dengan nama Allah

Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang

Bait-bait syair yang aku sebutkannya ini adalah mengenai Sayyidati Ummil Mukminin Khadijah al-Kubra, semoga Allah meredhainya:

Kamu mendapat ketinggian dan kedudukanmu yang hebat itu tidak diketahui tahapnya. Wanita selainmu tidak digelar sebagai al-Kubra walaupun dia hebat.

Betapa banyak wanita di dunia ini yang hebat kedudukannya tetapi jika dibandingkan denganmu, maka dia menjadi kecil.

Engkau telah menjangkakan pada wajahnya dengan satu firasat yang mana engkau dapat mengetahui dengannya rahsia Baginda.

Engkau melihat padanya cahaya kenabian yang menjelma. Maka engkau bersegera ke arah cahaya itu dan engkau mendapatkannya sebagai mahar.

الأَمَّاتُ

شِعْرٌ عَبْدِ الْقَادِيرِ جِيلَانِي ابْنِ سَالِمٍ الْخَرِيدِ

الكبيرى

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

هَذِهِ الْأَبْيَاتُ قُلْتُهَا فِي سَيِّدَتِي أُمّ الْمُؤْمِنِينَ
خَدِيجَةَ الْكُبْرَى رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا:

عَلَوْتِ فَلَمْ تُدْرِكْ مَقَامَتِي الْكُبْرَى
فَغَيْرِكِ لَا تُدْعَى - وَإِنْ عَظَمَتْ - كُبْرَى

وَكِمْ فِي نِسَاءِ الْعَالَمِينَ عَظِيمَةٌ
وَلَكِنَّهَا إِنْ قُوْرَنَتْ بِإِكْفَالِ الصُّفَرَى

تَفَرَّسْتِ فِي وَجْهِ النَّبِيِّ فِرَاسَةً
عَرَفْتِ بِهَا مَا كَانَ مِنْ أَمْرِهِ سِرَّاً

رَأَيْتِ بِهِ نُورَ التُّبُوّةِ سَاطِعاً
فَأَسْرَعْتِ نَحْوَ النُّورِ فُزْتِ بِهِ مَهْرًا

Melalui Maisarah, Allah mempermudahkan setiap apa yang engkau inginkan, maka kesenangan itu membawamu ke arah kesenangan.

Engkau telah memenangi Rasulullah ketika engkau meminanginya. Maka engkau menjadi tempat lindungnya dan mengukuhkan kekuatan baginya.

Engkau juga adalah sebagai buaian bagi risalah itu dengan menjaganya. Engkau telah menerimanya ketika mana turunnya ayat “Iqra”.

Engkaulah jua yang menenangkan Baginda dengan memberitahunya bahawa Baginda telah menerima risalah serta peringatan daripada Allah.

Engkau jua telah menyelimutkannya, berselubung dan kepada Waraqah engkau pergi bersamanya, dia membacakannya kepada Waraqah itu.

Ketika mana Jibril datang, engkau bangun tidak mengenakan purdah maka dia tidak tunggu lama, lalu engkau menjelaskannya sebagai berita gembira.¹

¹ Ketika Sayyidatina Khadijah melakukan sedemikian, maka Malaikat Jibril pun berlalu kerana ini adalah bercanggah dengan kesucian wahyu yang dibawanya. Jikalau tetamu itu bukannya Jibril iaitu syaitan, dia tidak akan beredar dari situ. Ini adalah kerana syaitan tidak membawa kesucian wahyu tersebut. Disebabkan situasi ini, maka jelaslah bahawa tetamu itu adalah Jibril yang membawa wahyu bersamanya.

بِمَيْسَرٍ قَدْ يَسَرَ اللَّهُ كُلَّ مَا
تُرِيدُنَّهُ فَالْيُسْرُ قَادِكَ لِلْيُسْرَى

رَجَحْتِ رَسُولَ اللَّهِ حِينَ خَطَبَتِهِ
فَكُنْتِ لَهُ مَأْوَى، شَدَّدْتِ لَهُ أَزْرًا

وَاصْبَحْتِ مَهْدًا لِلرِّسَالَةِ حَاضِنًا
تَلَقَّيْتِهِ مِنْ حِينٍ مَا نَزَّلْتُ إِقْرَاءً

وَأَنْتِ الَّتِي طَمَأْنَتِ طَهَ بِأَنَّهُ
تَلَقَّى مِنَ اللَّهِ الرِّسَالَةَ وَالدِّكْرَى

وَزَمْلَتِهِ، وَلَوْرَقَةٌ
ذَهَبْتِ بِهِ يَتْلُو عَلَيْهِ الَّذِي يَقْرَأُ

وَلَمَّا آتَى جِبْرِيلُ قُمْتِ بِخَلْعِكِ الـ
نِقَابَ فَلَمْ يَمْكُثْ فَأَعْلَنْتِهَا بُشْرَى

Engkau telah menuliskan beberapa huruf dalam kehidupan Nabi Muhammad. Maka engkau menjadi satu barisan lembaran paling utama pada risalah itu.

Allah telah bersyukur terhadap perbuatanmu ini dan sesungguhnya Dia itu Maha Bersyukur, sedangkan perbuatan ini pula menyebabkan kesyukuran.

Maka Tuhanmu as-Salam (Maha Sejahtera) itu memberikan kesejahteraan-Nya buatmu dan mengurniakan untukmu sebuah istana daripada mutiara dalam Syurga Firdaus.

Itulah kedudukan yang tiada ditandingi dengannya dan sebuah kedudukan khas buat kamu semua, maka Allah meninggikan nilai buat kamu semua.

Agama ini telah membesar di dalam rumahmu seolah-olah ia adalah roh yang kembar bagi Fatimah az-Zahraa.

Maka engkau mengutamakannya dengan kecintaan, ketulusan dan ketaatan. Engkau mengasihinya ketika larangannya dan ketika suruhannya.

كَتَبَتِ حُرُوفًا مِنْ حَيَاةِ مُحَمَّدٍ
فَأَصْبَحَتِ فِي أَعْلَى صَحَافَتِهَا سَطْرًا

وَقَدْ شَكَرَ الْمَوْلَى صَنِيعَكِ إِنَّهُ الـ
شَكُورُ، وَهَذَا الْفِعْلُ يَسْتَوْجِبُ الشُّكُراً

فَاهْدَاكِ مَوْلَائِكِ السَّلَامُ سَلَامَهُ
وَأَعْطَاكِ فِي الْفِرْزَدُوْسِ مِنْ قَصْبٍ قَصْرًا

مَرَاتِبُ لَا يُعْلَمُ عَلَيْهَا وَرُفْعَةُ
لَكُمْ خُصُصَتْ، فَاللَّهُ أَعْلَمُ كُمْ قَدْرًا

تَرْغَرَعَ هَذَا الدِّينُ فِي بَيْتِكُمْ كَأَ
نَّهُ التَّوْأْمُ الرُّؤْجِي لِفَاطِمَةِ الزَّهْرَا
فَأَوْلَيْتُهُ حُبًّا وَصِدْقًا وَطَاعَةً
وَاحْبَبْتُهُ نَهِيًّا وَاحْبَبْتُهُ أَمْرًا

Engkaulah wanita pertama yang bersolat di belakang Nabi Muhammad. Sedangkan selainmu itu tidak mengetahui solat Zuhur ataupun Asarnya.

Engkau hidup bersama-sama sebaik-baik utusan selama dua puluh tahun dan lebih dalam keadaan Baginda tidak mendapati kesusahan padanya.

Betapa banyak kesengsaraan yang ditempuhi oleh Nabi setelah pemergianmu itu. Pelbagai kesedihan telah menimpanya satu demi satu pada tahun kesedihan itu.

Tetapi, hati Nabi tidak terasa sempit dengannya. Baginda menghadapinya dengan kelembutan dan memakai perisai kesabaran.

Baginda menjadi setia serta terkenang-kenangkan kecintaanmu di kalangan Sahabat-sahabat sehingga Baginda menghabiskan umurnya.

Apabila disebutkan tentang suatu hari Khadijah bersama dengannya, dia menahannya dengan kerinduan dan kejutan itu mengejutkannya.

وَأَوَّلُ مَنْ صَلَّى خَلْفَ مُحَمَّدٍ
وَغَيْرُكَ لَمْ يَعْرِفْنَ ظَهْرًا وَلَا عَصْرًا
وَعَاشرتِ خَيْرَ الرُّسُلِ عِشْرِينَ حِجَّةً
وَبِضْعَ سِنِينَ لَمْ يُلَاقِ بِهَا عُسْرًا
وَكُمْ لَقِيَ الْمُخْتَارُ بَعْدَكِ مِنْ عَنَّا
هُمُومُ بَعْدِ الْحُزْنِ قَذْ أَقْبَلَتْ تَثْرَى
وَلَكِنَّ صَدْرَ الْمُصْطَطَفَى لَمْ يَضِقْ بِهَا
فَقَابَلَهَا بِالْحَلْمِ وَادْرَعَ الصَّبْرَا
وَظَلَّ وَفِيَّا سَيِّدُ الرُّسُلِ ذَاكِرًا
وَدَادَكِ فِي الْأَصْحَابِ حَتَّى قَضَى الْعُمُرَا
إِذَا ذُكِرْتُ يَوْمًا خَدِيجَةُ عِنْدَهُ
تَهَنَّدَ مُشْتَاقًا وَأَعْجَبَهُ الْإِظْرَا

Aisyah pula ketika mana mendakwa kelebihan dirinya bertukarlah wajah Nabi yang suci itu menjadi kemerah-merahan.

Baginda menyaksikan dalam Peperangan Badar ini rantai Zainab² yang dikirimkannya sebagai mempertahankan suaminya dalam tawanan.

Maka dia berasa belas kasihan padanya, berderailah air mata dari matanya yang mulia itu ketika mana kenangan itu menggerakkan hatinya.

Kecintaanmu itu kukuh dalam hati Nabi Muhammad. Sejahteralah kerana engkau telah menghimpunkan kesejahteraan dan kebanggaan.

Lembarannya ini berakhir setelah kewafatannya. Tidakkah Baginda itu pengasih di dunia ini dan juga akhiratnya?

Hendaklah engkau mengingati kami di sisinya semoga kami ini dapat melihat wajahnya sebelum kami memasuki kubur.

² Beliau adalah puteri Nabi ﷺ yang bersuamikan Abu al-'Aas bin ar-Rabi'.

وَعَائِشَةُ لَمَّا أَدَعْتُ أَفْضَلِيَّةً
تَغَيَّرَ وَجْهُهُ الْمُضْطَفَى الطُّهُورَى وَاحْمَرَّا
وَشَاهَدَ فِي بَدْرٍ قِلَادَةً زَينَبِ
وَقَدْ أَرْسَلْتُهَا تَقْتَدِي الرَّزْوَجَ فِي الْأَسْرَى
فَرَقَ لَهَا، سَالَتْ مِنَ الدَّمْعِ عَيْنُهُ الـ
شَرِيفَةُ لَمَّا حَرَكَتْ قَلْبَهُ الدِّكْرَى
فَحُبُّكِ فِي قَلْبِ التَّيِّيِّ مُمَكِّنٌ
هَنِيئًا فَقَدْ حُرِزَتِ السَّعَادَةُ وَالْفَخْرَا
أَرْقَتُهُ هَذِي انتَهَتْ بَعْدَ مَوْتِهِ
أَلَمْ يَكُنْ فِي الدُّنْيَا رَحِيمًا وَفِي الْأُخْرَى
فَهَيَّا اذْكُرْنَا عِنْدَهُ فَلَعَلَّنَا
نَرَى وَجْهَهُ مِنْ قَبْلِ أَنْ نَدْخُلَ الْقَبْرَا

Kami merindui kamu wahai ibu! Masuklah bersama kami kepada Nabi Muhammad, katakanlah: “Semoga mereka ini mendapatkan keuzuran.”

Sesiapa yang datang kepada-Nya melalui pintu kamu, Dia tidak akan menolaknya. Dia juga akan menepati timbangannya dan membesarkan balasan buatnya.

Wahai ibu buat keluarga Rasulullah, bermurahlah dengan sebuah pandangan kepada kami, sesungguhnya kami mengadu kesusahan dan kemudaratian ini.

Puteri-puterimu yang berasa tenang dalam pakaian jahiliyah itu³ berada dalam satu keadaan yang mana Tuhanku lebih mengetahui halnya.

Tiadalah tempat selain Khadijah ketika menghadapi kesukaran ini. Apabila kesukaran itu menjadi besar, kami datang kepada al-Kubra.

Kami merindui wahai ibu! Sesungguhnya air mata kami ini berlinangan disebabkan kesangatan itu sehingga membasahi leher ini.

³ Puteri-puteri yang dimaksudkan oleh penyair ini adalah anak-anak gadis Islam masa kini. Mereka disebutkan sebagai puteri-puteri Sayyidatina Khadijah kerana kedudukannya sebagai Ummul Mukminin, iaitu ibu buat semua orang yang beriman.

حَنَانِيْكِ يَا أُمَّاهَ هَيَّا ادْخُلِي بَنا
عَلَى الْمُصْطَفَى قُوْلِي لَعَلَّ لَهُمْ عُذْرًا

فَمَنْ جَاءَهُ مِنْ بَائِكُمْ لَا يَرُدُّهُ
وَيُؤْفِ لَهُ كِيلًا وَيُعَظِّمُ لَهُ أَجْرًا

فِيَا أُمَّ أَهْلِ الْبَيْتِ جُودِي بِنَظْرَةِ
إِلَيْنَا فَإِنَا نَشْتَكِي الْبُؤْسَ وَالضُّرَّا

بَنَاثِلِي فِي ثُوبِ الْجَهَالَةِ رُتَّعْ
وَفِي حَالَةِ رَيْيِ بِهَا وَحْدَهُ أَدْرَى

وَلَيْسَ لِهَذَا الْخُطُبِ غَيْرُ خَدِيجَةٍ
إِذَا كَبَرَ الْخُطُبُ التَّجَانَا إِلَى الْكُبْرَى

حَنَانِيْكِ يَا أُمَّاهَ إِنَّ دُمُوعَنَا
تَسِيلٌ مِنَ التَّفْرِيْطِ بَلَّلَتِ التَّخْرَا

Siapakah yang akan mengelap air mata lebat ini apabila berlinangan daripada si anak melainkan si ibu, maka dia lebih utama buatnya.

Kami merinduimu wahai ibu! Maka mohonlah pengampunan buat kami ini daripada Tuhan, semoga Dia menganugerahkan perlindungan yang banyak.

Labuhkan juga tanganmu kepada Allah dengan memohon. Maka amat mustahil sekali Tuhanku itu akan menolaknya sia-sia.

Allah mengurniakan rahmat kepadamu setelah Nabi Muhammad dan juga kesejahteraan selagi ada penyeru yang menyeru atau membacakan syair.

Begitu juga keluarga dan Sahabat Baginda, selagi mana penutur ini berkata: "Kamu mendapat ketinggian dan kedudukanmu yang hebat itu tidak diketahui tahapnya".

وَمَنْ يَمْسَحُ الدَّمْعَ الْغَزِيرَ إِذَا جَرَى
مِنَ الْإِبْنِ غَيْرُ الْأُمِّ فَهُنَّ بِذَا أَحْرَى

حَانَيْكِ يَا أُمَّاهُ فَاسْتَعْفِرِي لَنَا إِلَّا
إِلَهُ، لَعَلَّ اللَّهَ أَنْ يُسْلِلَ السَّرْتَرَا

وَمُدِّيْ إِلَى الْمَوْلَى يَدِيْكِ بِدَعْوَةٍ
فَحَاشَا إِلَهِيْ أَنْ يَرْدُهُمَا صِفْرًا

وَصَلَّى عَلَيْكِ اللَّهُ بَعْدَ مُحَمَّدٍ
وَسَلَّمَ مَا حَادٍ حَدَا أَوْ تَلَأْ شِعْرًا

مَعَ الْآلِ وَالْأَصْحَابِ مَا قَالَ قَائِلٌ
عَلَوْتِ فَلَمْ تُذْرَكْ مَقَامُكِ الْكُبْرَى

الآمِنِيَّة



IBU-IBU

Syair susunan

Sayyid Abdul Qadir Jilani Bin Salim Al-Khered

Al-Aminah

Dengan nama Allah
Maha Yang Pengasih lagi Maha Penyayang

Bait-bait syair yang aku hadiahkan kepada kedudukan individu yang mengurniakan buat sekalian manusia sebab kebahagiaannya dan pemimpin segala pemimpinnya. Ia jua buat beliau yang memakaikan zaman ini dengan pakaian termulia dan tercantik. Beliau juga mengenakan buatnya mahkota kebanggaan dan kemuliaan. Lalu hari Isnin pun menjadi permata buat mahkota itu, kepada beliau yang mengandungkan makhluk termulia itu.

Beliau memuatkan dalam janinnya yang suci itu seorang manusia yang tidak seperti manusia lain. Itulah cahaya yang membuatkan segala fikiran terpegun dengan kemunculannya dan berkerlipan. Buat puanku Aminah binti Wahab, yang direhui oleh Allah ...

الأَمَّهَاتُ

شِعْرٌ عَبْدِ الْقَادِيرِ حِيلَانِي ابْنِ سَالِمٍ الْخِرْدِ

الآمنية

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

هَذِهِ الْأَبْيَاتُ أَهْدِيهَا إِلَى مَقَامِ مَنْ أَهْدَتْ لِلْبَشَرِيَّةِ سَبَبَ
سَعَادَتِهَا، وَسَيِّدَ سَادَتِهَا، إِلَى مَنْ أَبْسَطَ الدَّهْرَ أَشْرَفَ حُلَّةً
وَأَبْهَاهَا، وَتَوَجَّهَ بِتَاجِ الْعِزَّةِ وَالْكَرَامَةِ، فَصَارَ يَوْمُ الْإِثْنَيْنِ دُرَّةً
ذَلِكَ التَّاجُ. إِلَى مَنْ حَمَلْتُ بِأَشْرَفِ مَخْلُوقٍ.

وَضَمَّتْ بَيْنَ أَحْشَائِهَا الطَّاهِرَةَ بَشَرًا لَا كَالْبَشَرِ، وَنُورًا حَيَّرَ
الْأَفْكَارَ ظُهُورُهُ وَبَهَرَ، إِلَى سَيِّدِيَّهُ آمِنَةَ بِنْتِ وَهْبٍ رَضِيَ اللَّهُ
عَنْهَا ...

Di dalam qasidah ini terdapat suatu isyarat bagi menolak terhadap mereka yang jahil dengan kejahatan yang mereka lakukan dengan mengatakan bahawa Sayyidatina Aminah ini tidak terselamat (dari azab neraka). Mereka terus-menerus menghina kedudukan yang tinggi ini. Mereka juga melontarkan semua ini terhadap penghulu para rasul itu,

“.. besar sungguh perkataan syirik yang keluar dari mulut mereka; mereka hanya mengatakan perkara yang dusta.”

(Al-Kahfi, 18:5).

Allah Taala berselawat ke atas anaknya dan meredhainya.

Allah berkehendakkan supaya engkau berada dalam kalangan kami sebagai seorang ibu penyayang bagi sebaik-baik Utusan Allah.

Maka Tuhan memilihmu untuk mengandungkan satu amanah. Kamu dijadikan sebagai Aminah dan melahirkan seorang nabi yang amanah.

Allah memiliki segala muatan yang mana Nabi Muhammad berbantalkan pada sudut-sudutnya, lalu ia membentuk padanya sebagai janin.

Allah memiliki segala tulang belakang yang mana Nabi Muhammad berpindah-pindah di dalamnya, maka ia berkuasa pada banyak tulang belakang dan perut¹.

¹ Ini adalah disebabkan perpindahan Nur Muhammad dari tulang belakang ke satu tulang belakang yang lain. Begitu juga halnya dari satu perut ke satu perut yang lain sehingga Baginda ke dunia ini.

وَفِي الْقُصِّيْدَةِ إِشَارَةٌ لِلرَّدِّ عَلَى الْجَهَالَةِ الَّذِينَ تَحَرَّأُوا بِقَوْلِهِمْ
بِعَدَمِ نَجَاتِهَا، فَتَطَاوِلُوا عَلَى هَذَا الْمَقَامِ الرَّفِيعِ، وَرَمَوْا عَرَضَ
الْحَائِطِ بِكُلِّ اعْتِبَارَاتٍ لِسَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ

كَبُرَتْ كَلِمَةٌ تَخْرُجُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ إِنْ يَقُولُونَ إِلَّا كَذِبًا ﴿٥﴾

(الكهف: ٥)

صَلَّى اللَّهُ عَلَى ابْنِهَا، وَرَضِيَ عَنْهَا.

اللَّهُ شَاءَكِ أَنْ تَكُوْنِي فِيْنَا
أَمَّا لِخَيْرِ الْمُرْسَلِينَ حُنُونَا

فَاخْتَارَكِ الْمَوْلَى أَمَانَةً
فَخُلِقْتِ آمِنَةً وَضَعْتِ أَمِينَا

اللَّهُ أَحْمَدُ تَوَسَّدَ أَحْشَاءً
جَنَّبَاتِهَا فَحَنَتْ عَلَيْهِ جَنِينَا

اللَّهُ أَصْلَابُ تَقَلَّبَ أَحْمَدُ
فِيهَا فَسَادُ أَظْهُرَا وَبُطُونَا

Wahai insan yang memakaikan zaman ini dengan pakaian yang termulia dan engkau telah menjadikan hari Isnin itu sebagai permata bagi mahkotanya.

Mereka jahil akan kedudukanmu ketika mereka melontarkan kata-kata. Mereka juga telah menyakitkan Nabi dengan pelbagai sangkaan.

Umatnya mengharapkannya sedangkan ibunya hampir berputus asa² jauh sekali keadaan sedemikian³ sedangkan Bagindalah yang mewasiatkan kita untuk berbaik dengannya.

Nescaya Tuhan akan membuatkan Baginda redha, maka adakah kamu berpendapat bahawa Baginda merelakan Aminah untuk merasakan kehinaan itu?

Allah yang menciptakan agamanya jua yang lebih mengetahui. Kami ini telah pun meredhai agama anakmu itu sebagai sebuah agama.

Jikalau tempat termulia itu adalah tempat yang menjadi tapak persemadian manusia terbaik itu.

² Kemungkinan penyair bermaksud dengan kesusahan ditanggung oleh Sayyidatina Aminah yang mengandungkan suatu harapan buat manusia sejagat.

³ Iaitu untuk menyakiti ibunya.

يَا مَنْ كَسَوْتِ الدَّهْرَ أَشْرَفَ حُلَّةٍ
وَجَعَلْتِ دُرَّةً تَاجِهِ الْإِثْنَيْنِا

جَهَلُوا مَقَامَكِ حِينَ قَالُوا قَوْلَةً
وَلَقَدْ أَسَأُوا فِي التَّبِيِّ طُنُونَا

تَرْجُوهُ أُمَّتُهُ وَتَيَأسُ أُمَّهُ!!
حَاشَاهُ وَهُوَ يُوصِينَا

وَلَسَوْفَ يُرْضِيَهُ الْإِلَهُ، فَهَلْ تَرَى
يَرْضَى لِآمِنَةٍ تَدُوقُ الْهُونَا

اللَّهُ أَعْلَمُ حَيْثُ يَجْعَلُ دِينَهُ
وَلَقَدْ رَضِيَتَا دِينَ إِبْنِكِ دِينَا

إِنْ كَانَ أَشْرَفُ بُقْعَةً تِلْكَ الَّتِي
أَضْحَى بِهَا خَيْرُ الْأَنَامِ دَفِينَا

Ini adalah kerana ia mengandungi tulang belulang Nabi Muhammad itu. Tetapi, di dalam perutmu ia (tulang belulang) telah pun dibentukkan.

Wahai ibu bagi Utusan terbaik itu serta nenek bagi az-Zahraa rasa malu itu melebat kepadamu selebat-lebatnya.

Bumi al-Abwaa pula berbahagia ketika kamu pergi kepadanya. Maka ia mewangi sebagai sebuah sebutan dan baik tanahnya.

Maka rindulah, kasihanilah dan di sisi Nabi itu berikanlah syafaat, Baginda juga adalah pemberi syafaat buat kami ini.

Berlembutlah dan ingatlah kepada keturunan az-Zahraa, maka nenek-nenek itu amat lembut perwatakannya.

Kami berasa gembira apabila kami disebut di sisinya atau kami dapat mendengar suaranya yang menyeru kami.

فَلِكُونَهَا ضَمَّتْ عِظَامَ الْمُضْطَفَى
لَكِنْ بِبَطْنِكِ كُوَنَتْ تَكُونِيَّا
يَا أُمَّ خَيْرِ الْمُرْسَلِيْنَ. وَجَدَّةَ الـ
زَهْرَاءِ أَمْطَرَكِ الْحَيَاءُ هَتُونَا
سَعِدَتْ بِكِ الْأَبْوَاءُ حِينَ نَزَلْتَهَا
فَتَعَظَّرَتْ ذِكْرًا، وَطَابَتْ طِينَا
فَتَحَّنَّيْ فِي وَتَعَظَّفَ فِيْ وَلَدَيِ الْثَّـ
يِّ شَفَاعَيْ فَهُوَ الْمُشَفَّعُ فِيْنَا
وَتَلَطَّفَ فِيْ وَتَذَكَّرَ فِيْ ذُرِيَّةَ الـ
زَهْرَاءِ فَالْجَدَّاتُ أَكْثَرُ لِيَنَا
فَلَنَا السَّعَادَةُ إِنْ ذُكْرَنَا عِنْدَهُ
أَوْ إِنْ سَمِعْنَا صَوْتَهُ يَدْعُونَا

Kami menyeru seruanmu wahai sebaik-baik manusia dan Penghulu sekalian rasul yang mulia dan jua rahsia kami yang terlindung itu.

Wahai manusia yang memiliki akhlak hebat itu sebagai sikap Kemaafan di sisimu jua telah dicapai oleh mereka yang mengharapkannya.

Maafkan kami wahai Rasulullah kerana sikap malu kami ini telah menghalang kami daripada berkata-kata dan sebuah ketakutan menimpa kami.

Kami mengharapkan kasih sayangmu sesungguhnya kami ini telah ketinggalan tanpa keuzuran, kami telah meninggalkan perkara fardu dan perkara sunat.

Pohonkanlah keampunan daripada Tuhan buat kami ini wahai tuanku serta lenyap kejauhan di antara kami dan perbezaannya.

Tuhanmu telah mengurniakan buatmu kedudukan yang tidak pernah Dia kurniakan kepada Isa, tidak juga kepada Musa dan tidak juga kepada Harun.

لَبَّيْكَ يَا خَيْرَ الْأَيَّامِ وَسَيِّدَ الْ
رُّسُلِ الْكَرَامِ، وَسِرَّا الْمَكْنُونَ
يَا مَنْ لَهُ الْخُلُقُ الْعَظِيمُ سَجِّيَّةُ
وَالْعَفْوُ عِنْدَكَ نَاهَهُ الرَّاجُونَ
عَفْوًا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ حَيَاءَنَا
مَنَعَ الْكَلَامَ وَهَيْبَةً تَعْرُونَا
رُحْمَاكَ إِنَّا قَدْ تَخَلَّفَنَا بِلَا
عُذْرٍ، تَرَكَنَا الْفَرْضَ وَالْمَسْنُونَ
فَاسْتَغْفِرِ الْمَوْلَى لَنَا يَا سَيِّدِي
وَاطِّرِ الْمَسَافَةَ بَيْنَنَا وَالْبُونَ
أَعْطَاكَ رَبُّكَ رُتبَةً لَمْ يُعْطِهَا
عِيسَى وَلَا مُوسَى وَلَا هَارُونَ

Lihatlah dengan pandangan kasihan serta sayangi kami terhadap kehinaan kami ini!⁴ Terimalah juga syafaat Aminah binti Wahab pada kami ini!

Wahai Tuhan kita, sampaikan selawat ke atas Nabi Muhammad serta keluarganya. Selama mana penyeru ini berdiri atau pembaca kami ini membacanya.

Dengan kedudukannya juga wahai Tuhan kita! Engkau jadikan permintaan kami ini satu kenyataan. Serta ampunkanlah kami ini serta sesiapa yang berkata: “Aamin!”

⁴ Penyair mula berdoa kepada Allah.

أُنْظِرْ بِعَيْنِ الْعَظْفِ وَارْحَمْ دُلَّا
وَاقْبِلْ شَفَاعَةَ بِنْتِ وَهْبٍ فِينَا
يَا رَبِّ صَلِّ عَلَى النَّبِيِّ وَآلِهِ
مَا قَامَ حَادِ أَوْ تَلَّا تَالِيْنَا
وَبِحَقِّهِ يَا رَبِّ حَقَّ سُؤْلَنَا
وَاغْفِرْ لَنَا وَلِمَنْ يَقُولُ آمِينَا

قصيدة التوسل



QASIDAH AT-TAWASSUL

Setelah penutup majlis pengurniaan ijazah dengan al-Awail wal Musalsalat pada malam Selasa 22 Shawwal 1424H di Maahad at-Tarbiyah al-Islamiyah, Derang, Kedah, Malaysia, maka bergelombanglah kepintaran Tuan Guru kita, seorang ulama' bagi negara Hijaz dan wangian bagi negeri al-Haram (Makkah), as-Sayyid Muhammad 'Alawi al-Maliki al-Hasani dengan menyusun rangkap-rangkap syair berbentuk doa yang mengusik jiwa ini. Maka beliau pun menulisnya pada malam itu dan menulis sebahagiannya lagi di Kuala Lumpur, serta memberikannya kepada saya, Ahmad Fahmi Zamzam al-Banjari an-Nadwi al-Maliki sebelum beliau berangkat pulang ke Makkah al-Mukarramah. Saya juga telah meminta izin daripadanya supaya menghiasi kitab ini dengannya. Maka beliau mengizinkannya dengan kami mensyukurinya. Ia adalah ...

قصيدة التوسل

وبعد ختام جلسة الإجازة بالأوائل والمسلسلات في ليلة الثلاثاء ٢٢ شوال ١٤٢٤هـ بمعهد التربية الإسلامية، ديرانج قدح، ماليزيا، جاشت قريحة شيخنا علامة الحجاز وريحانة البلد الحرام السيد محمد بن علوى المالكى الحسنى بهذه الأبيات الدعائية الرقيقة فكتبتها في تلك الليلة وكتب بعضها في كوالا لمبور، وأعطاني إياها قبل عودته إلى مكة المكرمة. واستأذنا منه أن نخلي بها هذا الكتاب فأذن بذلك مشكورا.

وهي:

Aku bertawassul dengan Nabi Muhammad sebaik-baik jalan, dan pintu buat mereka yang berhajat dan memohonkannya.

Aku masuk kepadanya dengan hadis dan kitab-kitabnya serta para periyayatnya daripada tokoh-tokoh yang sempurna.

Wahai Tuhanaku, kami bertawassul dengan kemegahan Muhammad, kaum kerabatnya dan para Sahabatnya yang sempurna.

Begitu juga kitab-kitab mulia yang meriwayatkan hadisnya serta mereka yang meriwayatkannya daripada para tokoh yang sentiasa memindahkannya.

Begitu juga dengan kebanggaan Muwatta' al-Imam Malik dan beliau adalah orang alim bagi Al-Madinah, dan kata-kata itu datang daripada sebaik-baik yang berkata.

Itulah bapa kepada ilmu serta atsar yang mana tiada bagi selainnya perkataan mahupun fatwa bagi menyelesaikan permasalahan.

تَوَسَّلْتُ بِالْمُخْتَارِ خَيْرِ الْوَسَائِلِ
وَبَابِ ذَوِي الْحَاجَاتِ مِنْ كُلِّ سَائِلٍ

دَخَلْتُ عَلَيْهِ بِالْحَدِيثِ وَكُثُرَهِ
وَمَنْ قَدْ رَوَاهُ مِنْ رِجَالٍ أَمَاثِيلِ

إِلَهِنِي تَوَسَّلْنَا بِجَاهِ مُحَمَّدٍ
وَبِالْأَلَالِ وَالْأَصْحَابِ مِنْ كُلِّ كَامِلٍ

وَبِالْكُتُبِ الْغَرَاءِ تَرْوِيْ حَدِيثَهُ
وَمَنْ قَدْ رَوَاهَا مِنْ رِجَالٍ حَلَاحِلِ

بِجَاهِ مُوَطَّدِ مَالِكٍ وَهُوَ عَالِمُ الْ
مَدِينَةِ جَاءَ القَوْلُ عَنْ خَيْرِ قَائِلٍ

أَبُو الْعِلْمِ وَالْأَئْمَارِ لَيْسَ لِغَيْرِهِ
كَلَامٌ وَلَا فَتْوىٌ لِحَلٌّ الْمَشَائِلِ

Begitu juga dengan kebanggaan pemimpin bagi pendapat Sayyidina Abu Hanifah pintu buat perbincangan yang dapat mengalahkan yang lain.

Kami meriwayatkannya dengan sandaran-sandarannya daripada para imam yang mengijazahkan kami secara lafaz, maka ambillah ia!

Begitu juga dengan al-Imam asy-Syafi'i serta apa yang diriwayatkannya daripada sunnah-sunnah yang mulia cahaya bagi pelbagai sumber.

Melalui beliau (Imam As-Syafie) dan terus kepada Imam Malik telah kami riwayatkan hadis-hadis sahih yang seakan-akan rantai emas murni yang sangat indah.

Begitu juga dengan musnad yang terkenal, iaitu Musnad al-Imam Ahmad bapa bagi sunnah guru yang mulia serta yang berjuang.

Maka itulah Ahmad, kemudiannya asy-Syafi'i, lalu Malik kepada Nafi' tuan empunya hadis yang menyambungkan (kami).

بِحَجَاهِ إِمَامِ الرَّأْيِ سَيِّدِنَا أَيْيَهِ
خَنِيقَةَ بَابِ لِلْحِوَارِ الْمُجَادِلِ

رَوَيْنَا مَسَانِيدَ لَهُ عَنْ أَئِمَّةِ
أَجَازُوا لَهَا لَفْظًا فَخُذْ وَتَأَوَّلِ

بِحَجَاهِ الْإِمَامِ الشَّافِعِيِّ وَمَا رَوَى
مِنَ السُّنَّةِ الْغَرَائِيِّ نُورِ الْمَنَاهِلِ

إِلَى مَالِكٍ عَنْهُ رَوَيْنَا مُسْلِسًا
مِنَ الدَّهَبِ الصَّافِي أَصَحَّ السَّلَاسِلِ

وَبِالْمُسْنَدِ الْمَشْهُورِ مُسْنَدِ أَحْمَدِ
أَيِّ السُّنَّةِ الشَّيْخِ الْجَلِيلِ الْمُنَاضِلِ

فَأَحَمَدُ ثُمَّ الشَّافِعِيُّ فَمَالِكٌ
إِلَى نَافِعٍ مَوْلَى الْحَدِيثِ الْمُوَاصِلِ

Dengan kemuliaan Amirul Mukminin kekasih kami al-Bukhari kami ketua bagi tokoh-tokoh terawal

Begitu jua kitab al-Jami'nya yang terkenal dengan kedudukannya yang sahih yang menduduki pada puncak ketinggian dan kedudukan mulia.

Begitu halnya juga dengan al-Hafiz yang terkenal dengan ketepatannya iaitu Muslim dan penghimpunnya kitab Sahih kedua yang kaya (dengan ilmunya).

Begitu dengan kitab Sunan yang mulia telah datang kepada kami meriwayatkan Abu Dawud maka hafazlah dan terimalah ia.

Dan dengan kitab al-Jami' al-Hawi yang menghimpunkan sunnah kita yang beliau riwayatkan daripada Nabi mahkota bagi semua perhimpunan.

Yang diriwayatkan oleh Abu Isa dikenali sebagai at-Tirmizi dengannya kita bertawassul, begitu jua dengan kitab asy-Syamailnya.

بِجَاهِ أَمِيرِ الْمُؤْمِنِينَ حَيْنِيَّا
بُخَارِيَّا شَيْخِ الرِّجَالِ الْأَوَّلِ
وَجَامِعِهِ الْمَعْرُوفِ بِالصِّحَّةِ الَّذِي
تَرَبَّعَ فِي أَوْجِ الْعُلَا وَالْمَنَازِلِ
وَبِالْحَافِظِ الْمَعْرُوفِ بِالصَّبْطِ مُسْلِمٍ
وَجَامِعِهِ ثَانِي الصِّحَّاجِ الْحَوَافِلِ
وَبِالسُّنْنِ الْغَرَّا الَّتِي قَدْ أَتَتْ لَنَا
رَوَاهَا أَبُو دَاؤَدَ فَاحْفَظْ فَوَّاقِيلِ
وَبِالْجَامِعِ الْحَاوِيِّ لِسُنْنَتِنَا الَّتِي
رَوَاهَا عَنِ الْمُخْتَارِ تَاجِ الْمَحَافِلِ
رَوَاهَا أَبُو عِيسَى الشَّهِيرُ بِتِرْمِذِ
بِهَا قَدْ تَوَسَّلْنَا گَذَا بِالشَّمَائِلِ

Begitu juga dengan as-Sunan as-Sughra yang telah datang kepada kita daripada an-Nasa'i yang adil sebagai kurniaan bagi yang ada kelebihan.

Aku bertawassul dengan guru yang hebat iaitu Ibnu Majah dan apa yang diriwayatkannya daripada sunnah dan segala kelebihan.

Dengan al-Imam ad-Darimi dan apa yang diriwayatkannya daripada sunnah-sunnah yang datang seumpama suluhan-suluhan cahaya.

Dengan kitab al-Mustadrak bagi guru yang hebat yang digelar. Sebagai al-Hakim bagi Naisabur, maka cari dan berhujahlah (dengannya).

Begitu juga dengan as-Sunan al-Kubra kepunyaan al-Hafiz al-Baihaqi yang beliau riwayatkan petikannya dengan memindahkannya daripada orang-orang baik.

Begitu juga dengan kitab al-Hilyah yang dikenali dan al-Jami' yang menghimpunkan cerita para wali yang sempurna dan mulia.

وَبِالسُّنْنِ الصُّغْرَى الَّتِي قَدْ أَثَتْ لَنَا
عَنِ النَّسَائِيِّ الْعَدْلِ فَضْلًا لِفَاضِلٍ
تَوَسَّلْتُ بِالشَّيْخِ الْجَلِيلِ ابْنِ مَاجَةَ
وَمَا قَدْ رَوَى مِنْ سُنْنَةٍ وَفَضَائِلٍ
بِحَجَاهِ الْإِمَامِ الدَّارِمِيِّ وَمَا رَوَى
مِنْ السُّنْنِ الْلَّاتِي أَتَتْ كَالْمَشَاعِلِ
بِمُسْتَدْرَكِ الشَّيْخِ الْكَبِيرِ الَّذِي دُعِيَ
بِحَاكِيمِ نَيْسَابُورَ فَاجْهَتْ وَجَادِلَ
وَبِالسُّنْنِ الْكُبِيرِ لِحَافِظِ بَيْهَقِ
رَوَاهَا عَنِ الْأَخْيَارِ نَصًّا بِنَاقِلٍ
وَبِالْحَلْيَةِ الْمَعْرُوفِ وَالْجَامِعِ الَّذِي
حَوَى لِكِرَامِ الْأُولَيَاءِ الْكَوَامِلِ

Dengan para imam itu dan setiap yang arif dengan merekalah kami telah bertawassul, begitu juga dengan kitab Dalailul Khairat ...

Dan kami tamatkan perkara ini dengan kitab asy-Syifaa dan ‘Iyaadh sendiri iaitu yang memiliki kelebihan dan keikhlasan Qadhi bagi segala permasalahan.

Begitu juga setiap kitab hadis yang aku riwayatkannya aku bertawassul dengannya ke hadrat Tuhan Yang memiliki kenyataan yang hebat-hebat itu.

Dengan merekalah segala keinginan diperolehi dan kebahagian yang kami harapkan daripada sebaik-baik yang dekat dan yang berjauhan.

Wahai Tuhanku! Berikan kami manfaat dengan keberkatan mereka. Tunjukkan kebaikan buat kami dengan kemuliaan mereka.

Matikan juga kami pada jalan mereka. Serta mendapat keselamatan daripada pelbagai fitnah.

Allah berselawat dan mengurniakan kesejahteraan ke atas Penghulu kami Nabi Muhammad, kaum keluarga dan para Sahabatnya.

Segala puji juga bagi Allah Tuhan sekalian alam ini.

أَئِمَّةٌ ذَاكَ الْعَهْدِ مِنْ كُلِّ عَارِفٍ
بِهِمْ قَدْ تَوَسَّلَنَا كَذَا بِالدَّلَائِلِ

وَنَخْتِمُ هَذَا بِالشِّفَافَةِ وَعِيَاضِهِ
أَيِّ الْفَضْلِ وَالْإِحْلَاصِ قَاضِي الْمَسَائلِ

بِكُلِّ كِتَابٍ فِي الْحَدِيثِ رَوَيْتُهُ
تَوَسَّلْتُ لِلْمَوْلَى عَظِيمَ الْمَنَائِلِ

بِهِمْ يَحْصُلُ الْمَطْلُوبُ وَالْفَرْجُ الَّذِي
نُؤْمِلُ مِنْ خَيْرٍ قَرِيبٍ وَآجِلٍ

رَبِّ فَانْفَعْنَا بِرَبَّكَتِهِمْ وَاهْدِنَا الْخُسْنَى بِحُرْمَتِهِمْ

وَأَمْتَنَّا فِي طَرِيقَتِهِمْ وَمُعَافَاتٍ مِنَ الْفِتَنِ

وصلى الله على سيدنا محمد

وعلى آله وصحبه وسلم

والحمد لله رب

العالمين

